


[TELAH DISEMAK]

Jilid 1
Bil. 69

Rabu
10 Januari 1996



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KHAS**

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Ruangan

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan
daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 48]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- .. Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- .. Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).
- .. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- .. Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- .. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).
- .. Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).
- .. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- .. Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR,
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- .. Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- .. Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- .. Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- .. Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- .. Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- .. Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJUL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL. P.J.K. (Hulu Selangor).
- .. TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- .. TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- .. TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- .. TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- .. DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- .. TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH. P.P.T., A.M.P. (Tambun).

- Yang Berhormat TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- .. DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- .. PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- .. TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- .. DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- .. TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- .. TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- .. TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- .. TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- .. TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- .. TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timur).
- .. CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- .. TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- .. DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- .. PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- .. TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- .. TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- .. TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- .. DATO' HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- .. TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- .. TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- .. DATO' HEW SEE TENG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- .. TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- .. DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- .. TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- .. TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- .. PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- .. TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- .. DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- .. TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- .. TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- .. TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- .. DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- .. DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- .. PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- .. TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- .. TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- .. TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- .. DR. MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- .. TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- .. TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- .. TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- .. DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- .. DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- .. TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- .. TUN HAJI MUSTAPHA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- .. TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- .. TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- .. DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- .. TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- .. DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- .. TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat DATO' QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- .. TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- .. DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- .. MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- .. TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- .. PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- .. TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- .. TUAN SALAMON BIN SELAMAT, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- .. PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- .. DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- .. DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- .. CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- .. DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- .. DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- .. DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- .. DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- .. TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- .. TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- .. WAN HANAFIAH BIN WAN SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- .. WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- .. TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- .. DATO' YAP PIAN HON, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- .. DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- .. DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- .. TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- .. TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- .. TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- .. DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- .. TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- .. TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasar Mas).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Hajah Kalsom binti Ghazali Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Rozita binti Abd. Samad. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.
--------------------	--

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 10hb Januari, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
INSTITUSI PENDIDIKAN
TINGGI SWASTA 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [9hb Januari, 1996]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Menteri Pendidikan, sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, dengan itu jelaslah bahawa kedudukan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di IPTS diperkukuhkan berbanding dengan keadaan sekarang yang hampir semua kursus dikendalikan dalam bahasa Inggeris. Dalam rang undang-undang ini bahasa Inggeris hanya digunakan dalam keadaan yang benar-benar memerlukan

sahaja. Dalam hal ini, menteri mempunyai kuasa mengikut *Fasal 43(1)* untuk mengarahkan supaya kursus pengajian yang dikendalikan dalam bahasa Inggeris dikendalikan dalam Bahasa Kebangsaan. Peruntukan ini diadakan untuk menjamin agar Bahasa Kebangsaan tidak akan terhakis dan terungki oleh gempuran gelombang bahasa asing.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghuraikan peruntukan utama yang terdapat dalam rang undang-undang ini. Untuk menjamin kewibawaan penubuhan dan pengurusan IPTS di samping memastikan kualiti, kuantiti dan ekuiti terkawal, *Fasal 6* memperuntukkan bahawa setiap IPTS hanya boleh ditubuhkan dengan kebenaran Menteri Pendidikan. Sehubungan ini, walaupun mana-mana pihak boleh memohon untuk menubuhkan sesebuah IPTS, kelulusan hanya diberi kepada syarikat yang berdaftar di Malaysia yang mempunyai jumlah modal minimum yang ditetapkan dan memenuhi semua syarat yang ditentukan. Perkara ini diperuntukkan dalam *Fasal 12*. Walau bagaimanapun, *Fasal 10(1)(a)* membolehkan Menteri Pendidikan menetapkan apa-apa syarat lain semasa meluluskan sesuatu permohonan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap pendidikan tinggi khususnya dalam bidang yang baru dan belum terdapat di negara ini, di samping meningkatkan lagi kualiti pendidikan, negara perlu membuka pintu kepada universiti ternama dan terbilang dari luar negeri menubuhkan cawangan di Malaysia sama ada dalam bentuk kolej universiti ataupun kampus cawangan. Oleh itu, *Fasal 21* dan *22* memperuntukkan bahawa permohonan menubuhkan IPTS yang merupakan sebuah cawangan bagi mana-mana universiti asing ataupun bagi menubuhkan sesebuah universiti swasta atau kolej

universiti swasta hanya boleh dibuat atas pelawaan Menteri Pendidikan. Walau bagaimanapun, penubuhan cawangan ini diselaraskan dengan dasar dan keperluan negara serta tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa pengurusan yang efektif akan dapat menentukan setiap IPTS berkeupayaan memberi pendidikan yang berkualiti kepada pelajar. Untuk memastikan wujudnya sistem pengurusan yang efektif, *Fasal 30* memperuntukkan supaya setiap IPTS ditadbirkan mengikut perlembagaan yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar. Di samping itu, perlantikan seorang ketua eksekutif sesebuah IPTS juga diwajibkan di bawah *Fasal 31*. Dalam pada itu, *Fasal 33* memperincikan tugas dan tanggungjawab ketua eksekutif tersebut.

Amalan pengiklanan yang dilakukan oleh IPTS memang menimbulkan banyak persoalan kebelakangan ini. Dalam usaha untuk menarik pelajar seramai mungkin, terdapat beberapa buah IPTS yang mengamalkan kaedah pengiklanan dengan menggunakan maklumat serta data yang tidak tepat. Lebih membimbangkan lagi, apabila terdapat IPTS lain dalam usaha menandingi iklan yang dikeluarkan oleh sesebuah IPTS menggunakan kaedah iklan yang lebih meragukan lagi. Sehubungan ini, perang iklan yang berlaku bukan sahaja boleh mengelirukan orang ramai tetapi boleh menyebabkan penuntut terjebak ke dalam satu kursus yang rendah mutunya. Oleh itu, *Fasal 72, 73, 74 dan 75* diperuntukkan bagi mengawal aktiviti pengiklanan oleh IPTS.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa program pendidikan yang ditawarkan oleh IPTS perlu diselaraskan dengan permintaan pasaran, terutamanya dari segi memenuhi keperluan sumber manusia. Di samping itu, satu mekanisme bagi

menjamin kualiti demi kebajikan penuntut dan nama baik IPTS serta negara perlu diwujudkan. Oleh itu, *Fasal 38* memperuntukkan supaya sesebuah IPTS hanya boleh menjalankan sesuatu program atau kursus pendidikan setelah mendapat kebenaran Menteri Pendidikan sahaja.

Dalam pada itu, *Fasal 44* melarang mana-mana IPTS daripada menganugerahkan sijil, diploma atau ijazah tanpa mematuhi piawai minimum yang ditetapkan oleh Lembaga Akreditasi Negara serta diluluskan oleh Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, IPTS perlu didaftar bagi memastikan kepatuhan kepada piawai minimum dari aspek fizikal sesebuah IPTS. Ini diperuntukkan dalam *Fasal 24*.

Fasal 27 memberi kuasa kepada ketua pentadbir untuk menolak permohonan pendaftaran sesebuah IPTS atas sebab-sebab yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, *Fasal 26* memerlukan tiap-tiap IPTS yang diluluskan pendaftarannya mempamerkan sijil pendaftarannya di tempat yang mudah dilihat oleh orang ramai dalam premisnya.

Jaminan, dengan izin, *tenure of stay*, adalah amat penting bagi mana-mana pihak melakukan pelaburan dalam industri pendidikan terutamanya bagi menubuhkan sesebuah IPTS bertaraf universiti atau kolej universiti. Oleh itu, kelulusan penubuhan dan pendaftaran sesebuah IPTS tidak mengenakan batasan dari segi tempoh. Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab yang ditetapkan seperti yang diperuntukkan dalam *Fasal 54 dan 55*, Ketua Pendaftar boleh memansuhkan kelulusan atau membatalkan pendaftaran mana-mana IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjamin tenaga pengajar di IPTS terdiri daripada

mereka yang berkelayakan dan sesuai, *Fasal 51* memperuntukkan setiap tenaga pengajar di IPTS perlu memperolehi permit mengajar yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar.

Berhubung dengan disiplin, rang undang-undang ini memperuntukkan bahawa Perlembagaan sesebuah IPTS hendaklah mengandungi secara terperinci mengenai disiplin dan tingkah laku pelajar di IPTS.

Fasal 47 melarang pelajar IPTS daripada menjadi ahli sesuatu parti politik, kesatuan sekerja atau pertubuhan lain di luar IPTS. Walau bagaimanapun, pelajar IPTS akan dibenarkan menubuhkan persatuan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan pelajar yang berfaedah dan perkara ini akan diperjelaskan dalam satu pindaan yang akan saya cadangkan pada peringkat Jawatankuasa nanti.

Melalui *Fasal 47* juga, badan atau kumpulan pelajar IPTS dilarang bergabung, bersekutu atau mempunyai urusan lain dengan mana-mana pertubuhan parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana organisasi di luar. Di samping itu pelajar atau badan-badan pelajar IPTS dilarang membuat sesuatu yang boleh dianggap sebagai menyatakan sokongan dan simpati atau tentangan terhadap mana-mana parti politik atau kesatuan sekerja. Sementara itu, *Fasal 46* menetapkan bahawa pihak berkuasa disiplin di sesebuah IPTS adalah ketua eksekutif IPTS tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, penutupan sesebuah IPTS atas sebab-sebab tertentu menimbulkan banyak implikasi kepada beberapa pihak khususnya pelajar. Oleh yang demikian *Fasal 60* memperuntukkan tindakan yang perlu diambil oleh sesebuah IPTS yang hendak menamatkan operasinya. Sementara itu *Fasal 61* pula

memperuntukkan bahawa kebajikan penuntut diberi perkiraan khas apabila sesebuah IPTS ditutup.

Fasal 63 dan *64* memperuntukkan supaya pemeriksaan dilakukan oleh atau bagi pihak Ketua Pendaftar terhadap mana-mana IPTS untuk memastikan kehendak perundangan dipatuhi.

Fasal 66, 67 dan *68* memberi kuasa kepada Ketua Pendaftar serta pegawai lain yang dikenal pasti untuk melakukan penyiasatan dan pendakwaan terhadap mana-mana IPTS yang didapati melakukan sebarang kesalahan di bawah rang undang-undang ini.

Fasal 69 pula memberi kuasa kepada pegawai penyiasat untuk mengunci atau menutup mana-mana bangunan yang digunakan sebagai premis IPTS yang tidak berdaftar.

Fasal 76, 77, 78 dan *79* memperuntukkan kesalahan berhubung dengan penubuhan sesebuah IPTS, penganugerahan sijil dan ijazah, pernyataan palsu atau mengelirukan, kelulusan dan pendaftaran dan pertubuhan perbadanan.

Fasal 82 memperuntukkan penalti bagi kesalahan lain daripada yang tersebut di atas. Kuasa ketua pentadbir untuk mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah rang undang-undang ini atau peraturan yang dibuat di bawahnya diperuntukkan dalam *Fasal 86*.

Fasal 87 pula memperuntukkan kuasa bagi Ketua Pendaftar dan pegawai di bawahnya untuk melakukan apa-apa pendakwaan bagi kesalahan di bawah rang undang-undang ini dengan kebenaran bertulis daripada Pendakwa Raya.

Fasal 88 memperuntukkan kuasa kepada Menteri Pendidikan membuat

peraturan mengenai perkara tertentu yang memerlukan perincian daripada peruntukan substantif yang telah diadakan dalam fasal-fasal terdahulu.

Fasal 89 hingga 95 menyediakan beberapa peruntukan am bagi memudahkan penguatkuasaan rang undang-undang sedang diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan rang undang-undang ini bertujuan untuk mengawal selia penubuhan, pengurusan, perkembangan dan pengendalian IPTS di negara ini. Ini selaras dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju sepenuhnya dengan acuan sendiri menjelang tahun 2020, di samping menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini.

Sehubungan itu, kerajaan memang mengalu-alukan dan menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam industri pendidikan dengan mengadakan peruntukan yang boleh memudahkan perkembangan pendidikan tinggi swasta di negara ini. Penyertaan sektor swasta dalam pendidikan tinggi akan menyemarakkan kegiatan perkembangan ilmu dan pembangunan sumber manusia di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan pendaftaran, pengurusan dan pengawalseliaan dan kawalan kualiti pendidikan yang diberikan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Machang.

2.47 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta bagi tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini, kita telah dibentangkan dengan empat buah rang undang-undang dan barangkali inilah rang undang-undang yang terakhir yang telah secara sekali gus merobah keseluruhan sistem pendidikan di negara kita setelah ianya diasaskan melalui Akta Pelajaran 1961. Masa berlalu, tidak sesiapa pun memikirkan bahawa dalam jangka masa hanya lebih 30 tahun sahaja seluruh sistem pendidikan negara kita telah mengalami perubahan yang amat besar.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam ucapannya tadi menyatakan bahawa perubahan-perubahan ini adalah perlu dan dalam ucapan-ucapannya sebelum daripada ini adalah perlu memandangkan kepada perkembangan dan kedudukan semasa.

Kita tidak dapat menafikan ini, bahawa kadang-kadang perubahan adalah perlu tetapi perubahan yang melibatkan soal-soal dasar mestilah difikir semasak-masaknya supaya ianya tidak membawa kerugian yang besar kepada generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita membaca keempat-empat rang undang-undang ini sekali gus, iaitu pertama, Akta Pendidikan 1996, Akta Universiti dan Kolej Universiti, Akta Majlis Pendidikan

Tinggi kelmarin dan Akta yang ada di hadapan kita hari ini, keempat-empatrang undang-undang ini sebenarnya telah merobah seluruh sistem pendidikan di negara kita. Sebahagian besar daripada perubahan ini telah menyentuh soal dasar yang selama ini diperjuangkan oleh banyak parti politik di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berhajat untuk menyentuh rang undang-undang ini secara umum dan pada masa yang sama akan memetik beberapa buah peruntukan yang terdapat di bawah rang undang-undang ini yang saya anggap menyentuh persoalan dasar yang telah dimaksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah menganggap bahawa universiti dan institusi pengajian tinggi adalah terdiri daripada komuniti mahasiswa dan cendekiawan. Fungsi utamanya ialah untuk mendapatkan ilmu. Matlamat tertinggi ilmu ialah mencari kebenaran. Ia hanya dapat dicapai melalui aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. IPT dan universiti mesti berikhtiar untuk mencapai kecemerlangan ilmu. Ia hanya dapat dicapai sekiranya komuniti mahasiswa dan cendekiawan dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dalam pembelajaran, perbahasan, berfikir, penyelidikan, penulisan dan suasana yang bebas daripada ancaman dan ketakutan. Oleh itu kebebasan akademik adalah prasyarat utama kepada kecemerlangan akademik di negara kita, bukan pengkorporatan, bukan penswastaan. Sekali lagi saya tegaskan - kebebasan akademik adalah prasyarat utama kepada kecemerlangan pendidikan di negara kita, bukan pengkorporatan dan bukan penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini tidak membantu ke arah pengwujudan alam sekitar akademik yang bebas dan cemerlang. Bahagian VIII mengandungi fasal-fasal yang berkaitan

dengan soal-soal sekatan kebebasan akademik yang saya maksudkan tadi. Ia hanya perluasan kepada beberapa aspek peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang sedia ada yang secara sekali gus menyekat kebebasan akademik di negara kita. Sekiranya Akta Universiti tadi telah banyak melibatkan dan mengakibatkan kemerosotan kecemerlangan akademik kita, maka langkah memperkenalkan rang undang-undang ini tidak akan membantu menaikkan kembali kecemerlangan akademik di negara kita sekarang.

Andaian kerajaan bahawa percambahan IPT swasta akan meningkatkan mutu pendidikan kita dan sekali gus menjadikan negara ini pusat pendidikan serantau adalah salah. Eropah dan Amerika maju dari segi pendidikannya bukan sekadar memiliki banyak institusi pengajian swasta, tetapi juga kerana memiliki alam sekitar akademik yang bebas dari sebarang cengkaman. Manakala Indonesia yang juga mempunyai banyak institusi pengajian swasta belum berjaya membuktikan kejayaannya dalam bidang pendidikan, kerana di sana juga terdapat banyak batasan dalam kebebasan akademik. Alasan kementerian untuk mengekalkan aspek-aspek draconian dalam akta ini tidak meyakinkan kami sama sekali. Sebaliknya ia melambangkan sifat malas dan tidak kemampuan para pegawai pendidikan dan pemimpin negara dalam menangani isu-isu kemasyarakatan yang bakal di bawa oleh para cendekiawan dan mahasiswa.

Sebab itulah terdapat banyak fasal-fasal dalam rang undang-undang ini melarang golongan intelligentsia kita untuk memberi sumbangan kepada masyarakat melalui penglibatan dalam politik, kesatuan sekerja dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Ini termasuk NGO yang berkaitan dengan dunia akademik seperti Persatuan Ekonomi Malaysia, Persatuan Sains Sosial Malaysia dan

Persatuan Sejarah kerana badan-badan ini merupakan pertubuhan yang termasuk dalam kategori organisasi yang dilarang oleh Fasal 47(1) rang undang-undang ini. Amat malang kalau pelajar kita akan didenda RMI,000 kerana menyertai persatuan geography di sekolah atau di IPT yang dimaksudkan. Walaupun Yang Berhormat Menteri dalam ucapannya tadi telah menggambarkan bahawa akan membawa suatu pindaan dalam peringkat jawatankuasa untuk menggariskan secara jelas apakah persatuan-persatuan yang boleh disertai oleh pelajar-pelajar ini, tetapi dalam rang undang-undang yang sedia ada, ini tidak dibezakan dengan jelas.

Adalah benar dan jelas bahawa mengikut fahaman dalam rang undang-undang sekarang, mana-mana pelajar institut pendidikan tinggi swasta tidak boleh menyertai sebarang persatuan termasuk bergabung dengan mana-mana persatuan hatta menyertai persatuan di sekolah itu sendiri.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri bangun.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penjelasan bahawa dalam pindaan yang akan saya bawa dalam Jawatankuasa nanti, akan dimasukkan peruntukan di mana kegiatan-kegiatan pelajar melalui persatuan yang berfaedah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang iaitu kalau dalam Persatuan Geography, Persatuan Ekonomi dan sebagainya boleh dibenarkan dan ini akan tertakluk kepada kuasa Ketua Pendaftar untuk menentukan mana satu persatuan yang boleh memberi manfaat ke arah kecemerlangan pendidikan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, saya baca yang ada. Tuan Yang di-Pertua, pindaan tidak ada di hadapan kita. (*Sorak*) - tidak ada, pindaan itu di peringkat Jawatankuasa. Yang saya faham ialah daripada rang undang-undang ini dan kita sedang bercakap mengenai rang undang-undang ini. Saya mengucapkan terima kasih kalau Yang Berhormat akan memperjelaskan sebab di dalam akta, ini tidak jelas. Apa yang saya faham mengikut rang undang-undang ini, seorang pelajar IPT tidak boleh menyertai Persatuan Ekonomi di IPT sendiri dan jika itu akan diperjelaskan di dalam ini.....

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Dengan penjelasan ini saya berharap Yang Berhormat dari Machang boleh pindah kepada point lain.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, cukup senang mengalihkan pandangan Dewan ini kepada point lain. Dalam menggariskan apakah persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang boleh disertai oleh pelajar-pelajar ini, perkara

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Menyampuk*)

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya akan sampai ke peringkat itu, jangan bimbang Yang Berhormat Parit Sulong, saya akan sampai, tunggu giliran Yang Berhormat, insya-Allah akan sampai.

Tuan Yang di-Pertua, kita akan memerhatikan apakah pindaan yang akan dibuat di peringkat Jawatankuasa nanti.

Apa yang berlaku sekarang ialah bahawa peruntukan *Fasal 47* ini akan mewujudkan satu suasana, 'double standard', dengan izin. Kita tahu bahawa pelajar-pelajar universiti tempatan, sama ada institusi tajaan awam atau institusi swasta tidak dibenarkan, sama ada melalui rang undang-undang yang dibawa ini atau Akta Universiti dan Kolej Universiti yang sudah sedia ada menyertai sebarang pertubuhan atau menyatakan pandangan mereka, simpati mereka, sokongan mereka atau bangkangan mereka kepada mana-mana pertubuhan politik.

Dengan kata lain, pelajar-pelajar yang mendapat pendidikan dalam negara dikongkong melalui dua akta ini, tetapi kita ingin bertanya mengapa pelajar-pelajar yang mendapat pendidikan di luar negara, misalannya yang mendapat pendidikan di England, di benar menubuhkan Kelab UMNO di London? Mengapa pelajar-pelajar ini dibenarkan menyatakan sokongan kepada parti UMNO, sedangkan mereka adalah kelompok pelajar rakyat Malaysia. Inilah yang saya maksudkan. Di dalam negeri kita menyekat kebebasan pelajar-pelajar ini kerana barangkali kerajaan akan bimbang bahawa mereka ini akan menyertai dan menyatakan pandangan kepada parti-parti pembangkang, tetapi pada masa yang sama bila pelajar-pelajar yang mendapat pendidikan di England menubuh Kelab UMNO dan menyatakan sokongan terbuka kepada UMNO, kerajaan memberi sokongan penuh.

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjong Karang bangun. Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sila.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan.

sebab dia menyebut Kelab UMNO. Saya ini bekas Presiden Kelab UMNO U.K. Eire. Jadi, saya hendak minta penjelasan, adakah Yang Berhormat tahu selain daripada Kelab UMNO, ada beberapa parti pembangkang, DAP dan PAS sebagai contoh - Semangat 46 baru - bila parti-parti pembangkang ini hendak menubuhkan kelab, tidak ada sambutan di luar negara, jadi, bila Kelab UMNO ditubuh ia mendapat sambutan begitu baik, janganlah iri hati. (*Sorak*). Jadi, saya rasa kita cabar Semangat 46, kalau berani tubuhlah Kelab Semangat 46 di luar negara, kita tengok sambutan pelajar.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu menyebut insiden-insiden yang berlaku. Pelajar-pelajar yang menuntut di Timur Tengah misalannya, banyak memberi sokongan kepada parti-parti pembangkang tetapi mereka ini diugut sehingga biasiswa akan ditarik atau sebagainya. Ini fakta yang nyata. Kalau Yang Berhormat dari Tanjong Karang ingin bukti, insya-Allah, saya boleh kemukakan. Ada pelajar-pelajar yang menuntut di Timur Tengah, yang menyatakan.....

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Biar saya habiskan, bahagian dia sudah selesai, ini giliran saya. (*Ketawa*).

Tuan Noh bin Omar: (*Menyampuk*)

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ini di tangan saya, Tuan Yang di-Pertua, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri Yang Berhormat. Tanjong Karang di minta duduk.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:

Saya telah memberi peluang yang cukup kepada Yang Berhormat. Ada pelajar-pelajar yang menuntut di Timur Tengah, misalannya yang menyatakan simpati kepada parti pembangkang, tetapi mereka ini cuba diancam dari segi biasiswa dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak persoalkan di sini, ialah soal kebebasan akademik ini cukup penting.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parti Sulong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya amat menghormati pandangan sahabat saya dari Machang. Saya hendak tanya sekiranya - saya minta tidak diizinkan oleh Allah S.W.T sekiranya Semangat 46 memerintah, dia menghantar pelajar ke luar negeri, bebas dengan suasana akademik alam sekitar yang diperlukan oleh Ahli dari Machang, adakah saudara akan mengizinkan pelajar yang memegang biasiswa Kerajaan Semangat 46 'hypothetical' ini, untuk menentang saudara? Ini satu senario hypothetical yang saudara harus baca. Jangan membuat satu hentaman yang paling sembrono. Kalau Semangat 46 tidak laku di seberang laut, Semangat 46 harus mengkaji sendiri mengapa tidak. Terima kasih.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita bukan bercakap soal 'hypothetical' di sini, kita bercakap 'practicality'. Tuan Yang di-Pertua. (Ketawa) Tidak ada siapa yang boleh menjangka apa yang berlaku di masa depan hatta Barisan Nasional sendiri tidak boleh menjamin dia akan kekal terus berkuasa di negara ini!

Tun Ghafar Baba, Yang Berhormat dari Jasin sudah tidak ada lagi. Tidak ada siapa yang boleh menjangkakan. Apa yang saya hendak katakan soal 'practicality', apa yang sedang berlaku sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, alasan kementerian untuk mengekalkan aspek-aspek draconian dalam akta ini tidak meyakinkan kami sama sekali. Sebaliknya ianya melambangkan sikap malas dan tidak kemampuan para pegawai pendidikan dan pemimpin negara dalam menangani isu-isu kemasyarakatan yang bakal dibawa oleh para cendekiawan dan mahasiswa. Sebab itulah terdapat banyak fasal-fasal dalam rang undang-undang ini melarang golongan 'intelligentsia' kita untuk memberi sumbangan kepada masyarakat melalui penglibatan dalam politik, kesatuan sekerja.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Batang Lupar bangun minta jalan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
Cukup dahulu, Yang Berhormat. (Ketawa)**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**
Beri sedikit sahaja. Sedikit sahaja.**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:**
Biar saya habiskan ayat saya dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 47* ini adalah merupakan suatu Fasal yang amat kontroversi di dalam rang undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Saya akan menunggu dengan penuh teliti apakah cadangan-cadangan yang akan dibawa oleh Yang Berhormat Menteri sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit sahaja. Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ini tidak setuju dengan Yang Berhormat, jadi saya minta penjelasan selepas ini.

Saya pernah berkata dalam Dewan ini, biar universiti-universiti yang kita tubuh, walaupun kita mengadakan universiti swasta nanti, tidak menjadi sarang ataupun tempat bergabungnya satu ataupun manufacturer of rusuhan, kacau-bilau di sana sini. Inilah benda-benda yang saya sebut melainkan ada control, dengan izin, oleh pihak kerajaan.

Jadi, tujuan kita di sini adalah dua perkara yang bercanggahan sama ada kita mahu society kita yang bebas sebegitu bebasnya, yang dilatih dan diajar di universiti-universiti tersebut ataupun kita mahu society kita berlandaskan manusia ataupun rakyat yang keluar dari universiti-universiti nanti yang berdisiplin, yang boleh hidup bermasyarakat dan tidak bebas sebagaimana yang dibuatkan di Barat.

Jadi, soalan ini satu percanggahan minda ataupun nilai yang berlainan. Jadi, nilai mana Yang Berhormat ajukan di Parlimen ini, sama ada nilai peribadi atau nilai masyarakat?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, nilai yang tidak "double standard" Barangkali kerajaan mempunyai suatu justifikasi untuk mengenakan syarat-syarat ini tetapi pada masa yang sama, kita tidak boleh membuat dua sistem yang berbeza untuk kelompok, kumpulan pelajar yang sama. Kenapa pelajar di luar negara dibenarkan sedangkan pelajar di dalam negara tidak

dibenarkan? Ini yang saya persoalkan dalam hujah saya tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Majlis Pendidikan Tinggi Negara....

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Menteri bangun.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Yang Berhormat dari Machang sebut tentang double standard, saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat dari Machang, apakah Ahli Yang Berhormat dari Machang sedar bahawa guru-guru yang sedang berkhidmat dalam Yayasan Islam Kelantan, yang menyokong Kerajaan Barisan Nasional sedang dianiaya oleh Kerajaan Negeri? (Tepuk)

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri hendak bawa balik ke Kelantan. (Ketawa) Yang Berhormat dengar cerita ini daripada akhbar atau Yang Berhormat kaji sendiri? Yang berlaku, Yang Berhormat, semua guru-guru ini adalah secara kontrak. Mereka ini bekerja secara kontrak dan kontrak tamat.

Yang Berhormat sendiri mesti sedar selepas pilihan raya tahun 1990, ratusan guru kerana menyokong Angkatan Perpaduan Ummah ditukar ke Sabah dan Sarawak. Itu Yang Berhormat tidak nampak! Ada sekarang yang tidak mempunyai pekerjaan pun di Kelantan, Yang Berhormat, kerana ditukar ke Sabah dan Sarawak.

Yang berlaku di Yayasan Islam Kelantan ialah guru-guru secara kontrak. Mereka ini mengajar secara kontrak

daripada tahun ke tahun. Kontrak mereka sudah tamat. Itu yang berlaku. Jadi, terpulanglah kepada Kerajaan Negeri sama ada ingin menyambung kontrak tersebut atau tidak. Itu budi bicara Kerajaan Negeri. *(Disampuk)*

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, perkara.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *(Bangun)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *(Bangun)*

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *(Bangun)*

Tuan Noh bin Omar: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada empat orang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya beri Rompin dahulu. *(Ketawa)*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kawan lama ini dahulu - Exco Pemuda. Kalau dalam UMNO senang kita berbahas, tidak payah bawa dalam Parlimen ini.

Saya hendak minta penjelasan. Adakah PMS 46 menentang integrasi nasional? Datuk Pairin ada, wakil dari PBS. Sudah tentunya ini usaha untuk menggalakkan integrasi di antara rakyat di Semenanjung dengan rakyat di Sabah. Sepatutnya sebagai seorang tokoh PMS 46 digalakkan, bukan dihalang, bukan dicemuh. *(Tepuk)* Penjelasan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat, jangan memutarbelitkan kenyataan. *(Ketawa)* Jangan cuba melaga-lagakan kami daripada parti pembangkang. Saya akan sampai kepada hakikat itu. Sama ada sistem pendidikan kita sekarang boleh.....

Tuan Paul Noutin: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Ahli dari Sabah bangun. Sila.

Tuan Paul Noutin: Terima kasih. Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan kerana saya amat tertarik dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Machang mengatakan bahawa ramai guru-guru di Kelantan selepas pilihan raya telah ditukar ke Sabah dan Sarawak. Saya ingin bertanya, adakah tindakan ini boleh dianggap sebagai menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai "dumping ground" kepada guru-guru yang tidak menyokong kerajaan?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, inilah yang Barisan Nasional kena fikir masak-masak. *(Tepuk)* Kalau tidak silap hari bulan, Kerajaan Barisan Nasional Sabah tidak akan bertahan lama.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar bangun lagi, Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sarawak kena sebut ini. Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi peluang kepada saya. Soalan yang dikatakan double standard tadi. Jadi, saya ingat, saya tidak nampak macam mana yang dikatakan double-standard, kalau 'in Rome do what Romans do'.

Jadi, kalau kita buat terbuka seperti di England, kita boleh buat pertubuhan itu, pertubuhan mana sekali pun, Yang Berhormat sendiri macam kata Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi, buatlah sendiri juga.

Jadi, kita bebas. Kalau UMNO tidak buat pun, orang lain buat juga. Jadi, kalau di sini, kita hendak buat satu minda dan nilai kita sendiri, kita berlainan. Jadi, mestilah ada rules and regulations kita sendiri, cara kita sendiri. Orang Asian, orang Timur, orang Malaysia ini berlainan. Jadi, jangan dibandingkan masyarakat Barat dengan masyarakat kita. Jadi, ini tidak ada soalan double standard.

Satu lagi, Yang Berhormat, soalan balik ke Sarawak tadi. Siapa sahaja orang datang ke sini, mengajar sama ada dari PAS, Semangat dan sebagainya, sekurang-kurangnya orientasi, integrasi akan dibuat di Sarawak kalau Yang Berhormat datang. Terima kasih.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya tak perlu layan. Saya tidak bandingkan nilai Barat dengan nilai Timur. Saya bandingkan pelajar di England dengan pelajar tempatan. Itu pelajar Malaysia. Keduanya Malaysia. Di sini, kalau sokong parti politik, kena hukum. Di sana, tidak ada! Itu yang saya cakap.

Tuan Noh bin Omar: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjong Karang bangun. Tanjong Karang minta jalan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang itu, tidak dapat. Cukup dahulu. Tuan Yang di-Pertua, beri saya teruskan dahulu. Nanti saya teruskan dahulu, Tuan Yang di-Pertua. *(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tak mahu beri. Yang Berhormat. *(Disampuk)* Sila duduk. Tanjong Karang.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Peranan Majlis Pendidikan Tinggi Negara....

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sekejap Yang Berhormat, saya habiskan dahulu ayat ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun berminat, nampaknya. *(Ketawa)* Peranan Majlis Pendidikan Tinggi Negara untuk mengawal mutu pendidikan sukar diterima kerana ianya didominasi oleh golongan birokrat dan perlantikannya pula dibuat oleh Menteri. Sekali lagi orang yang bermotif politik akan menentukan masa depan pendidikan negara kita. Oleh itu, tidak terjamin yang perhitungan kecemerlangan akademik akan mengatasi segala-galanya. Silakan, Yang Berhormat dari Setiu.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan tentang 'double standard' ini. Setahu saya, semasa menjadi ahli Exco Pemuda UMNO dahulu, Yang Berhormat menyokong kuat kelab-kelab UMNO di luar negara, *(Ketawa)* tetapi hari ini, bercakap dalam Dewan ini 'double standard' dan saya rasa soal 'double standard' kita tinggalkanlah kerana dari segi praktikalnya, siapa yang memerintah, dia akan menjaga kepentingan kerajaannya, termasuk Yang Berhormat sendiri, saya ingat dua kali limalah! *(Ketawa)(Disampuk)*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dahulu, Yang Berhormatlah juga di dalam UMNO yang hendak memperjuangkan bahawa satu bahasa pengantar tunggal dalam negara ini. Itu perjuangan UMNO, bukan? Itu perjuangan, satu masa. Sekarang, ke mana perjuangan itu? Bukankah ini juga 'double standard' namanya? Sudah bertukar, dah! Sudah bertukar!

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya sudah bercakap tadi, semua orang, semua....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Semua sudah bertukar! Ke mana dasar itu sekarang?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya bercakap tadi Yang Berhormat, minta penjelasan. Semua orang mesti ada 'double standard', saya kata. *(Ketawa)* Termasuk Yang Berhormat, termasuk saya! Kerana kepentingan kita hendak menjaga parti yang kita anuti. Kalau Yang Berhormat lompat sana, lompat sini, Yang Berhormat 'double standard' juga! *(Ketawa)(Disampuk)*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, siapa yang pernah lompat ini? Saya tak pernah lompat! *(Ketawa)(Disampuk)* Saya tidak pernah lompat!

Seorang Ahli: Pengkhianat! *(Ketawa)*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ini sudah melampau, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya, tak boleh layan mereka ini, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *(Bangun)*

Tuan Noh bin Omar: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Rompin bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Cukup dahulu, saya teruskan dahulu, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)(Disampuk)* Saya teruskan dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Rang Undang-undang ini tidak akan dapat mencapai matlamat perpaduan kaum. Bahasa Kebangsaan dikatakan

sebagai bahasa pengantar utama. Namun, Menteri diberi kuasa mengecualikan penggunaan itu. Siapakah yang akan diberi pengecualian dan berapa banyakkah IPT swasta yang telah diberi pengecualian?

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana salah satu ketegasan yang terdapat di dalam Akta ini ialah peruntukan perkara 41(1).

"41.(1) Semua institusi pendidikan tinggi swasta hendaklah mengendalikan kursus pengajiannya dalam bahasa kebangsaan."

Ini suatu peruntukan yang saya puji, Tuan Yang di-Pertua. Nampak suatu ketegasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa Bahasa Kebangsaan tidak akan dikompromi, termasuk di IPT swasta sekali pun. Tetapi, saya rasa sedikit dukacita kerana pengecualiannya selepas itu di mana kuasa diberi pula kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana IPT dengan syarat-syarat yang dikenakan untuk mengecualikan pemakaian 41(1).

Dengan kata lain, diberi tangan kanan, diambil dengan tangan kiri. Ini melambangkan ketidaktegasan. Kalau kerajaan begitu tegas dalam soal ini, kekalkan sahaja peruntukan 41(1) bahawa bahasa pengajian atau bahasa pengantar di IPT swasta hendaklah Bahasa Kebangsaan. Berhenti di situ, tanpa memberi kelonggaran kepada Menteri untuk menggunakan budi bicara selepas daripada itu mengenakan syarat, melonggarkan syarat dan sebagainya. Kalau kerajaan bersikap tegas, hanya perkara atau Fasal 41(1) sahaja yang perlu wujud. Pengecualian tidak perlu wujud.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa hari ini Menteri tidak memaksa Kolej Tunku Abdul Rahman misalannya, Kolej TAFE, Kolej Taylor yang ditaja oleh parti-parti

komponen Barisan Nasional menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar?

Yang membimbangkan kami lagi ialah Fasal 96. Fasal 96 ini, saya menyentuh secara terperinci. Bahagian XVII - Peruntukan kecualian dan peralihan.

“96(1) Peraturan-peraturan Perlu (Yayasan Pengajian Tinggi) 1969 adalah dibatalkan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), semua institusi pendidikan tinggi swasta —

- (a) yang ditubuhkan di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Yayasan Pengajian Tinggi) 1969; atau
- (b) yang didaftarkan atau disifatkan telah didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996,

hendaklah, pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, disifatkan telah diluluskan, ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Akta ini.”

Tuan Yang di-Pertua, apa maknanya ini. Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan pernah membuat suatu kenyataan. Sama ada kenyataan itu betul atau tidak dipetik oleh akhbar, itu soal lain. Apa yang saya faham, saya terbaca terdapat lebih 1000 IPT swasta di negara kita ini sekarang. Adakah ini bermakna kolej-kolej ini akan secara automatik diluluskan pendaftarannya? Itu persoalan saya.

Dengan peruntukan 96(1) ini, adalah jelas semua yang didaftarkan atau disifatkan telah didaftarkan kerana semasa kita membahaskan Akta Pendidikan 1995, bahawa kolej-kolej yang sedia wujud itu dianggap telah didaftarkan.

“Hendaklah pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, disifatkan telah

diluluskan, ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Akta ini”.

Ini bermakna, lebih 1000 IPT ini akan mendapat pengiktirafan undang-undang secara automatik.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Menteri bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Ahli Yang Berhormat salah fakta sekali lagi. Bukan lebih daripada 1000, setakat ini 280 IPTS.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: 280? Terima kasih. Itu yang dibuat. Fakta yang saya sebutkan dibuat oleh Timbalan Yang Berhormat sendiri. Kalau macam itu, Timbalan Yang Berhormat ini tak pandailah! (*Ketawa*) Betul. Itu kenyataan yang saya baca, dalam keratan akhbar pun saya ada, 1000 lebih! Dia berucap, dia beritahu, 1000 lebih. Saya sahkan dengan dia, 1000 lebih. Kalau itu tak betul, kalau saya memetik fakta yang tidak betul, maka Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikanlah yang tidak betul.

Ini saya hendak tanya, Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Rompin bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya amat sangsi. Nanti dahulu, Yang Berhormat Rompin.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: 36....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tunggu...tunggu dahulu. Saya hendak habiskan Fasal 96.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order 36(6), tuduhan tidak betul. Seandainya akhbar yang memetik itu salah, bermakna bukanlah Timbalan Menteri perlu dituduh. Ini 46 ini dah lain perginya!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Oh, jadi sekarang pula akhbar tak boleh percaya pula dah! (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bukan apa, tak semestinya akhbar itu.... (*Disampuk*)dengar, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kita sebenarnya, daripada fakta, Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat, tolong duduk. Ini floor saya, 36(6). Duduk. Point of order 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak kena pada point of order, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, dia buat tuduhan yang tidak benar! 36(9), point of order, tak benar! (*Ketawa*) Apa ini!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Malanglah Yang Berhormat dari Jempol tidak ada pada petang ini. Kalau tidak, kita boleh mengesahkan, betul tak kenyataan itu dia buat. Kalau macam itu, maknanya akhbar-akhbar dalam negara kita tidak boleh percaya sekarang. Memetik sesuatu yang tidak betul. Kami.....

Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun sekali lagi, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Hai, setakat jadi 46 ini, apa jua boleh ini. Apa jua cara boleh menghalalkan. Saya amat kagum dengan Yang Berhormat. Sekarang ini, bila menggunakan argument begini, saya kurang hormat sikitlah. Jangan keterlaluan sangat pakai argument ini!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, fakta yang saya sebutkan tadi yang saya baca dalam akhbar dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan. Kalau akhbar memetik sesuatu yang tidak betul, mengapa saya harus dipersalahkan? Sebab itu yang saya baca. Saya tak ada maklumat di dalam kerajaan dan terima kasih, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan 200 lebih. Bermakna, kalau itulah faktanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan tak betul, salah petik.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun, hendak beri jalan, tak?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Memang saya setuju dengan rakan saya Yang Berhormat dari Rompin. Yang Berhormat ini agak sudah keterlaluan. Why don't we just accept the fact? Kita terima hakikat bahawa mungkin ada beberapa kesilapan di sini dan telah pun diperbetulkan oleh Menteri Pendidikan. Jadi, jangan diheret lagi di sini siapa yang salah, siapa yang tidak salah. We are not perfect. Kita ini manusia. Jadi, jangan cuba menuduh semua pihak salah, yang betul anda seorang. Jangan kita sampai satu hari mengatakan Parti

Semangat 46 ini sudah jadi macam parti yang lain-lain itulah. We still maintain certain degree of respect dalam hal ini kepada S46. Tetapi jangan. Tolong!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya sudah kata tadi, Tuan Yang di-Pertua, okay sekarang saya terima 200 lebih yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. (*Disampuk*) 200 lebih tadi yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi. 212 bukan? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Menteri bangun ya.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Dengan Yang Berhormat dari Machang ini kena sebut banyak kali Tuan Yang di-Pertua, baru dia ingat. Baru dia faham. 280. (*Ketawa*)

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya terima sekarang 280. Okay, saya terima. Kita tidak pertikaikan angka. Saya terima fakta itu.

Persoalan yang saya hendak membangkitkan, adakah 280 ini akan dikecualikan daripada pendaftaran dan mendapat pendaftaran secara automatik? Sebab di bawah Peruntukan 96(1) ini, "hendaklah pada tarikh mula berkuatkuasa akta ini disifat telah diluluskan, telah ditubuh dan didaftarkan di bawah Akta ini". Bermakna 280 IPT ini akan mendapat pendaftaran secara automatik. Mereka tidak lagi melalui proses-proses pendaftaran, proses-proses pertimbangan dan proses-proses kelulusan yang telah disyaratkan di bawah akta ini.

Jika inilah yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, amat malang sekali. Hasrat kementerian untuk memastikan bahawa syarat penggunaan Bahasa Kebangsaan seperti yang dimaksudkan di bawah

Perkara 41(1) tadi, tidak lagi boleh dikuatkuasakan ke atas 280 buah IPT yang telah sedia ada dalam negara ini.

Satu lagi perkara yang saya hendak membangkitkan dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, daripada 280 IPT yang sedia ada itu, saya mahu Yang Berhormat Menteri angka secara terperinci kepada Dewan, berapa jumlah pelajar bumiputera dan berapa jumlah pelajar bukan bumiputera? Sebab saya difahamkan bahawa dari segi pembahagian kaum, penuntut-penuntut yang menuntut di IPT swasta ini, jurang perbezaan antara kaum amat luas. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, di bawah rang undang-undang ini satu lagi kebimbangan yang ingin kami nyatakan ialah jurang perbezaan jumlah penuntut-penuntut antara kaum dalam negara ini akan menjadi lebih meluas selepas ini.

Yang Berhormat sendiri pun sedia maklum, IPT swasta ini akan mengenakan yuran mengikut perlembagaan mereka sendiri dan yuran yang akan dikenakan biasanya terlalu tinggi kerana kos pendidikan mungkin meningkat. Tentulah pelajar-pelajar bumiputera tidak mampu untuk memasuki IPT swasta ini oleh kerana sebilangan besar pelajar bumiputera yang sekarang ini bergantung kepada biasiswa dan pinjaman kerajaan, maka mereka berkemungkinan akan diketepikan atau tidak mempunyai peluang untuk menyertai IPT swasta ini.

Jika ini berlaku Yang Berhormat, saya penuh yakin, jurang perbezaan jumlah penuntut-penuntut di IPT swasta ini antara kaum khususnya bumiputera dengan bukan bumiputera akan lebih meluas. Dan untuk mengatasi kebimbangan inilah saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional, pertama; untuk mengatasi ketidakseimbangan jumlah penuntut di IPT swasta ini, pertama sekali dalam

mengenakan syarat-syarat yang mana Yang Berhormat sendiri ada kuasa di bawah akta ini, pada masa permohonan penubuhan itu, syarat pertama yang mesti dikenakan bahawa setiap IPT swasta mestilah memastikan terdapat 30% pelajar bumiputera di dalamnya. Ini syarat yang pertama. Saya pohon sangat-sangat dari Menteri Pendidikan supaya salah satu syarat yang akan dikenakan kepada penubuhan IPT swasta ini ialah 30% bumiputera menjadi penuntutnya.

Syarat ini sahaja Yang Berhormat tidak mencukupi. Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita mengenakan syarat 30%, ada kerusi 30% untuk bumiputera. Barangkali tidak ramai anak-anak bumiputera yang mampu untuk menyertai IPT ini kerana yurannya barangkali terlalu tinggi. Jadi, tidak ada makna kalau 30% kuota ditetapkan tetapi masa hendak memenuhinya, kita tidak ada calon (candidate) pelajar kerana pelajar bumiputera tidak mampu.

Maka untuk mengatasi ini, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan satu tabung pelajaran khas mestilah ditubuh sama ada di peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam atau di peringkat Kementerian Pendidikan untuk membiayai pelajar-pelajar bumiputera yang akan memasuki IPT swasta ini. Pemilihannya mestilah dari pelajar-pelajar yang cerdik, pelajar-pelajar yang mendapat kelulusan yang terbaik. Mereka ini dipilih oleh kerajaan untuk menuntut di IPT swasta dengan dibiayai melalui tabung yang saya maksudkan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan sedikit. Saya

rasa cadangan untuk mewujudkan tabung ini telah diumumkan oleh Menteri semasa Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini. Ya? Menteri angguk. Ini sebagai satu kenyataan. Takut nanti bila diusahakan oleh kerajaan, S46 pula kata ini ideanya, ini buah fikirannya. Jadi, esok dijaja di Kelantan dan di mana-mana.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya serius. Saya hendak nyatakan saya serius dalam perkara ini. Barangkali tabung yang dimaksudkan itu menyeluruh. Itu tabung yang menyeluruh. Tetapi yang saya maksudkan tadi, tabung khas untuk membiayai pelajar-pelajar bumiputera yang akan dipilih menuntut di IPT swasta ini. Itu yang saya maksudkan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara demikian tidak semestinya bahawa perimbangan jumlah penuntut antara kaum akan selesai. Satu lagi saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, bagi mengatasi masalah ketidakseimbangan jumlah penuntut antara kaum di IPT swasta ini, maka satu kolej atau IPT awam atau IPT swasta sendiri yang ditaja oleh kerajaan, ditubuhkan khusus untuk penuntut-penuntut bumiputera seperti peranan yang dimainkan oleh MARA sekarang. Tetapi MARA ditaja secara langsung oleh kerajaan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Rompin bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat supaya ada badan swasta ditaja oleh badan-badan tertentu khususnya yang ada kaitan dengan bumiputera macam MARA. S46 pun

namanya sudah tukar Parti Melayu Semangat 46 sekarang ini, mengapa tidak S46 sendiri tubuh satu institusi IPT dipunyai oleh S46, ditaja oleh S46? Kalau ini akan menunjukkan bahawa kita peka dan sensitif dari segi isu bumiputera, bukan hanya cakap hendak ubah nama sahaja.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Insyallah kalau kerajaan bertukar tangan Tuan Yang di-Pertua. (*Disampuk*) (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung apa yang saya maksudkan tadi. Bagi mengimbangi jumlah perbezaan antara penuntut yang begitu ketara sekali, maka kerajaan hendaklah menaja penubuhan atau parti UMNO sendiri. Kalau MCA boleh menaja, MIC boleh menaja, kenapa tidak parti UMNO menaja sebuah IPT swasta yang khusus untuk bumiputera yang tugasnya ialah untuk mengimbangi jumlah penuntut yang saya maksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan-kebimbangan yang kami bangkitkan tadi...

Tuan Lim Si Cheng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun. Senai.

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam ucapan Yang Berhormat mengatakan IPT swasta dicadangkan memperuntukkan 30% untuk penuntut bumiputera, tujuan apa? Tadi disebutkan tujuannya. Dan dia sekali lagi membuat cadangan, kalau tidak mampu tubuhkan satu IPT swasta ditajikan oleh kerajaan semata-mata, 100% untuk bumiputera. Jadi, saya tidak faham apa tujuan sebenar untuk di 'reserve'kan 30% untuk bumiputera dan satu cadangan 100% untuk bumiputera.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, MCA sudah dapat

banyak dah. Tidak perlu ungkit dah, sebenarnya melalui pindaan-pindaan akta ini banyak yang diperolehi, jangan lagi menyentuh perasaan orang bumiputera, nanti mereka marah. Saya tidak berhajat untuk membangkitkan itu. Saya tahu kita Ahli Parlimen, Ahli Parlimen tidak terkecuali daripada Akta Hasutan, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat itu. Saya tidak mahu memanjangkan itu, janganlah kita membangkitkan soal itu kerana ini adalah soal yang cukup sensitif. Saya telah nyatakan dalam ucapan saya semasa membahaskan Akta Pendidikan 1996, UMNO telah berkorban cukup banyak, bukan begitu Ahli Yang Berhormat dari Rompin?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya tidak mahu layan soalan-soalan seperti ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Si Cheng: Saya hendak terangkan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya akan teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Si Cheng: Saya sokong sebagai.....(*pembesar suara dimatikan*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya tidak beri jalan. Saya tidak mahu terlibat dalam konflik yang membawa diri kita terseret kepada perkara-perkara yang sensitif ini. Jadi, sebagai seorang Ahli Dewan, saya berhak menyatakan ini. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, IPT swasta yang akan ditubuhkan ini, saya percaya akan dihadiri oleh anak-anak orang kaya, pasti. IPT swasta yang dengan struktur pembayaran yurannya, pentadbirannya akan disertakan oleh anak orang-orang kaya dan menawarkan ganjaran yang lebih tinggi kepada kakitangan akademiknya, sekali gus akan menyebabkan 'brain drain' berlaku dari IPT tajaan kerajaan ke swasta. Apa yang saya maksudkan di sini ialah akan terdapat satu persaingan yang hebat di antara IPT awam dengan IPT swasta. Pelajar-pelajar yang berkemampuan akan memasuki IPT swasta. Pensyarah-pensyarah, profesor-profesor yang baik-baik dengan tawaran yang baik, gaji yang lumayan, habuan yang lumayan akan menyertai IPT swasta. Maka, tinggalah di IPT awam profesor-profesor yang kurang kualitinya.

Tuan Yang di-Pertua, jika ini berlaku, akan menyebabkan kakitangan yang rendah mutunya pasti akan melahirkan lebih banyak graduan yang rendah mutunya. Maka, berlakulah putaran yang sudah pun dapat kita rasai sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

Inilah kebimbangan yang hendak kami bangkitkan. Jika tidak ada satu kawalan yang baik akan mewujudkan suatu ataupun dua, kelas institut pengajian tinggi; satu IPT swasta yang kelas pertama dan kedua IPT tajaan kerajaan atau IPT awam sebagai kelas kedua. Penuntut-penuntut IPT swasta akan terdiri daripada mereka yang berada, pelajar-pelajar yang cerdas pandai kerana mereka mampu untuk mendapat kemudahan tersebut. Dari segi pensyarah pula, mereka akan dapat kemudahan-kemudahan yang terbaik, pensyarah yang baik dengan tawaran baik akan menyertai mereka, maka pensyarah yang rendah nilainya akan tinggal di IPT awam dan pelajar-pelajar yang tidak mampu memasuki IPT swasta akan memasuki IPT awam. Jika ini yang berlaku, bermakna kita akan mewujudkan dua graduan yang mempunyai dua kelas dalam negara kita.

Apabila mereka ini terjun ke pasaran untuk mencari peluang pekerjaan, sudah tentu mereka yang mendapat pendidikan di IPT swasta akan mempunyai peluang yang lebih baik daripada mereka yang mendapat pendidikan di IPT awam yang ditaja oleh kerajaan. Ini jangan dibiarkan berlaku, jika perkara ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pelajar-pelajar bumiputera yang akan lulus daripada majoritinya daripada IPT awam ini merupakan graduan kelas yang kedua, segala kebimbangan-kebimbangan yang telah saya bangkitkan tadi, adalah merupakan kebimbangan-kebimbangan yang cukup berasas.

Oleh yang demikian, saya berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan memberi jawapan-jawapan yang benar jelas kepada perkara-perkara yang telah saya bangkitkan tadi supaya kebimbangan-kebimbangan yang wujud sekarang ini, dapat di atasi. Saya berhajat untuk menyentuh peruntukan-peruntukan lain secara detail apabila tiba di peringkat jawatankuasa nanti. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong.

3.36 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengambil peluang untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang IPTS ini saya minta izin di bawah peruntukan mesyuarat 35(6) oleh kerana saya adalah Naib Pengerusi KUB yang salah satu perniagaannya adalah IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana telah saya tegaskan di dalam perbahasan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 pada 19hb. Disember 1995 yang lalu, saya yakin kewujudan institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia memang akan

mbolehkan negara ini menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau kita ini. Hakikat ini selaras dengan ramalan futuristic terhadap era kemakmuran dan era kecemerlangan di Wilayah Asia Timur dalam abad ke-21. Ia juga sejajar dengan usaha kerajaan menyediakan "prasarana pendidikan yang mencukupi serta meningkatkan keupayaan untuk memenuhi permintaan terhadap pendidikan tinggi" sebagaimana yang terkandung di dalam mukaddimah Rang Undang-undang IPTS 1996 yang sedang kita bahaskan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada waktu yang sama, kewujudan IPTS tempatan juga akan membolehkan Malaysia menyelamatkan pengaliran keluar wang negara ke seberang laut. Contohnya, pada hari ini sahaja pun terdapat hampir 60,000 penuntut Malaysia yang menuntut di universiti asing atas tajaan kerajaan, agensi kerajaan atau keluarga masing-masing. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam ucapannya "kos membiayai pelajar-pelajar ini di negara asing adalah RM2.5 bilion setahun".

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi memfokuskan perbahasan hari ini terhadap beberapa perkara khusus membabitkan bumiputera dalam konteks menimba ilmu di IPTS tempatan. Hal-hal ini merangkumi persoalan bagaimanakah peluang bumiputera untuk melanjutkan pendidikan di IPTS tempatan? Persoalan, mungkinkah akan terbentuk satu dana biasiswa untuk membiayai pendidikan bumiputera di IPTS tempatan? Dan juga persoalan, sama ada perlu atau tidak IPTS tempatan yang menawarkan kursus-kursus di peringkat ijazah dimestikan menyediakan program ijazah pertamanya secara sepenuh masa di dalam negeri?

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks biasiswa mungkin ada satu pertembungan minda antara saya dan sahabat saya dari

Machang. Tetapi, walau bagaimanapun, perkara ini adalah satu elaboration kepada apa yang telah diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, realiti semasa membuktikan bahawa majoriti anak-anak bumiputera adalah dari keluarga yang serba kekurangan. Majoritinya hanya berpeluang melanjutkan pendidikan di institut pengajian awam iaitu universiti-universiti tempatan di dalam negeri dan di IPT di luar negeri atas tajaan kerajaan ataupun agensi-agensi. Usaha kerajaan ini amat murni sekali, ia dilaksanakan sebagai satu strategi yang menepati dasar ekonomi baru untuk menyusun semula masyarakat dan untuk membasmi kemiskinan mutlak di kalangan rakyat jelata. Sebab itulah kerajaan membelanjakan sejumlah wang yang besar sekali pada setiap tahun untuk membiayai proses dan program pengstrukturkan semula masyarakat melalui pendidikan.

Tahun ini sahaja Parlimen telah meluluskan sejumlah RM10.9 bilion untuk Kementerian Pendidikan. Dalam pada itu jumlah bumiputera yang layak melanjutkan pelajaran ke IPT di dalam negeri ataupun yang layak ditaja untuk belajar di IPT di seberang laut kian meningkat tahun demi tahun.

Biarpun kerajaan sudah mewujudkan 8 universiti dan sebuah institut teknologi, masih ramai lagi anak bumiputera yang layak ke IPT, tetapi tidak mendapat tempat sama ada IPT awam dan Institut Teknologi MARA ataupun ramai lagi anak-anak bumiputera yang layak dikirimkan belajar di luar negara, namun mereka tidak dapat berpeluang demikian, oleh kerana kekurangan kewangan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kewujudan IPTS di negara ini mungkin merupakan satu penyelesaian terhadap fenomena ini.

Saya yakin IPTS di negara ini akan membantu menyelesaikan masalah

kedahagaan ilmu di kalangan bumiputera yang layak melanjutkan pendidikan di peringkat tinggi. Soalnya, mampukah mereka melanjutkan pelajaran di IPTS tempatan tanpa sokongan kewangan atau biasiswa? Di sinilah yang saya katakan mungkin ada pertembungan minda antara saya dengan Machang.

Di sinilah lahirnya persoalan tentang dana biasiswa untuk anak bumiputera melanjutkan pendidikan mereka di IPTS di dalam negaranya sendiri. Keperluan ini wajar dihalusi secara serius dan segera, jika tidak kewujudan IPTS di negara ini akan memutarakan jarum kemajuan pendidikan bumiputera ke belakang. Jika tidak jurang perbezaan anak bumiputera yang berpendidikan tinggi berbanding dengan yang bukan bumiputera akan menjadi semakin luas. Jika ini berlaku, siapakah yang akan dipersalahkan apabila wujud tuduhan bahawa kewujudan IPTS di negara ini akan mencanggahi matlamat Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu, saya merayu semoga kerajaan mempertimbangkan keperluan mewujudkan dana biasiswa untuk anak bumiputera melanjutkan pendidikan di IPTS tempatan secara terperinci.

Saya memandang serius masalah ini kerana jumlah profesional bumiputera di Malaysia sekarang pun masih jauh ketinggalan berbanding profesional Malaysia yang bukan bumiputera. Contohnya, statistik dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam menyatakan:

“Bahawa pada tahun 1992, bilangan arkitek bumiputera hanya 25% dari keseluruhan dalam negara ini. Akauntan bumiputera hanya 12.1%; jurutera bumiputera hanya 37.8%; doktor bumiputera (doktor perubatan) hanya 30%; doktor gigi bumiputera hanya 28.6%; peguam bumiputera hanya 24.9% dan juruukur bumiputera hanya 48.8%”.

Biarpun kita bersyukur terhadap hakikat pertambahan ini berbanding dengan era pramerdeka, adakah hakikat ini sudah meletakkan jumlah profesional bumiputera di negara ini pada satu tahap yang selesa jika dibandingkan dengan bukan bumiputera? Mungkinkah jumlah profesional bumiputera akan bertambah, jika yang bukan bumiputera mampu menimba ilmu pengetahuan dengan lebih murah di IPTS tempatan, sementara anak bumiputera pula terus-menerus dilingkari masalah kemampuan kewangan yang rendah untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menuntut sebarang apology dari mana-mana pihak, jika saya pada hari ini ditakrifkan sebagai perkauman dalam konteks ini. Unjuran hakikat ini saya suarakan di Dewan yang mulia ini atas nama satu keadilan dan atas nama satu tuntutan supaya pembelaan yang sewajarnya dari pihak kerajaan demi kepentingan bumiputera yang masih lagi dahagakan pendidikan tinggi.

Berdasarkan hakikat dan kesedaran di ataslah, maka saya merayu dan saya mendesak pihak kerajaan supaya menubuhkan satu dana biasiswa pendidikan tinggi bagi anak-anak bumiputera yang mendapat tempat di IPTS tempatan dan itu pun IPTS yang bermutu. Dana ini bolehlah dihimpunkan menerusi sumbangan keseluruhan IPT asing yang mewujudkan program kembar, program gandingan ataupun program layaktara di negara ini. Dana biasiswa pendidikan tinggi untuk bumiputera di IPTS tempatan ini juga bolehlah dihimpunkan dari pihak swasta dan multi-nasional yang sekian lama berakar umbi dan menimba keuntungan dari bumi tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak yang akan dirayu untuk mewujudkan dana biasiswa pendidikan tinggi bumiputera di IPTS ini akan insaf bahawa inilah sahaja tuntutan sosial semasa di negara ini dalam konteks pendidikan.

Saya harap tidak akan terdapat mana-mana pihak sekalipun yang akan terkecuali dari memenuhi tuntutan sosial ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada waktu yang sama saya juga merayu dan juga mendesak agar kerajaan mendorong serta menggalakkan agensi-agensinya yang telah berjaya untuk mewujudkan IPTnya masing-masing. Sekarang ini terdapat beberapa agensi kerajaan yang telah pun mempunyai institusi latihan masing-masing. Contohnya Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad dan Proton Saga telah pun mempunyai institusi latihannya. Beberapa bank tempatan pun begitu juga, institusi seperti ini hendaklah digalakkan untuk dinaikkan taraf kepada IPTS yang menyediakan program pendidikan di peringkat Diploma dan Ijazah, di mana pengkhususannya selaras dengan perkembangan zaman dan tuntutan sumber manusia negara. Umpamanya Telekom Malaysia hendaklah menubuhkan IPT dengan pengkhususan di bidang telekomunikasi dan teknologi maklumat, Tenaga Nasional Berhad perlulah didorong mewujudkan IPT di bidang penjana kuasa, sementara Proton pula mungkin boleh didorong mewujudkan IPT di bidang kejuruteraan automobil.

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang telah berjaya di bidang perniagaan juga hendaklah didorong dan didesak ke arah yang sama. Contohnya Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) kini telah berjaya di bidang perhospitalan. Tidak mungkinkah PKENJ digalakkan mewujudkan institut pendidikan tinggi di bidang perubatan dan pergigian? Bumiputera yang layak melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi hendaklah diberi 70% dari keseluruhan tempat di IPT yang diwujudkan oleh agensi-agensi kerajaan, 30% lagi hendaklah dikhususkan kepada warganegara Malaysia yang lain-lain keturunan.

Jika dorongan serta galakan seperti ini dapat diusahakan oleh pihak kerajaan,

saya yakin kewujudan Akta IPTS ini akan benar-benar membantu kerajaan dalam meningkatkan darjat pendidikan, memperkasakan kedudukan bumiputera dan juga membantu bukan bumiputera yang agak kekurangan untuk meningkat belajar di peringkat IPT. Ini selaras dengan aspirasi nasional untuk mewujudkan sumber manusia Malaysia berkualiti tinggi dan mewujudkan sumber manusia Malaysia berpendidikan dalam ilmu dengan era kemakmuran yang selaras dengan era kemakmuran Asia Timur di Abad ke-21 kelak.

Dorongan serta galakan seperti ini juga akan membolehkan Malaysia mempertingkatkan kadar penyertaan rakyat Malaysia dalam pendidikan tinggi seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sewaktu membentangkan rang undang-undang ini tadi. Tetapi jika tidak, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang bahawa sasaran kerajaan untuk membolehkan penyertaan 40% warganegaranya dalam pendidikan tinggi dalam tahun 2020 mungkin tidak akan tercapai. Jika perkara ini tidak dijalankan oleh kerajaan dan sekiranya tercapai pun, saya bimbang jumlah bumiputeranya mungkin lebih berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi kelulusan Akta IPTS ini kelak, kerajaan hendaklah meminta IPTS asing yang beroperasi menerusi sistem kembar yang beroperasi menerusi sistem gandingan di negara ini untuk menyediakan program Ijazah Pertama sepenuhnya di negara ini, sebagaimana yang menjadi amalan sekarang.

Saya mendapat tahu mungkin ini tidak benar bahawa IPTS asing yang menjalankan program kembar dan lain-lainnya di negara ini memerlukan pelajar-pelajarnya menjalani kursus tahun akhir bagi ijazah pertamanya di negara asal IPTS asing berkenaan. Dengan political

will ataupun dengan iltizam politik yang ada di tangan kerajaan, saya yakin perkara ini boleh dilaksanakan. Saya cadangkan IPTS asing yang beroperasi di negara ini melaksanakan program ijazah pertama sepenuh masa di negara ini secara berperingkat-peringkat. Ini akan mewujudkan satu keadaan di mana semua pihak akan beruntung, 'a win situation,' dengan izin. IPTS asing beruntung kerana pelaburannya akan menarik lebih ramai rakyat tempatan dan asing mengikuti program pendidikannya di negara ini. Kerajaan dan rakyat Malaysia akan beruntung kerana dapat menyelamatkan pengaliran keluar wang negara ke seberang laut.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana seksyen 41(1) dalam Rang Undang-undang ini memperuntukkan bahawa semua institusi pendidikan tinggi swasta hendaklah mengendalikan kursus pengajiannya dalam Bahasa Kebangsaan. Peruntukan ini mencerminkan bahawa perspektif penting Perlembagaan Persekutuan mengenai bahasa tidak dikesampingkan oleh undang-undang ini. Bagaimana pun, saya juga turut bimbang dengan wujudnya seksyen 41(3)(a) yang memberikan kuasa kepada menteri untuk memberi kelulusan sesuatu IPTS mengendalikan suatu kursus dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, saya merayu agar kerajaan menimbang semula seksyen 43(a) ini, dan sekiranya perlu, kursus-kursus yang dijalankan dalam bahasa Inggeris itu hanya di peringkat awalan operasi sesuatu IPTS di negara ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mahu merakamkan apresiasi saya terhadap kewujudan seksyen 43(1)(a), (b) dan (c) yang menuntut semua IPTS di negara ini mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia, mata pelajaran Agama Islam bagi pelajar Islam dan mata pelajaran Pendidikan Moral bagi pelajar bukan Islam. Saya amat berbangga dengan sensitiviti Kementerian Pendidikan

terhadap hal ini, kerana saya juga pernah membentangkannya sewaktu membahaskan Akta Pendidikan Negara 1995 baru-baru ini.

Mengenai disiplin, sebagaimana yang dibangkitkan oleh sahabat saya daripada Machang. Saya harap pihak kerajaan akan terus memperketatkan perkara ini. Saya tidak mahu walaupun saya pernah menjadi aktivis pelajar dan pernah menentang kewujudan Akta Universiti dan Akta Kolej Universiti pada tahun 1971. Tetapi saya melihat bagaimanakah kedudukan universiti sekarang. Baru-baru ini di dalam pilihan raya Majlis Pelajar-pelajar Universiti Malaya, kita mendapat tahu satu maklumat bahawa parti pembangkang memang memainkan peranan yang amat penting. Parti pembangkang yang berkenaan menggunakan setengah-setengah agensi kerajaan yang relevant. Terdapat van dan ada kereta yang ada cap rasmi agensi kerajaan digunakan oleh parti pembangkang untuk menyokong masyarakat siswa yang sedang menjalankan pilihan raya.

Saya rasa perkara ini tidak sihat. Kalau dalam universiti kerajaan, milik kerajaan sendiri, perkara ini boleh berlaku, bagaimana sekiranya IPTS yang tidak mempunyai undang-undang mengenai disiplin, mengenai association ataupun pergabungan politik kampus dengan badan-badan lain. Saya rasa perkara ini amat relevant dan saya amat menyokong.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Pendidikan yang sejak Disember lalu hingga ke hari ini memberi tumpuan yang paling penuh prihatin terhadap penggubalan satu dasar yang membawa satu lonjakan paradigma dan reformasi kepada pendidikan negara. Saya harap sahabat-sahabat saya daripada S.46 khususnya, menerusi sahabat saya dari Machang paling khususnya, saya harap melihat perkara ini dengan lebih positif,

dan mudah-mudahan kita semua akan beroleh keberkatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahariddin): Tanjung Karang.

3.35 *ptg.*

Tuan Noh bin Omar (Tanjung Karang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam membahaskan Akta IPTS 1996.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan, khasnya Kementerian Pendidikan di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang prihatin terhadap perkembangan IPTS yang selama ini tumbuh seperti cendawan di negara ini sehingga kita dapati sebanyak 280 IPTS telah wujud di negara ini. Tetapi IPTS ini kurang kawalan daripada pihak kerajaan. Kita berharap dengan wujudnya akta baru ini, pengembangan IPTS dan mutu kelulusannya akan dapat dikawal oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, peranan IPTS di dalam pembangunan negara dalam konteks pencapaian Wawasan 2020 adalah penting dalam pembangunan kejuruteraan manusia ataupun 'human engineering.' Pertama sekali, IPTS ini telah mewujudkan beberapa seksyen yang saya rasa patut diberi pujian kepada pihak kementerian. Yang pertama saya ingin menyentuh seksyen 47 yang dikatakan oleh sahabat saya tadi daripada Machang mengatakan double standard. Sebenarnya, bagi pendapat saya, dengan wujudnya seksyen 47 ini yang telah mengenakan larangan

ke atas pelajar, kesatuan, badan ataupun kumpulan pelajar-pelajar yang bersekutu dengan pertubuhan-pertubuhan lain semasa menuntut di IPTS adalah merupakan satu seksyen yang adil.

Pada hari ini, tanpa seksyen 47 ini, pada pendapat saya, maka adalah telah pun berlaku double standard di kalangan pelajar-pelajar IPTS. Saya katakan demikian, kerana pelajar-pelajar IPT awam ataupun universiti-universiti tempatan, mereka ini dikongkong, ataupun mereka ini tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej. Sedangkan pelajar-pelajar di IPTS yang begini banyak 280 berkali ganda banyaknya pada IPT awam bebas tanpa apa-apa sekatan. Maka dengan wujudnya seksyen 47 ini, double standard yang ada di kalangan pelajar-pelajar IPT di negara ini akan dapat diatasi.

Mengenai double standard yang dikatakan di kalangan pelajar dalam negeri dengan luar negeri, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Machang yang juga seorang peguam, bagaimanakah cadangan beliau untuk mengenakan sekatan kepada pelajar-pelajar di luar negara, kerana undang-undang yang kita luluskan di dalam negara kita ini hanya terpakai di dalam negara kita? Mungkin Yang Berhormat dari Machang mengatakan bahawa tindakan ini boleh dikenakan kepada pelajar-pelajar yang ada tajaan, yang ada perjanjian biasiswa.

Sukalah saya nyatakan di sini bahawa berapa ramai pelajar-pelajar yang kita taja. Mungkin lebih kurang 10,000. Bagaimanakah dengan pelajar-pelajar persendirian yang hampir 50,000 di luar negara. Kalau kita hanya kenakan tindakan kita kepada pelajar-pelajar tajaan kita di luar negara, sedangkan pelajar-pelajar persendirian di luar negara tidak ada undang-undang yang mengikat mereka, maka ini akan berlaku satu lagi double standard. Oleh itu, cadangan ataupun pendapat Yang Berhormat dari Machang

mengatakan seksyen 47 ini merupakan seksyen double standard. saya tidak setuju sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, wujudnya akta ini, terbukti kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional begitu serius mendaulatkan Bahasa Kebangsaan, seperti yang termaktub di *Fasal 41*. Walaupun fasal ini dipertikaikan oleh S.46, tetapi saya penuh yakin budi bicara menteri, dan kita yakin menteri akan menggunakan kuasanya dengan begitu baik dan menteri kita juga ada tanggungjawabnya dengan Kabinet ataupun the Cabinet responsibilities, maka Menteri Pendidikan yang akan datang atau sekarang ini akan dapat menjalankan tugas mereka dengan baik. Saya menganggap perkara ini perkara positif. *Fasal 41* yang memperkatakan bahasa pengantar bagi kursus-kursus pengajian di institusi pendidikan tinggi swasta ialah Bahasa Kebangsaan, melainkan jika diluluskan oleh menteri atas permohonan untuk dikendalikan dalam bahasa Inggeris dan tertakluk kepada kuasa menteri untuk kemudiannya mengarahkan supaya kursus pengajian itu dikendalikan pula dalam Bahasa Kebangsaan.

Dengan adanya *Fasal 41* dan *42* ini, sekali gus menolak dakwaan parti pembangkang khasnya Parti Melayu S.46 yang sentiasa mencari publisiti murah mengatakan UMNO pada hari ini yang menjadi tulang belakang kerajaan seolah-olah telah menggadaikan maruah kedaulatan Bahasa Kebangsaan. Saya ingin menyeru kepada Parti Melayu S.46, sedarlah dan bangunlah dari mimpi tahun 1946, bahawa sekarang ini kita telah berada dalam tahun 1996, 50 tahun ataupun setengah abad telah maju telah maju dari tahun 1946.

Perjuangan UMNO pada hari ini bukan sahaja telah mendaulatkan Bahasa Kebangsaan di dalam sistem pendidikan di bawah Akta Pendidikan 1996 tetapi

kami jauh lebih advance ataupun ke hadapan dengan mendaulatkan Bahasa Kebangsaan di IPTS yang selama ini mengabaikan Bahasa Kebangsaan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Akta ini juga digubal untuk mempertingkatkan lagi martabat dan pengajian agama Islam serta melahirkan sebuah masyarakat yang akan membina sebuah negara yang membangun sepenuhnya dalam semua bidang bukan sahaja bidang ekonomi tetapi politik, sosial, rohani, psikologi dan juga budaya. Matlamat ini jelas dinyatakan dalam *Fasal 43* di mana semua IPTS dikehendaki mengajar pelajaran Pengajian Malaysia, Pengajian Islam dan Pendidikan Moral bagi pelajar bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 43* ini membuktikan dakwaan parti pembangkang khasnya PAS yang mengatakan Barisan Nasional, kerajaan yang mengetepikan pelajaran agama adalah tidak benar sama sekali. Kerajaan Barisan Nasional tidak seperti Kerajaan PAS di Kelantan bercakap bergegar-gegar untuk meninggikan syiar Islam, tetapi tidak ada satu pun pelaksanaan dasar Islam yang boleh dibanggakan di Kelantan.

Dalam kelantangan PAS hendak mewujudkan undang-undang Islam, tiba-tiba kelantangan tersebut telah menjadi bahan ketawa dan ejekan orang-orang yang bukan Islam bila mana sebuah Mahkamah Syariah di Kelantan telah mencipta satu precedent ataupun satu-satunya Mahkamah Syariah di negara ini, saya kira yang pertama dan membebaskan satu pasangan yang bukan muhrim yang telah nyata ditangkap duduk berdua-duaan di dalam sebuah bilik hotel yang boleh menimbulkan kecurigaan melakukan khalwat tetapi telah dibebaskan. (*Tepuk*)

Inilah kelebihan Kerajaan PAS di Kelantan tetapi Kerajaan Barisan Nasional dengan penuh insaf dan kesedaran tanpa publisiti yang murah telah mengembangkan pengajaran agama Islam di IPTS yang selama ini tidak pernah pun diajar pelajaran agama ini di IPTS yang wujud di negara ini.

Dengan wujudnya *Fasal 43* ini juga, akan memberi peluang pekerjaan yang lebih luas kepada guru-guru ataupun mereka yang mempunyai kelulusan dalam bidang agama.

Di samping itu, akta ini juga akan dapat mengelakkan pendedahan anak-anak muda dari budaya yang berlawanan dengan nilai kita sejajar dengan matlamat Wawasan 2020 untuk membentuk sebuah masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang, sebuah sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat daripada diri sendiri. Dengan kebajikan rakyat tidak diasaskan kepada negara mahupun individu tetapi kepada sistem kekeluargaan yang kukuh lagi mantap.

Di samping itu juga, akta ini akan dapat menyelamatkan bukan sahaja RM2.5 juta setahun yang dibelanjakan oleh pelajar-pelajar Malaysia di luar negara tetapi saya yakin lebih dari itu. Saya juga meragui perangkaan seramai 60,000 orang pelajar yang telah diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan yang menyatakan pelajar-pelajar Malaysia di luar negara seramai 60,000, daripada pengalaman saya ketika berada di luar negeri, bilangan tersebut adalah lebih daripada yang dinyatakan.

Daripada kajian yang pernah saya buat, bilangan pelajar-pelajar di United Kingdom sahaja sebagai contoh, bilangan mereka yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang persendirian, mereka ini ramai tidak berdaftar dengan Jabatan Penuntut di luar negara. mungkin perangkaan yang diberi seramai 60,000 ini adalah

perangkaan daripada pelajar-pelajar yang berdaftar dengan Jabatan Penuntut di luar negara ataupun pelajar-pelajar yang ditaja oleh pihak kerajaan.

Sebagai contoh, saya telah menemui ramai pelajar persendirian yang mereka ini pergi ke luar negara khususnya di United Kingdom dengan menggunakan pasport status pelancong ataupun pelawat. Ini untuk memudahkan mereka memasuki United Kingdom, sekiranya mereka awal-awal lagi menyatakan tujuan pergi ke United Kingdom untuk belajar, sudah tentu mereka sukar untuk memperolehi 'entry clearance' dari High Commission British di Kuala Lumpur yang berkehendakkan berbagai-bagai syarat seperti penyata bank, penaja, nama institusi tempat untuk belajar dan berbagai-bagai syarat yang lain sebelum 'entry clearance' ini dikeluarkan.

Oleh itu, ramai mereka ini pergi ke United Kingdom sebagai pelancong dan apabila sampai di sana barulah mereka mencari tempat belajar yang begitu mudah diperolehi dan barulah mereka ini memohon kepada Imigresen United Kingdom untuk menukar status dari pelancong kepada student.

Kebanyakan pelajar-pelajar persendirian ini tidak mahu berdaftar dengan Jabatan Penuntut Malaysia. Mengikut Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dalam ucapannya semalam di Dewan ini menyatakan di United States sahaja, terdapat seramai 13,000 orang pelajar-pelajar Malaysia, itu belum lagi kita kira di United Kingdom, di Eire, di New Zealand, di Canada, di Australia, di Taiwan, di Hong Kong, di Jepun dan berbagai-bagai negeri lagi. Saya percaya bilangan pelajar-pelajar persendirian yang berada di luar negara amat jauh dan besar sekali angkanya.

Oleh itu kita harap dengan cadangan akta ini, jumlah pelajar-pelajar IPTS ini

akan dapat dipastikan supaya dapat mengimbangi jumlah pelajar bumiputera dan bukan bumiputera yang belajar di IPTS. Kalau hari ini hanya 5% sahaja pelajar bumiputera belajar di IPTS maka sudah tentu ianya akan mewujudkan jurang perbezaan yang jauh di antara pelajar bumiputera dan bukan bumi putera di IPTS dan kita tidak mahu wujud 'two schools of taught', dengan izin, ataupun dengan sistem 'dualism' dalam sistem pendidikan negara ini. Yang satu IPT awam dan satu lagi IPTS yang mana kefahaman mereka nanti kalau tidak dikawal akan mewujudkan dua golongan masyarakat pada masa hadapan.

Apa yang lebih membimbangkan kita ialah apabila ramai pelajar yang memasuki IPTS ini mendapat pendidikan dari SRJK dan sekolah menengah mungkin memasuki sekolah menengah persendirian dan akhirnya mereka ini akan memasuki IPTS. Walaupun kadang-kadang terdapat mereka ini dari SRJK kemudian ke sekolah menengah kerajaan, mungkin lepas itu, mereka akan ke IPTS, mereka hanya dapat bersama-sama dengan pelajar bumiputera dalam tempoh lima tahun daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 sahaja, selepas itu mereka akan masuk semula ke IPTS yang mana bilangan bumiputera amat berkurangan di IPTS.

Kita khuatir matlamat kerajaan untuk membentuk sebuah negara bangsa bersatu-padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama sukar untuk dicapai. Oleh itu, untuk mengimbangi jurang bilangan pelajar bumiputera dan bukan bumiputera di IPTS dan untuk mengukuhkan perpaduan generasi muda maka saya ingin mencadangkan seperti rakan saya tadi daripada Parit Sulong supaya sistem kuota diperkenalkan, kalau Machang minta 30%, saya ingin mencadangkan kalau boleh biar 45:55, sistem kuota ini dijalankan di IPTS. Saranan ini boleh dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan di bawah Fasal 40 akta ini.

Untuk mencapai matlamat ini, pendedahan hendaklah dibuat seluas-luasnya kepada pelajar-pelajar bumiputera mengenai peluang belajar di IPTS. Saya rasa peluang untuk melanjutkan pelajaran di IPTS adalah lebih mudah dari peluang untuk melanjutkan pelajaran di IPT awam. Sebagai contoh, untuk membolehkan seseorang pelajar menduduki peperiksaan 'A Level' di United Kingdom, seorang pelajar hanya memerlukan tiga kepujian SPM yang standard dengan 'O Level', kemudian mereka ini akan mengambil 'A Level'.

Untuk membolehkan mereka ini memasuki universiti di United Kingdom, mereka hanya memerlukan dua 'A Level' dan mungkin lebih baik dan layak lagi mereka akan mengambil tiga 'A Level'.

Sistem ini sebenarnya lebih mudah kalau kita bandingkan dengan sistem SPM dan juga STPM. Di dalam SPM, kita ada gred 1, gred 2 dan juga gred 3, di dalam STPM pula kita ada Sijil Penuh yang mana syarat untuk memasuki universiti tempatan pula mestilah mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia. Saya ada ramai kawan yang SPMnya gred 4 ataupun gred 9, tetapi oleh kerana mereka ini berpandangan luas dan tahu peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran di luar negara, maka mereka pada hari ini telah berjaya menjadi seorang peguam, ada yang sudah menjadi ahli-ahli profesional. Kerana bila mereka pergi ke luar negara, mereka menggunakan SPM, tetapi hanya mengambil 3 subjek yang mendapat keputusan, kemudian apabila mereka ambil 'A Level', ada di antara mereka yang hanya mengambil 2 ataupun 3 subjek sahaja, tidak seperti STPM yang mengambil sampai 5 subjek yang mesti diambil.

Tuan Yang di-Pertua.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada rakan saya, Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Saya ada mendapat sedikit perasaan di mana Yang Berhormat dari Tanjong Karang ini berpendapat ataupun menunjukkan satu pendapat yang mengatakan sistem peperiksaan SPM ataupun STPM itu adalah satu sistem yang obsolete dan sepatutnya kita mengkaji semula supaya dasar kemasukan ataupun qualification requirement, dengan izin, di gunakan untuk masuk ke universiti-universiti tempatan di negara kita.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat Batang Lupar. Saya bersetuju dengan pandangan tersebut, di mana saya rasa sudah sampai masanya untuk Kementerian Pendidikan mengkaji semula sistem peperiksaan di negara kita dan juga sistem kemasukan ke universiti. Jangan kita terlalu terkongkong dengan cara konservatif ala-British. Saya ambil sebagai contoh, kalau dahulu, masuk Pegawai Polis - rambut mesti pendek, kerana askar British dahulu rambutnya pendek, tetapi hari ini askar British, polis British, kita tengok tidak ada rambut pendek, hanya polis di Malaysia sahaja yang kena berambut pendek. Jadi, sistem ini kalau boleh kita ubah supaya sesuai dengan keadaan di negara kita.

Saya ingin mengambil lagi satu contoh, ada di antara pelajar-pelajar persendirian yang tidak mendapat keputusan yang baik di dalam SPM atau STPM tetapi pada hari ini mereka mempunyai MBA (Master dalam bidang business). Ini kerana ada sistem di sekolah-sekolah swasta ini hanya dalam dua tahun sahaja boleh mendapat MBA. Sebagai contoh - ABA (Associates Business Executive Course) - 3 bulan pertama buat satu sijil (Part 1), kemudian 3 bulan kedua buat sijil Part 2, sesudah

mendapat Sijil Part 2 terus mendapat Diploma dalam masa 6 bulan - satu tahun sudah mendapat Diploma. Habis diploma terus celup, buat MBA. Walaupun diplamanya tidak diiktiraf oleh kerajaan kita, tetapi MBAny diiktiraf oleh kerajaan. Jadi, apabila mereka pulang ke Malaysia mereka membawa MBA yang kerajaan kita iktiraf. Begitu juga saya dapati ada rakan-rakan saya di luar negeri, semasa saya di London, mereka ini kadang-kadang mendapat ijazah daripada Hong Kong, daripada Taiwan dan daripada India. Ijazah-ijazah ini tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, tetapi mereka celup dengan pergi ke United Kingdom, membuat ijazah lanjutan di United Kingdom dan mereka pulang dengan membawa ijazah lanjutan daripada United Kingdom kerana ijazah-ijazah daripada Taiwan, Hong Kong ataupun India ini diiktiraf oleh Kerajaan British tetapi apabila mereka pulang ke Malaysia, mereka tidak menggunakan ijazah dari Taiwan, Hong Kong ataupun India, tetapi mereka bawa pulang ijazah lanjutan yang dikeluarkan oleh Kerajaan British yang kita iktiraf.

Oleh itu, saya lihat bahawa masalah dan juga salah satu sebab mengapa pelajar bumiputera ini kurang berminat untuk memasuki IPTS ialah kerana kurang pendedahan. Bagi kita, pelajar-pelajar bumiputera kalau SPM sudah mendapat gred 3 - that is the end of "kita punya melanjutkan pelajaran", sedangkan kalau mereka tahu peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran ini, saya yakin, walau pun mendapat gred 3 mereka mampu untuk mendapat ijazah yang lebih baik.

Soal kewangan, saya tidak nafikan bahawa amat penting untuk memajukan ataupun untuk memasuki IPTS kerana dengan yuran yang tinggi sudah tentu orang-orang yang kurang berkemampuan tidak mampu untuk memasuki IPTS. Saya juga ingin mencadangkan seperti sahabat-sahabat saya, supaya satu dana, kalau

boleh bukan sahaja tabung pendidikan, tetapi kalau boleh bank pendidikan ditubuhkan di negara kita ini untuk memberi bantuan khusus kepada mereka yang tidak mampu untuk mendapat bantuan memasuki IPTS ataupun IPT awam yang akan dikorporatkan.

Walau bagaimanapun, saya ingin memberikan pandangan bahawa ramai di antara rakan-rakan saya yang bukan bumiputera, semasa di London dahulu, mereka juga bukan daripada orang-orang kaya. Ramai yang pergi ke luar negara ini ialah orang-orang yang tidak berada, tetapi oleh kerana mereka ini tahu jalannya, tahu caranya, dan sistem pendidikan swasta di London agak longgar, maka mereka kadang-kadang boleh bekerja sambil di restoran-restoran ataupun di mana-mana kedai untuk mencari duit bagi menampung belajar dan saya percaya kalau semangat dan pendedahan ini dapat kita buka seluas-luasnya dengan peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pendidikan, di kalangan pelajar-pelajar bumiputera, khasnya di luar bandar, maka saya penuh yakin bahawa satu masa nanti, IPTS juga akan dipenuhi oleh pelajar-pelajar bumiputera.

Saya ingin menyentuh Fasal 38. Kelulusan Menteri hendaklah diperolehi di bawah Fasal 38 (1) sebelum apa-apa kursus pengajian atau program latihan dikendalikan di institusi pendidikan tinggi swasta termasuklah bagi pengendalian yang dilakukan secara bersejema atau secara bergabung, bersekutu atau bekerjasama dengan institusi pendidikan tinggi swasta lain. Saya ingin mencadangkan supaya kuasa menteri di bawah Fasal 38 ini, kalau boleh berilah keutamaan kepada IPT tempatan untuk mengadakan program-program berkembar, kerana selama ini peranan IPT tempatan di dalam membina anak bangsa perlu diteruskan, malah ditingkatkan.

Untuk itu, segala program kembar, IPT Swasta perlu dijalin dengan IPT Kerajaan sebelum memilih universiti luar negara sebagai rakan kongsi. Ini kerana yuran francais untuk program dengan universiti luar negara masih tinggi, iaitu sebanyak RM40,000 untuk sesuatu kursus. Oleh itu, sekiranya IPT swasta ingin mengadakan program kembar dengan IPT di luar negara, terpaksa IPTS tempatan ini membayar RM400,000 setahun untuk 10 buah kursus. Saya percaya kalau IPT tempatan ini diberi peluang bersama-sama menjalankan kursus berkembar dengan IPTS ini, maka keadilan di dalam pembelajaran IPTS ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur.

Saya juga ingin menyentuh seksyen 39 yang mengandungi sebutan mengenai sesuatu pihak berkuasa yang bertanggungjawab menjamin kualiti kursus-kursus pengajian yang dikendalikan di IPTS. Saya harap kualiti IPTS ini akan dapat di kawal. Pada hari ini, kita sering mendengar IPTS ini mendakwa berperanan sebagai pembekal kepada tenaga profesional. Maksud sebenarnya mereka ialah mencari keuntungan dengan kos yang rendah. Akhirnya mutu kolej-kolej swasta ini menimbulkan prasangka kepada ibu bapa dan masyarakat. Untuk itu, satu piawaian yang lengkap dan komprehensif perlu ada dan setiap kolej perlu patuh kepada piawaian ini sebelum beroperasi. Badan pengawas dari Kementerian Pendidikan perlu bertindak dengan cekap dan profesional. Cekap yang saya maksudkan di sini, ertinya dapat membuat keputusan dengan segera.

Profesional ertinya tahu membuat penilaian dengan berdasarkan kepada data-data yang lengkap dan dapat membantu ke arah kejayaan kepada sesebuah institusi dan bukannya untuk menghalang pertumbuhannya.

Saya juga ingin menyentuh seksyen 93. Seksyen 93 ini berkenaan dengan

keperluan-keperluan berkaitan dengan premises ditetapkan dalam Fasal 93. Kita tidak mahu melihat kolej-kolej swasta ataupun IPTS di negara kita ini beroperasi seperti kedai barang runcit. Kita dapati ada IPTS yang beroperasi di bangunan-bangunan kedai dan tidak sesuai dengan fungsinya sebagai sebuah kolej latihan. Kita dapati kadang-kadang pelajar-pelajar akan berkeliaran di kawasan bangunan-bangunan kedai. Keadaan dan persekitaran kolej seperti ini bukan sahaja sukar dikawal tetapi ia boleh menjatuhkan imej negara.

Oleh itu, bangunan di mana kolej ini beroperasi mestilah bangunan yang khusus dan bukannya rumah-rumah kedai ataupun rumah-rumah teres dan kalau boleh, mestilah ditetapkan bahawa IPTS ini juga mesti mempunyai kelengkapan seperti universiti tempatan. Jangan apabila kerajaan buat, masing-masing mendesak dan meminta berbagai-bagai kemudahan tetapi apabila swasta yang buat, masing-masing pandang sebelah mata.

Kalau IPTS tempatan boleh menyediakan berbagai-bagai kemudahan, maka kita harap premises IPTS juga akan dapat mengikut contoh sekurang-kurangnya adalah tempat mereka ini bermain, ada padang dan juga tempat mereka ini berkumpul. Bukannya kadang-kadang kita nampak pada hari ini, sekolah-sekolah swasta ini bertaburan di bangunan-bangunan kedai.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya lihat pada tahun ini kita telah luluskan empat buah akta mengenai pendidikan sahaja. Bermakna Kementerian Pendidikan pada hari ini akan mengendalikan atau terpaksa memerhatikan empat buah akta. Kita juga daripada skop pendidikan, kalau dahulu tadika tidak dimasukkan di bawah Akta Pendidikan, tetapi pada hari ini tadika telah ada.

Di samping itu, kementerian juga kena menjaga sekolah rendah, sekolah

menengah. Mereka juga terpaksa menjaga maktab-maktab perguruan. Mereka juga terpaksa menjaga politeknik-politeknik. Mereka juga mungkin nanti akan menjaga junior college yang akan ditubuhkan dan pada hari ini, menambah lagi satu beban, selain dari hendak menjaga IPT awam, mereka juga kena menjaga IPTS.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan. Pada pendapat saya, sudah sampai masanya Kementerian Pendidikan di negara ini dibahagi kepada dua. Satu, boleh dinamakan Kementerian Pendidikan Tinggi yang akan mengawasi IPT-IPT dan mungkin juga maktab-maktab di dalam negara ini dan satu lagi, boleh juga dinamakan Kementerian Pendidikan Menengah yang mungkin menjaga sekolah-sekolah menengah sehinggalah ke tahap tadika. Saya yakin kalau kementerian ini dapat dipecahkan dua, maka matlamat kita untuk melihat kemajuan dan pendidikan negara kita ini akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, di samping twinning programme, saya juga ingin mencadangkan supaya IPTS nanti akan mengadakan twinning in reverse. Maksudnya, pelajar-pelajar ini boleh menjalankan pengajian mereka di luar negara. Kalau pada hari ini, pelajar kita menjalankan pendidikan Tahun Satu, Tahun Dua di dalam negara kita dan tahun akhir pergi ke luar negara, maka kita ingin mencadangkan supaya satu sistem kalau boleh diatur, biar pelajar-pelajar di luar negara ini, Tahun Satu, Tahun Dua di negara mereka, Tahun Tiga ataupun pengajian akhirnya, mereka pula datang ke negara kita kerana kalau ini boleh kita buat, maka sudah tentu kita akan dapat menaikkan imej negara kita dan juga hasrat kerajaan untuk menjadikan negara kita sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini akan berjaya.

Hasrat ini akan berjaya dan akan bertambah jayanya seandainya beberapa badan dan juga agensi kerajaan seperti

yang disarankan oleh Parit Sulong tadi bersama-sama mengambil bahagian untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar mengambil bahagian di dalam IPTS.

Sebagai contoh, kerajaan-kerajaan negeri ataupun agensi-agensinya hendaklah memainkan peranan yang lebih aktif. Di Selangor, kita telah ada INSPENS dan juga mungkin akan mengadakan juga Kolej Islam Antarabangsa. Kita juga mencadangkan Petronas patut bersama-sama menceburkan diri, kalau boleh tubuh Universiti Petroleum. MAS mungkin sudah sampai masanya untuk menubuhkan Universiti Aviation. HICOM ataupun Proton mungkin Universiti Automobil, TEN, Telekom dan sebagainya.

Kalau semua agensi ini dapat berganding bahu, maka kekhuatiran kita menjelang tahun 2020 untuk melihat negara kita terus maju, tidak akan kita bimbangkan.

Dengan kata-kata itu, saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

4.26 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini dengan harapan untuk menyaksikan sistem pendidikan yang bertaraf dunia seperti termaktub dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 dan saranan Yang Berhormat Menteri Pendidikan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu untuk mengenal dan memberi keadilan dalam IPTS dan diperlihat wujudnya keadilan. Soal-soal birokrasi, pita merah kerajaan (red tape), penyelewengan dan kekurangan penyelarasan mestilah diselesaikan. Agensi pembangunan pendidikan termasuk pusat serenti hendaklah dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Yang Berhormat Menteri semalam dan hari ini, terdapat 280 buah IPTS dan bilangan ini akan bertambah. Beliau mengulangi hasrat kita untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini dan dapat menarik pelajar-pelajar dari dalam dan luar negara.

IPTS berorientasikan keMalaysiaan. Soal-soal Bahasa Malaysia, agama, nilai, moral dan budaya dapat diatasi secocok dengan masyarakat moden Malaysia. Nampaknya Yang Berhormat Menteri ingin berjuang supaya keadilan dirasai oleh IPTS dan rakyat termasuk penyertaan pelajar-pelajar bumiputera. Keadilan ini adalah termasuk keinginannya untuk pendapat-pendapat munasabah yang tidak serupa dengan idea-idea Kementerian Pendidikan.

Kami bersetuju dengan konsep pendidikan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Yang Berhormat Menteri mestilah menggalakkan media massa memuatkan pendapat-pendapat kami juga. Pencegahan siaran, black-out merupakan satu jenis penindasan. Kita hendak galakkan IPTS dengan adil untuk disertai oleh semua golongan di negara ini dan juga kita hendak galakkan sifat-sifat demokrasi, sifat-sifat liberal dan sifat-sifat terbuka tetapi pencegahan siaran ialah satu jenis penindasan.

Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional suka memetik ahli-ahli falsafah dari Timur dan Barat termasuk Confucius, yang juga seorang pendidik. Pada tempoh hari, pembentangan Belanjawan di Dewan ini adalah penuh dengan petikan-petikan ahli-ahli falsafah.

Tuan Yang di-Pertua, tafsiran Sasterawan Negara, Shanon Ahmad mengenai salah satu petikannya ialah, seperti kata Confucius:

“Kekuasaan yang menindas lebih dahsyat lagi daripada harimau-harimau yang ganas. Harimau ganas hanya menerkam dan mengergahkan kepala mangsanya dengan sekali gus dan cepat mangsanya mampus. Tetapi kekuasaan yang kejam terus mendera dan menyiksa mangsanya sedikit demi sedikit sampai tinggal tulang rangka dan tulang-tulang pelipis. Kematiannya telah terjamin, tetapi prosesnya begitu lambat dan menderakan. Itulah anarki, itulah tirani yang sebenar. Sebuah kekuasaan yang tirani bukan hanya bererti angkat senjata dan membunuh rakyat, tetapi juga yang begitu halus menekan jiwa rakyat sehingga tidak terbuka lagi mulut dan hati.”

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap orang yang memetikinya dapat menghayati, dapat memahami dan dapat menginsafi apakah yang dipetik mengenai ahli-ahli falsafah seperti Confucius ini.

Walaupun adanya pencegahan siaran, saya akan terus mengemukakan cadangan-cadangan untuk menyelesaikan permasalahan untuk membantu memajukan IPTS ini termasuk kelewatan melulus kursus-kursus yang dipohon oleh IPTS, visa para pelajar asing, pengiktirafan ijazah dan Jabatan Perkhidmatan Awam serta cawangan kampus universiti, badan-badan iktisas, badan profesional dan IPTS, tanah untuk IPTS, dan penyelidikan dan pembangunan R&D untuk IPTS, yang setahu saya belum lagi disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan di dalam Dewan ini pada 20hb Disember 1995, hanya 7% belia Malaysia berusia 15 hingga 24 tahun memasuki IPT berbanding dengan Singapura, 12%; Thailand, 16%; Jepun, 31%; dan negara-negara maju, 25% hingga 30%.

Semalam, Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa hanya 11.46% orang

Malaysia melalui IPT berbanding dengan Amerika Syarikat 63%, Jepun 31% dan Britain 24%. Kira-kira 60,000 pelajar Malaysia di seberang laut menyebabkan aliran tukaran asing RM2.5 bilion setahun.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tahu standard dan kriteria yang digunakan untuk angka-angka seperti itu. Misalnya di Britain 24% dan di Amerika Syarikat 63%. Setahu saya, standard yang digunakan oleh pihak United Kingdom adalah tinggi pukul ratanya. Tetapi di United States, ada universiti-universiti ataupun kolej-kolej, standardnya tidak begitu tinggi. Inilah masalahnya.

Kami sering membangkitkan perkara ini. Untuk menyelesaikan perkara ini, kita memerlukan lebih banyak IPTA dan IPTS bertaraf dunia. Kini IPTA tempatan hanya dapat menampung kira-kira 100,000 pelajar dengan pengambilan lebih kurang 12,000 setahun. Sebagai negara yang maju kelak, IPTA terpaksa menampung 400,000 pelajar dengan pengambilan 48,000 pelajar setahun, kalau kita hendak capai satu tahap negara yang maju. Memandangkan IPTA tidak dapat memenuhi permintaan, kita mesti menggalakkan lebih banyak IPTS bertaraf antarabangsa.

Yang Berhormat Menteri menyebutkan, 280 IPTS di negara ini. Berapakah bertaraf antarabangsa? Beliau tidak menyebutkan. Mungkin kebanyakan itu tidak bertaraf tinggi dan mungkin penubuhan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) telah dapat memastikan semua kelayakan Sijil, Diploma dan Ijazah adalah berkualiti.

Piawai minimum ini adalah mustahak untuk memastikan kecemerlangan pendidikan di negara ini. Adalah diharapkan bahawa kelulusan rang undang-undang ini boleh mengawas selia dan menggalakkan IPTS daripada segala aspek. Kita hendaklah melihat cawangan-cawangan kampus universiti asing yang terkemuka dan IPTS tempatan bertaraf universiti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mengawal supaya tidak timbulnya kegiatan dan ajaran ekstremisme dan sesat, jangan kita merampaskan peluang para pelajar untuk membaca dan memahami keadaan politik di dalam dan di luar negara. Sebenarnya, para pelajar mestilah didedahkan dan diberi opsyen kepada semua bidang pengetahuan, termasuk politik.

Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Machang tadi, kita tahu ada amalan yang tidak begitu adil untuk pelajar-pelajar, sama ada pelajar tempatan ataupun pelajar di seberang laut dan sekarang IPTS, walaupun di sini kita terima satu pindaan yang baru untuk mengubah keadaan sedikit supaya pelajar-pelajar IPTS dapat menyertai kesatuan yang sihat.

Saya tidak tahulah macam mana mereka digalakkan untuk memasuki kesatuan-kesatuan seumpama ini. Janganlah kita mengamalkan "politik kemunafikan". Walaupun para pelajar dilarang menyertai politik, kalau tidak menyertai politik pembangkang, itu digalakkan. Akan tetapi, penyertaan mereka dalam parti politik pemerintah tidak dihalang. Ini tidak boleh. Kalau hendak halang, halang semua. Tak payahlah hendak masuk parti politik. Jangan kalau hendak masuk parti DAP, tidak boleh, tidak digalakkan. Masuk UMNO, itu baik sekali. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan pun senyum. Saya tidak setuju dengan ini. Saya tidak setuju.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Walaupun ada surat pekeliling yang mengatakan tidak boleh menyertai parti politik, tetapi nampaknya ada setengah-setengahnya menyertai parti politik, UMNO terutamanya.

Tuan Yang di-Pertua, IPTS memohon kepada Bahagian Pendaftaran untuk

menganjurkan sesuatu kursus, termasuk kursus berkembar, misalnya kursus computer engineering berijazah yang berkembar dengan sesuatu universiti luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan. Katakanlah University of Sheffield - dua tahun belajar di Malaysia dan satu tahun di England. IPTS itu telah membuat persiapan, termasuk mencari para pelajar untuk menyertai kursus tersebut. Banyak yang berminat. Walaupun semua syarat telah diketahui, tetapi permohonan tersebut boleh mengambil masa 6 atau 12 bulan. Kadangkala 2 tahun untuk diluluskan. IPTS tersebut memang mengalami kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya birokrasi dan pita merah kerajaan di dalam Kementerian Pendidikan ini dikurangkan ataupun dihapuskan sama sekali. Mengapa permohonan seperti ini ditundakan sehingga 2 tahun? Apakah masalahnya? Asalkan mereka memenuhi syarat, kita benarkan mereka mengadakan kursus.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan hal ini kerana dengan kelulusan rang undang-undang ini yang mempunyai peruntukan-peruntukan dengan kuasa yang besar diberi kepada pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan juga kepada Ketua Pendaftar IPTS, maka peluang untuk memperbaiki keadaan untuk mengawal selia IPTS adalah baik. Akan tetapi peluang ini boleh disalah gunakan dengan birokrasi dan pita merah kerajaan dan banyak kelemahan lain, kita boleh nampak penyelewengan, kecurangan berlaku. Kerana dengan undang-undang yang lebih ketat penyelewengan boleh bertambah. Tuan Yang di-Pertua, ini satu contradicts paradox. Sebab itulah saya memberi amaran hari ini supaya Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian, jangan berlaku penyelewengan yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kelulusan rang undang-undang ini dan Rang Undang-

undang Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1995, maka terbukalah peluang untuk syarikat-syarikat transnasionaal untuk memohon menubuhkan universiti swasta. Nampaknya Petronas telah menunjukkan minat untuk mengambil alih sebuah kampus cawangan Universiti Sains Malaysia (USM) di Perak. Adakah rundingan telah dimulakan di antara kementerian dengan Petronas? Kami mengalu-alukan penubuhan universiti swasta kampus cawangan universiti asing yang terkemuka dan kolej-kolej swasta yang dapat meningkat ke status universiti kerana kita memerlukan banyak universiti bertaraf dunia. Universiti-universiti swasta yang dapat melatih para pelajar yang berkualiti, yang boleh memberi sumbangan kepada masyarakat untuk memajukan negara mestilah diterima dengan baik.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan memastikan Ketua Pendaftar IPTS dan orang-orang yang menapis permohonan penubuhan universiti dan mengawalseliakan universiti-universiti tersebut adalah berkelayakan yang sesuai, bersih, cekap dan beramanah. Ini memang diperlukan. Bukan sahaja bersih, cekap dan beramanah, mempunyai pengetahuan yang luas yang benar-benar sesuai untuk menapis permohonan bagi menubuhkan universiti dan mengawalseliakan universiti-universiti seumpama ini. Asalkan syarat-syarat telah dipenuhi, tempoh untuk kelulusannya hendaklah dipendekkan dengan seboleh-bolehnya. Janganlah berlakunya sebarang penyelewengan di dalam kelulusan dan pengawalseliaan.

Saya diberitahu bahawa di dalam permohonan untuk setengah-setengah kursus, kalau seseorang itu atau sesebuah IPTS itu mempunyai pengaruh, hubungan yang baik dan sebagainya, kelulusan itu adalah lebih cepat. Kalaulah ini berlaku, macam mana kita dapat mencapai sebagai

satu pusat kecemerlangan pendidikan di negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memastikan universiti-universiti bertaraf dunia, saya mengesyorkan supaya Kementerian Pendidikan membuat kajian yang menyeluruh dari semasa ke semasa untuk mendapat tahu bilangan universiti bertaraf dunia yang sesuai untuk Malaysia. Misalnya pada tahun 2000, 2010 dan 2020 apakah bilangan universiti yang sesuai? Adakah kemungkinan bilangan universiti yang terlalu banyak? Kalau terlalu banyak, apakah implikasi dan konsekuensinya?

Tuan Yang di-Pertua, setelah kelulusan rang undang-undang ini, kita mesti mengetahui apakah faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan kelulusan permohonan untuk kursus, untuk universiti dan sebagainya dan seterusnya diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting iaitu pemerosesan visa untuk pelajar-pelajar asing dan kebajikan pelajar-pelajar asing. IPTS membuka peluang kepada pelajar-pelajar dari negara-negara asing terutamanya negara-negara di rantau ini. Kerana kita hendak menyaksikan para pelajar dari Singapura, dari Indonesia, dari Thailand, dari Bangladesh, dari India dan dari banyak negara lagi datang ke Malaysia untuk memasuki IPTS di Malaysia. Hasrat untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan kependidikan mesti boleh dicapai.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, permohonan visa para pelajar asing boleh mengambil masa dari 8 hingga 12 bulan. Satu tahun untuk memohon visa. Bayangkan seorang pelajar yang telah diterima oleh sebuah IPTS untuk mengikuti sesuatu kursus, dia terpaksa tunggu satu tahun untuk datang ke Malaysia. Kalau inilah yang berlaku, dia mungkin akan mencari IPTS di negara

yang lain. Mungkin pergi ke Singapura, walaupun lebih mahal untuk ke Singapura.

Saya menganjurkan supaya Jabatan Imigresen memendekkan tempoh kelulusan untuk permohonan visa kepada satu atau dua minggu sahaja. Di sinilah Kementerian Pendidikan perlu mempertimbang keperluan untuk mengadakan pusat serenti bagi hal-hal seperti ini. Pusat serenti ataupun badan pembangunan pendidikan, satu badan untuk memajukan pendidikan termasuk pusat serenti.

Saya juga mengesyorkan supaya satu badan khas seperti British Council untuk membantu para pelajar asing di dalam negara ini ditubuhkan. Kalau kita hendak jadikan satu pusat untuk menarik pelajar-pelajar asing, kita mesti mengadakan badan khas. Saya masih ingat bila saya berada di United Kingdom, saya dilayan oleh British Council. Kalau ada masalah, kita pergi ke British Council untuk nasihat, untuk bantuan dan sebagainya. Begitu juga dengan di Malaysia, kita tubuhkan badan seumpama itu untuk membantu para pelajar asing menghadapi...

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat juga mungkin boleh mencadangkan supaya kita adakan di embassy kita di luar negara, kita ada pegawai-pegawai pendidikan dan sebagainya; mungkin pegawai-pegawai ini boleh memainkan peranan memberi kerjasama kepada rakyat negara tersebut yang ingin datang untuk belajar di Malaysia? Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Yang

Berhormat dari Yan kerana kadangkala Yang Berhormat dari Yan pun mengeluarkan cadangan yang baik juga. (Ketawa) Memang kita mesti menggalakkan pegawai-pegawai di kedutaan-kedutaan Malaysia di negara-negara yang berkenaan memainkan peranan bukan sahaja dari segi ekonomi, dari segi perdagangan dan komersil bahkan juga dari segi pendidikan, menggalak pelajar-pelajar asing datang ke Malaysia. Bila datang ke Malaysia kita ada badan khas untuk melayani mereka supaya kita dapat memastikan mereka tahu inilah negara yang benar-benar mengalu-alukan para pelajar untuk menyertai IPTS di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja masalah visa bagi pelajar-pelajar asing, bahkan juga masalah pengiktirafan ijazah IPTS. Ada beberapa masalah, Tuan Yang di-Pertua, misalnya Jabatan Perkhidmatan Awam mengiktiraf ijazah-ijazah dan diploma-diploma dari universiti-universiti yang tertentu. Sekiranya seseorang itu mendapat ijazah dari sesuatu universiti dengan menghabiskan semua masa di universiti itu di luar negara, ijazah itu diiktiraf oleh JPA. Sekiranya seseorang itu mengambil kursus kembar tetapi menghabiskan dua tahun di Malaysia dan satu tahun di universiti tersebut di luar negara, ijazah yang serupa tidak diiktiraf oleh JPA. Ini aneh juga. Kita hendak galakkan IPTS. Tetapi kalau dia habiskan dua tahun di sini, habiskan satu tahun di luar negara, kita tidak iktiraf ijazah itu.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya, saya memang berminat dengan Yang Berhormat dari Kepong, hujah-hujahnya, soalan pengiktirafan ini. Jadi, saya ingin bertanya penjelasan

daripada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau tiap-tiap kali permohonan untuk menubuhkan satu institut pengajian tinggi swasta ini dibuat kepada kementerian dan kementerian telah diberitahu mata pelajaran ataupun disiplin-disiplin hendak ditubuhkan di institut yang tersebut, kalau institut itu dilulus penubuhannya dengan secara automatik, pihak kerajaan Malaysia mesti mengiktiraf semua kelulusan yang dibuat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ya, memang Yang Berhormat 'Batang yang terlupar' ini, kefahamannya khusus kepada hal seperti ini, tetapi dia tidak tengok, apakah yang sebenarnya berlaku. Masalah sekarang ialah ijazahnya serupa, daripada universiti yang serupa tetapi kalau dia habiskan masa dua tahun di sini hanya satu tahun di luar negara, tidak diiktiraf. Kalau itulah berlaku macam manakah kita hendak galakkan IPTS? Sebenarnya...

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Bangun*)

Dr. Tan Seng Giaw: Ah, berminat lagi.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sama ada Yang Berhormat dengar ataupun tidak faham soalan saya tadi, saya terangkan sekali lagi. Saya kata, kalau kelulusan telah diberi untuk menubuhkan satu IPTS dan disiplin-disiplin tertentu telah diberitahu dengan pihak kementerian, apabila kementerian telah meluluskan penubuhan IPTS itu maknanya pelajaran dan disiplin yang dilulus ataupun ijazah yang dilulus oleh IPTS yang tersebut secara automatik mestilah diiktiraf oleh pihak kerajaan. Adakah Yang Berhormat bersetuju? Itu soalan saya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Memang saya setuju kalau diluluskan tetapi...

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Janganlah cerita lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ada kursus-kursus kembar di IPTS sekarang diluluskan oleh kementerian tetapi ijazah itu tidak diiktiraf oleh JPA. Ini masalah kita sekarang. Sebab itulah saya berharap dengan beberapa usaha termasuk LAN iaitu Lembaga Akreditasi Negara, dengan tertubuhnya lembaga seperti ini, masalah-masalah mikro ini dapat diselesaikan. Saya setuju kalau kita bermula sahaja dengan IPTS beberapa tahun sahaja kita akan menghadapi banyak masalah. Begitu juga dengan badan-badan profesional seperti Institute of Engineers Malaysia (IEM) dan Malaysian Institute of Accountancy (MIA), mereka memang mempunyai peraturan-peraturan sendiri dan seperti mana yang berlaku dengan JPA, kalau kursus-kursus itu diambil di universiti yang diiktirafkan di luar negara dengan sepenuh masa, itu diiktiraf tetapi kalau ijazah yang sama diambil di Malaysia; kalau dua tahun di Malaysia dan satu tahun di luar negara, tidak diiktiraf. Saya anih binti hairanlah, Tuan Yang di-Pertua. Mengapa hal seperti ini berlaku?

Saya faham di sesebuah negara mesti ada perlindungan kepada pelajar-pelajar kita, kepada IPTA kita. Memang mesti, misalnya MIA mengiktiraf Ijazah Accountancy daripada Universiti Malaya, MARA, tidak payah graduan-graduan mengambil peperiksaan profesional daripada SIMA, ACCA, MIA sendiri dan sebagainya tidak payah ambil. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, masalah pelajar-pelajar IPTS ini ialah kalau mereka ambil kursus accountancy dua, tiga tahun di sini, satu, dua tahun di luar negara tidak diiktiraf, kecuali mereka pergi terus ke negara-negara luar mengambil ijazah yang sama di universiti yang sama dengan menghabiskan sepenuh masa di situ, ha, itu diiktiraf oleh MIA. Masalah seperti ini berlarutan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri dan juga Ketua Pengarah Pendidikan dapat mengambil perhatian

kerana Ketua Pengarahlah yang sibuk dengan kementeriannya. Yang Berhormat Menteri lebih mementingkan perhubungan awam! - Tidak ada di sini sekarang. Naib Presiden Kebangsaan UMNO pula. Sibuk sangat. Tidak ada di dalam Dewan pula, sibuk. Timbalan ada? Ada.

Ada banyak masalah lagi termasuk setelah meluluskan rang undang-undang ini, pihak Kementerian Pendidikan mesti memberi pertolongan, bantuan kepada IPTS daripada segi tanah kerana IPTS memerlukan tanah kerana ada persaingan untuk tanah ini, harga melambung naik, memang melambung naik sehingga sampai ke langit.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia minat dengan tanah ke? (Ketawa)

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mencadangkan kalau boleh kepada Yang Berhormat dari Kepong. Mungkin harga tanah di bandar ini mahal, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau dibuat universiti di Gunung Jerai, Yan, Batang Lupar dan sebagainya, jauh daripada Kepong mungkin harga tanah-tanah itu tidak begitu mahal dan ini akan menjadikan pertumbuhan ekonomi dalam kawasan itu. Jadi, Yang Berhormat dari Kepong ini bersetuju atau tidak? Jangan terkepong sangat fikiran tu. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak terkepong dengan fikiran. Kawasan Kepong, tetapi fikiran tidak terkepong. Bukan tidak terkepong, pokok jerai pun di tanam di sini juga. (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak kaji kemungkinan mengadakan IPTS di Yan.

Jerai dan sebagainya, itu baik juga. Kita mesti beri peluang juga. Kita minta Yang Berhormat Menteri Pendidikan bila dia pergi ke Kedah, pergilah tengok kawasan seperti Yan, Jerai dan sebagainya sama ada kemungkinan untuk mengadakan IPTS kerana dapat menarik pelajar-pelajar, mungkin dari Thailand. Mungkin, tetapi tidak kiralah di kawasan mana asalkan tanah Malaysia ini, kita mesti galakkan. Kalau bolehlah, kadangkala sudah sedikit kerana kemudahan-kemudahan infrastruktur tidak cukup, macam mana hendak pergi? Sekarang hendak pergi ke Yan pun, saya tidak pula macam mana hendak pergi. Mungkin kita cadangkan satu lebuh raya, satu jalan raya kepada Yan untuk lebih mudah kita pergi.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun pula.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, ini ternyata Yang Berhormat dari Kepong ini dia macam katak bawah tempurung, dia tidak pernah keluar. Dia ingat Yan itu hulu, Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak tahu Yan itu lebih baik daripada Switzerland. (Ketawa) Cantik dengan gunung, air terjunnya semua. Jadi, saya mintalah Yang Berhormat dari Kepong melawat Yan dan saya akan aturkan. Tengok Yan macam mana elok atau tidak elok.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya akan pergi ke Yan tengok sendiri bukit bukau dan hutan-hutan, tasik-tasik yang ada di situ. Memang kita mesti...

Seorang Ahli: Harimau pun ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Harimau pun ada sekarang? (Ketawa) Gajah pun ada? (Ketawa) Saya pun akan pergi ke Yan.

jangan khuatir. Tengok dengan sendiri kecantikan kawasan itu. Walau bagaimana cantik pun kita mesti ada kemudahan asas dan infrastruktur yang cukup untuk menggalak IPTS di situ.

Saya berharaplah dalam tempoh 10 tahun ini kita dapat adakan satu, dua IPTS di Yan. Walau bagaimanapun, tanah-tanah untuk IPTS ini saya berharap kementerian dapat memberi insentif atau membantu pihak IPTS ini supaya pemaju-pemaju janganlah sengaja naikkan kos tanah itu pada tahap yang terlalu tinggi. Perkara ini mungkin Yang Berhormat Menteri dapat mempertimbangkan insentif-insentif untuk IPTS dan juga saya pernah mencadangkan supaya satu badan.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: tetapi ini mengenai insentif bagi tanah dan sebagainya, apa kena-mengena dengan 'batang yang terlupar' di situ tidak mungkin ada IPTS?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat. Batang Lupar itu banyak tanah. Sebenarnya soalan saya macam ini, ini serius kerana kementerian mungkin boleh membuat satu syor ataupun cadangan kepada pihak kerajaan supaya memberi satu insentif kepada pihak yang berminat menubuhkan IPTS. Tetapi kalau insentif diberi dengan cara penjualan ataupun pemberian tanah dengan harga yang murah, saya berharap tidak dipolitikkan apabila perkara ini berlaku, oleh kerana memberi keuntungan kepada pihak-pihak yang tertentu. Jadi, bolehkah Yang Berhormat tolong mengenai soalan ini nanti?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, segala kenyataan dan bantuan

serta insentif untuk menggalakkan IPTS, kita memang mengalu-alukan, itu memang diperlukan untuk menyaksikan bilangan IPTS yang bertaraf dunia yang tumbuh di Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya baca peruntukan-peruntukan di dalam rang undang-undang ini dan didapati bahawa satu masalah yang samar-samar, yang menimbulkan kekeliruan sedikit. Adakah dengan kelulusan rang undang-undang ini, pihak IPTS yang berjumlah 280 sekarang terpaksa mendaftar semula, kerana tidak disebutkan sama ada di semua peruntukan, ini tidak disebutkan sama ada perlu bagi 280 IPTS sekarang mendaftar semula dengan pihak Ketua Pendaftar di Kementerian Pendidikan? Oleh sebab tidak disebutkan, jadi saya berharap keaburan ini dapat dijernihkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Satu lagi masalah ialah mengenai penyelidikan dan pembangunan. Di dalam 280 buah IPTS ini, saya tidak nampak ada penyelidikan cuma untuk mengajar para pelajar sahaja. Kalau itulah yang berlaku tidak mencukupi untuk menjadikan pusat pendidikan cemerlang di Malaysia - tidak mungkin, kerana mereka mesti ada penyelidikan, kalau tidak pengetahuan yang basilah daripada negara-negara lainnya kita terima sahaja dan mengajar kepada para pelajar.

Saya berharap pihak kementerian mengadakan satu dasar dan memberi bantuan kepada IPTS untuk mengadakan penyelidikan dan pembangunan bagi memajukan ilmu di Malaysia. Ini adalah satu bidang di mana kita mesti menumpukan perhatian, kalau kita hendak menjadikan satu negara yang benar-benar maju, kita mesti ada peluang untuk membuat penyelidikan, bukan sahaja di IPTA bahkan juga IPTS - memang perlu, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sentiasa menekankan dengan IPTA juga dan mengenai keperluan untuk

mengadakan penyelidikan yang benar-benar dilakukan oleh pihak pakar-pakar dan ahli-ahli akademik di universiti atau di IPTA. Hari ini saya menerangkan bahawa peluang yang serupa hendaklah diberi kepada IPTS untuk meningkatkan taraf penyelidikan di negara ini.

Berjuta-jutaringgit diperuntukkan oleh pihak kerajaan khas untuk penyelidikan, tetapi saya tidak nampak sangat hasilnya, ada satu-dua, ini tidak mencukupi, sebab itulah sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya menyeru supaya satu dasar diadakan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) di sektor IPTS. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mertajam.

5.16 ptg.

Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya.

Sebelum saya mula berbahas dalam rang undang-undang ini, saya ingin merujuk kepada perkara 35(6) dalam Peraturan-peraturan Majlis Dewan Rakyat ini kerana saya ingin menyatakan bahawa saya terlibat dalam pengurusan sebuah IPTS di Pulau Pinang dan juga saya seorang Ahli Lembaga KOJADI yang juga mengendalikan sebuah IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan rang undang-undang ini menunjukkan langkah positif ke arah liberalisasi sistem pendidikan negara yang memberikan sektor swasta satu peluang untuk menyediakan pendidikan tinggi kepada golongan masyarakat Malaysia yang memerlukannya. Banyak negara yang membangun umpamanya Amerika Syarikat, England, Australia, Jepun dan sebagainya telah pun mempunyai banyak

institusi pendidikan tinggi swasta yang bukan sahaja memainkan peranan mendidik ini dengan cemerlang, bahkan telah menunjukkan prestasi istimewa dalam bidang research and development (R&D).

Tuan Yang di-Pertua, mungkin IPTS di Malaysia ini masih muda dalam umur perkembangannya, satu hari nanti seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Kepong, IPTS di Malaysia juga boleh mengikut langkah ini untuk menjayakan bahagian penyelidikan dan juga pembangunan. Justeru itu, kita mesti memberi peluang kepada IPTS di Malaysia ini supaya perkembangannya boleh ditentukan pada masa depan untuk memastikan bahawa IPTS dapat membantu negara kita dalam pembangunan sumber manusia yang sangat-sangat diperlukan untuk membawa negara kita ke arah Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan universiti tempatan yang dianjurkan oleh kerajaan tidak mencukupi untuk menerima sahaja bilangan pelajar lulusan sekolah menengah yang layak untuk menerima pendidikan tinggi. Pelajar-pelajar yang memperolehi kelayakan STPM sahaja sudah mencatat angka lebih kurang 60,000 setiap tahun, tetapi hanya lebih kurang 15,000 yang berjaya masuk ke universiti tempatan. Bagaimana pula untuk pelajar-pelajar lain mempunyai kelayakan yang lain, yang juga dapat masuk universiti? Selain daripada yang memasuki politeknik, maktab perguruan dan pusat latihan dan sebagainya, masih ada ramai antara para lulusan sekolah menengah yang gagal mendapat tempat di IPTA ataupun IPT swasta. Ini merupakan satu pembaziran sumber manusia, yang perlu dielakkan jikalau negara kita ini ingin maju dengan lebih pesat lagi sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi, kelayakan memasuki universiti di England pun tidak setanding dengan kelayakan yang diperlukan untuk

memasuki universiti-universiti tempatan iaitu IPT awam.

Oleh itu, saya juga ingin merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya menyemak semula kelayakan memasuki IPTA serta IPTS apabila kita luluskan rang undang-undang ini.

Peranan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta sebagai pembekal pendidikan tinggi pelengkap kepada usaha kerajaan adalah ketara dan penting dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang hanya kurang daripada 5% populasi negara kita sudah berpendidikan tinggi. Jikalau kita ingin kemajuan negara kita ini dipesatkan lagi, maka perlulah dipertingkatkan lagi peratusan rakyat yang mempunyai pendidikan tinggi. Tahap ini hanya dapat dicapai dengan adanya lebih banyak institusi pendidikan tinggi pada sektor swasta, bolehlah berganding bahu dengan kerajaan untuk menubuhkan IPTS untuk menghasilkan sebilangan besar rakyat yang berpendidikan tinggi. Dengan penubuhan IPTS, matlamat mendidik lebih kurang 30% populasi Malaysia sehingga peringkat universiti tentunya dapat dicapai pada satu hari nanti.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita meninjau isu ramai pelajar pergi ke seberang laut untuk mengikut kursus pendidikan tinggi di universiti dari segi ekonomi, sudah tentulah negara kita rugi kerana kehilangan ringgit Malaysia yang berjuta-juta setiap tahun. Anggaran seorang pelajar Malaysia di universiti Amerika Syarikat memerlukan jumlah belanja lebih kurang RM40,000 ke atas setahun. Seorang pelajar di England pula belanja lebih kurang RM70,000 ke atas setahun. Pelajar di Australia belanja lebih kurang RM45,000 ke atas setahun. Maka anggaran jumlah belanja yang berjuta-juta ini bukan satu amaun yang tinggi sangat. Selama ini, ramai pelajar Malaysia sama ada pelajar biasiswa anjuran kerajaan

ataupun swasta ataupun pelajar-pelajar persendirian yang menggunakan wang ringgit ibu bapa, telah menggunakan satu amaun kos pendidikan tinggi yang sangat besar, sehinggakan ianya menjadi satu faktor utama dalam pengiraan defisit pertukaran asing Malaysia.

Dengan adanya IPTS yang boleh memberi peluang pendidikan dalam negeri yang boleh menolong ibu bapa dan kerajaan menjimatkan sebahagian besar daripada kos pendidikan tinggi yang kini mesti dibayar kepada negara-negara asing, tentunya ianya akan membawa kebaikan besar ke arah penyeimbangan pertukaran asing.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat pula selama ini rakyat Malaysia yang merupakan profesional dan akademik yang berkaliber sekarang terpaksa bekerja dengan institusi pendidikan tinggi di luar negeri kerana tidak wujudnya peluang-peluang untuk berkhidmat di Malaysia. Ini merupakan satu kehilangan bakat ataupun 'brain drain,' dengan izin, yang amat merugikan negara kita. Justeru itu, dengan peruntukan rang undang-undang ini, lebih banyak IPTS dapat ditubuhkan di Malaysia, dan lebih banyak peluang perkhidmatan akan wujud untuk golongan profesional dan akademik ini kembali ke tanah air kita. Bukankah ini adalah satu harapan yang tidak yang kita ada supaya rakyat Malaysia di luar negeri yang berkaliber dapat pulang dan berkhidmat untuk kebaikan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, wang ringgit akan dilaburkan oleh sektor swasta dalam perkembangan pusat-pusat pendidikan tinggi swasta, menarik para profesional dan akademik balik berkhidmat dengan negara kita dan juga menarik para pelajar dalam negeri atau di luar negeri untuk belajar dan menjalankan kerja penyelidikan dan pembangunan di Malaysia. Ini hanya mungkin jikalau Jabatan Imigresen memberikan kelulusan

pass pelajar-pelajar antarabangsa dengan kelulusan-kelulusan yang lebih senang didapati berbanding dengan apa yang ada sekarang.

Pelajar-pelajar daripada Singapura, Thailand ataupun Indonesia pada masa ini mesti memohon pass pelajar-pelajar antarabangsa daripada Jabatan Imigresen untuk belajar di IPTS yang ada sekarang. Tetapi biasanya mereka menghadapi sedikit masalah oleh kerana permohonan mereka mesti menunggu satu tempoh yang lama sebelum diluluskan. Ini adalah satu halangan kepada mereka yang ingin datang ke Malaysia untuk belajar di IPTS di Malaysia sepertimana yang kita harapkan supaya Malaysia ini dapat menjadi satu pembekal pendidikan tinggi yang cemerlang dalam rantau Asia.

Tuan Yang di-Pertua, memang ini adalah diharapkan oleh negara kita menjelang abad yang ke-21. Matlamat negara kita adalah supaya Malaysia dapat menjadi satu pusat pendidikan tinggi yang cemerlang di rantau Asia. Kita berharap satu hari nanti Malaysia dapat mengeksportkan pendidikan tinggi sepertimana yang sedang dijalankan oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, U.K. Australia dan lain-lain. Saya inginkan Kementerian Pendidikan meluluskan penubuhan IPTS-IPTS yang berkualiti untuk membolehkan negara kita menjadi pusat pendidikan tinggi cemerlang dalam rantau Asia dengan lebih cepat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang sering dihadapi oleh pelajar-pelajar Malaysia yang melanjutkan pendidikan mereka ke negara-negara asing adalah kejutan budaya ataupun 'cultural shock,' dengan izin. Kesan kejutan budaya itu adalah lebih serius untuk pelajar-pelajar prauniversiti seperti A Level di U.K., Freshman di U.S. dan Matrikulasi di Australia, kerana umur pelajar-pelajar yang muda dan tidak mempunyai

pendedahan yang luas kepada budaya asing.

Dengan adanya IPTS yang boleh menjalankan kursus-kursus ijazah berkembar, di mana pelajar-pelajar berada di IPTS Malaysia selama separuh masa tempoh ijazah dan di universiti negara asing separuh masa lagi, pelajar-pelajar akan dapat melalui 'transition' ataupun perubahan ke masyarakat budaya asing dengan lebih senang dan tidak begitu serius kejutan budaya itu.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula ramai ibu bapa kluatir anak-anak muda mereka yang sampai ke negara asing menyerap nilai-nilai budaya asing yang tidak diingini. Maka dengan cara mengikut kursus universiti asing yang dicadangkan di IPTS Malaysia selama dua tahun, belum pergi ke negara asing, diharap kematangan mental yang dicapai oleh pelajar-pelajar ini akan mengurangkan kemungkinan mereka dipengaruhi oleh unsur-unsur budaya asing yang tidak diingini.

Pendidikan tinggi di IPTS Malaysia juga dapat memberikan pelajaran Malaysian Studies, dengan izin, Pendidikan Pengajian Malaysia, Pendidikan Moral ataupun Pendidikan Islam yang sedikit-sebanyak memupuk kesetiaan kepada Malaysia dan perpaduan pelbagai kaum di Malaysia. Saya berasa dengan peruntukan yang diberi oleh rang undang-undang ini, lebih ramai para lulusan universiti negara asing yang berasal dari Malaysia akan kembali ke Malaysia supaya dapat menyumbang ke arah pembangunan negara. Lagi pun dengan hasrat negara kita ingin menjadi pusat pendidikan tinggi rantau Asia tentunya akan wujud banyak lagi peluang khidmat untuk golongan ini. Maka kehilangan bakat atau brain drain akan dapat dikurangkan di antara golongan para lulusan universiti.

Tuan Yang di-Pertua, setiap institusi pendidikan tinggi swasta tentunya akan

bermula dengan saiz dan struktur yang kecil dan kemudian berkembang dengan bertambahnya pelajar, kursus dan peralatan. Oleh itu saya ingin menyarankan bahawa corak perkembangan IPTS ini dapat diambil kira apabila Kementerian Pendidikan memberi pertimbangan kepada permohonan-permohonan penubuhan sesebuah IPTS.

Adalah penting diingati bahawa kejayaan sesebuah IPTS itu tidak semata-mata bergantung kepada bangunan-bangunan yang besar-besaran sahaja, tetapi terdapat banyak faktor lain yang lebih penting, di antaranya modal dan kebolehan syarikat penganjur IPTS, kelayakan, pengalaman dan kebolehan tenaga pengajar dan pentadbir-pentadbir, kesesuaian, kemudahan perpustakaan, makmal sains, makmal komputer, perhubungan dengan atau sokongan dari universiti asing, pengiktirafan oleh badan-badan profesional dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu merujuk kepada Fasal 24 di mana (2), "Permohonan bagi pendaftaran hendaklah dibuat kepada Ketua Pendaftar - (a) dalam masa lima tahun dari tarikh kelulusan bagi penubuhan institusi pendidikan swasta yang diberikan" dan 24(3) dirujuk.

Diharap IPTS itu dapat diluluskan dengan memenuhi syarat-syarat minimum pada mulanya dan dengan peruntukan supaya kemudahan ditambah secara berperingkat-peringkat sepadan dengan penambahan pelajar-pelajar. Arahan dan peruntukan untuk pembangunan kemudahan IPTS berperingkat ini dapat membolehkan pembangunan kemudahan-kemudahan infrastruktur IPTS dijadualkan dengan lebih berkesan dan membawa faedah jangka masa panjang ke arah pendidikan tinggi swasta yang berkualiti.

Mungkin sesebuah IPTS boleh mula dengan beroperasi sebagai IPTS yang hanya menjalankan kursus-kursus sijil

dan diploma sahaja dan selepas beberapa tahun bila perkembangan IPTS ini sudah mencapai satu tahap yang memuaskan, maka IPTS ini dapat membuat permohonan supaya dipertimbangkan untuk dijadikan IPTS yang bertaraf universiti atau kolej universiti dan kampus cawangan pula. Hanya IPTS yang mempunyai rekod kejayaan yang baik boleh dipertimbangkan untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bahasa pengantar IPTS yang akan ditubuhkan, *Fasal 41(1)* memerlukan semua IPTS mengendalikan kursus pengajiannya dalam Bahasa Kebangsaan. Manakala *Fasal-fasal 41(3) dan 41(4)* memberikan peruntukan supaya IPTS boleh juga menjalankan pengajaran dalam bahasa pengantar yang lain seperti bahasa Inggeris atau Arab.

Saya berpendapat bahawa fasal-fasal tersebut ini memang membayangkan kesudian Kementerian Pendidikan melangkah ke arah globalisasi sistem pendidikan. Bahasa Inggeris merupakan bahasa komunikasi perdagangan antarabangsa dan bahasa jawi pula merupakan bahasa pengajian Islam se dunia, kedua-dua bahasa dapat memainkan peranan penting masing-masing. Apabila kita meninjau perkembangan bahasa-bahasa dunia pada masa ini, ketaralah bahawa bahasa-bahasa yang lain yang turut menjadi bahasa komunikasi penting di rantau Asia adalah bahasa Jepun, bahasa Mandarin dan bahasa Tagalog di Filipina khususnya untuk golongan pengusahawan dan peniaga-peniaga yang berminat mencebur diri dalam pasaran-pasaran seperti Negeri China, Jepun dan Filipina.

Bagi para pengusahawan industri pula mereka memerlukan kepakaran kejuruteraan Jerman dan Perancis selain daripada yang tersedia oleh negara-negara Jepun dan Amerika Syarikat. Maka nampaknya ada pentingnya jikalau *Fasal 41(3)* juga membuat peruntukan supaya

IPTS-IPTS juga boleh dibenarkan menjalankan pengajaran dalam bahasa-bahasa pengantar seperti bahasa Jerman, Perancis, Mandarin, Jepun, Tagalog dan sebagainya mengikut keperluan kursus dan keperluan sumber manusia atau keperluan bidang teknologi yang tertentu sahaja. Ini adalah lebih-lebih penting lagi jikalau usaha globalisasi negara Malaysia diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, interaksi industri perkilangan dan perniagaan dengan IPTS adalah penting untuk memberikan pendedahan yang realistik dan pengalaman latihan yang sesuai kepada pelajar-pelajar IPTS. Tambahan pula, pakar-pakar daripada sektor-sektor industri dan perniagaan yang mempunyai kelayakan akademik yang sesuai dan juga pengalaman yang mencukupi dapat dijadikan tenaga pengajar yang baik untuk IPTS. Oleh itu, saya ingin menyarankan bahawa Kementerian Pendidikan dapat menggalakkan lebih ramai pakar sektor-sektor industri dan perniagaan umpamanya, jurutera, akauntan, pengurus dan sebagainya mengambil bahagian dalam IPTS sebagai tenaga pengajar perunding atau sambilan untuk memberikan pengajaran yang berkualiti dalam bidang-bidang yang khusus.

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan seharusnya menerima hakikat bahawa tentu akan didapati sebahagian besar daripada tenaga pengajar IPTS akan terdiri daripada kakitangan sektor industri dan perniagaan yang berkhidmat sebagai tenaga pengajar sambilan di IPTS.

Diharap corak perkembangan ini tidak dianggap sebagai satu kelemahan IPTS oleh pihak Ketua Pendaftar IPTS tetapi dipandang sebagai satu langkah positif yang diambil oleh IPTS untuk mendapatkan tenaga pengajar yang memang sesuai dalam bidang pengkhususan.

Ramai pendidik juga berpendapat bahawa supaya memastikan kejayaan sesebuah IPTS adalah penting bahawa pentadbir-pentadbir merupakan kakitangan sepenuh masa yang berpengalaman dan bertanggungjawab, manakala tenaga pengajar sepenuh masa atau sambilan boleh diambil bergantung kepada bidang pengkhususan pengajar.

Tuan Yang di-Pertua, makmal-makmal elektronik dan komputer di kilang-kilang yang canggih dapat digunakan pula sebagai makmal IPTS yang menjalankan kursus pengajian kejuruteraan elektronik dan komputer. Dalam perkataan lain, konsep perkongsian sumber-sumber perlu dibenarkan di bawah IPTS supaya dapat melibatkan sektor industri yang dapat menyediakan kemudahan makmal yang canggih. Di sini IPTS mesti dibenarkan berusaha bersama-sama dengan industri sebagai rakan kongsi dalam pendidikan tinggi swasta.

Ada kemungkinannya, makmal komputer sebuah IPTS yang menjalankan kursus kejuruteraan terdapat di makmal elektronik sebuah kilang. Sesebuah IPTS yang menjalankan pengajian perubatan micro, biology dan farmasi boleh dipinjamkan kemudahan yang berkaitan di sesebuah hospital besar ataupun kilang ubat yang berkenaan. Maka dengan ini, tidak semestinya segala kemudahan yang diperlukan untuk penubuhan sesebuah IPTS didapati ataupun dibina di tempat premis IPTS itu sendiri. Jikalau konsep kongsi sumber-sumber ini dapat digalakkan di bawah Akta IPTS ini, maka negara kita dapat menjimatkan wang ringgit yang besar dalam usaha menyediakan IPTS yang moden serta berinteraksi dengan industri dan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti pendidikan tinggi swasta dapat dikawal selia dengan adanya peruntukan di bawah Bahagian V—Pendaftaran IPTS, Bahagian

VI—Pengurusan IPTS, Bahagian VII - Pengendalian Kursus Pengajian di IPTS, Bahagian IX - Permit Mengajar, Bahagian X—Pembatalan Kelulusan dan Pengkanselan Pendaftaran, Bahagian XII —Pemeriksaan IPTS. Semua rakyat mahukan penubuhan lebih banyak IPTS yang merupakan lebih banyak peluang pendidikan tinggi untuk anak-anak mereka.

Pada masa yang sama, semua rakyat juga mahukan sistem IPTS yang berkualiti supaya dapat melahirkan sumber manusia negara yang berkualiti dan yang dapat membawa kemajuan kepada negara kita dengan lebih cepat lagi.

Justeru itu, sudah tentulah menjadi tanggungjawab Kementerian Pendidikan untuk memastikan standard pencapaian khidmat akademik dan teknikal yang tercapai oleh para pelajar IPTS serta para lulusan IPTS.

Dari segi consumerism pula, kita inginkan IPTS Malaysia dapat memberikan pendidikan yang bernilai sekadar dengan yuran (fees) yang dikutip dan tempoh kursus yang dibenarkan. Kita tidak ingin perkembangan IPTS dibenarkan tanpa kawal selia yang sesuai sehinggakan terdapat IPTS yang hanya pentingkan keuntungan wang ringgit dan tidak menentikan standard akademik ataupun terlibat dengan aktiviti menjual diploma dan ijazah sepertimana yang diamalkan oleh sebilangan 'degree mills', dengan izin, di seberang laut. Jika kita inginkan Malaysia menjadi pusat pendidikan tinggi kecemerlangan di Asia, maka Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya menjalankan pengawalseliaan yang baik terhadap semua IPT, baik yang dianjurkan oleh kerajaan ataupun yang dianjurkan oleh sektor swasta. Saya juga ingin menyarankan supaya kerajaan memberikan insentif sepertimana yang disarankan oleh Kepong. Barangkali kemudahan tanah yang sesuai boleh

diberikan kepada IPTS untuk membangunkan IPTS.

Berkaitan dengan alat dan peralatan ataupun buku-buku untuk perpustakaan, kita pun ingin melihat kerajaan menolong IPTS itu mendapat peralatan yang sesuai dengan mengelakkan ataupun mengecualikan cukai-cukai import dan sebagainya supaya mereka dapat memeralatkan dan melengkapkan makmal-makmal mereka dengan alat yang canggih dan sesuai untuk IPTS. Jadi, dengan itu saya ingin memohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Batang Lupar.

5.33 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang telah saya janjikan semalam, perkara yang saya belum sebut semalam, saya akan sebut juga oleh kerana ada relationship ataupun perhubungan terus dengan rang undang-undang Institut Pendidikan Tinggi Swasta, 1996. Jadi, dengan itu, saya ingin terus menyentuh kepada *Fasal 43*, iaitu pengajian Malaysia dan pengajian berhubung dengan pengajaran Agama Islam bagi pelajar yang beragama Islam dan Pendidikan Moral bagi pelajar bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang ada pada masa sekarang ini, lontaran dan penyiaran sama ada dari segi nilai ataupun dari segi culture yang mungkin bukan kepunyaan kita memang berleluasan. Sebagaimana yang saya sebutkan juga, iaitu penyiaran menerusi media massa, sama ada elektronik ataupun cetak memang tidak dapat dibendung. Adalah tidak wajar kalau kita mengatakan semua kemasukan pengaruh ini hendak dibendung adalah tidak wajar juga, jadi

kemasukan ini memang secara meluas dan secara terus dan pengaruhnya memang telah dilihat berkesan. Sebagaimana yang telah disebut oleh para bijak pandai, iaitu persamaan di antara pemuda-pemuda dan belia-belie kita dengan belia-belie di Barat memang telah ketara kalau dibandingkan dengan belia-belie di zaman 60-an, 70-an dan 80-an. Jadi, dengan sendirinya belia yang dipandang di Amerika, yang dipandang di Hong Kong ataupun di mana-mana tidak ada jauh bezanya dengan belia yang kita lihat dalam negara kita ini.

Begitu juga dengan nilai-nilai dan pengaruh-pengaruh lain yang mungkin asing bagi kita yang mungkin kita tidak terima juga telah masuk dengan begitu meluas. Dengan adanya Cyber Space, internet dan sebagainya, banyaklah lagi pengaruh ini masuk ke negara kita. Jadi, persoalannya, bagaimanakah negara kita hendak mengatasinya? Jadi, pada pandangan saya, selain dari bimbingan-bimbingan yang kita buat di rumah, kita mestilah melihat kepada Kementerian Pendidikan ataupun dasar pendidikan kita untuk mengatasi masalah, sekurang-kurangnya untuk memberi satu option kepada belia-belie kita. Option yang saya sebut ialah kita kena mengajar dalam konteks moral ataupun konteks agama. Anak-anak muda, belia-belie kita, pelajar di universiti-universiti ataupun di IPTS-IPTS yang kita sebutkan, kita kena mengajar mereka semua hikmat, nikmat dan juga kelemahan-kelemahan, segala falsafah-falsafah, umpamanya falsafah-falsafah demokrasi yang kita terima daripada pembelajaran dan pendidik yang bijak pandai dari Barat.

Kita mestilah juga memberi option yang kedua iaitu nilai dan budaya yang kita hendak semai kepada masyarakat kita sendiri. Kita mestilah mengajar mereka kebebasan dalam konteks mana dan apakah batasannya. Pelajar mestilah jelas mewujudkan supaya memahami segala konflik yang berlaku di persekitarannya.

Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar juga mestilah diberi penjelasan tentang nilai dan moral. Nilai dan moral yang didedah di media massa, bukanlah bermakna semuanya itu adalah nilai-nilai Barat, kerana Barat juga mempunyai nilai-nilai yang baik, yang murni, terutama sekali kalau kita pandang ke Amerika, nilai-nilai iaitu Plato dan Puritan yang disemaikan ke dalam masyarakat mereka itu baik, tetapi praktiknya, secara amalnya adalah kurang memuaskan. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, penyibaran menerusi wayang-wayang gambar dan media-media telah dianggap sebagai nilai-nilai Barat. Jadi, kita kenalah mengadakan satu cara supaya nilai-nilai ini tidak diterima begitu sahaja oleh masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang sedemikian, Kementerian Pendidikan, menerusi pendidikan-pendidikan tinggi, iaitu di IPTS ataupun di mana-mana, bukan sahaja untuk mendidik anak belia di negara kita dan belia sejagat, umumnya, daripada segi mempelajari ilmu, dari segi mempelajari skil dan sebagainya, tetapi juga mestilah mempelajari nilai yang sempurna dan berguna kepada masyarakat dunia. Kalau kita terbaca buku-buku yang 'current' pada masa ini, kita nampak bahawa Asia dengan nilai-nilai ke Asiannya, dan kita di Malaysia tidak juga asing daripada nilai ini. Kita ada nilai kita sendiri dan nilai-nilai ini hendaklah diajar dalam keagamaan dan moral di IPTS-IPTS yang saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan ini adalah berlandaskan pengajaran yang kita lihat di sekolah-sekolah rendah, di mana bukan sekarang sahaja tetapi sudah bertahun-tahun menyebutkan bahawa pengajaran agama Islam, umpamanya, diajar dengan kalimah syahadat, diajar bersembahyang, di ajar membaca Fatihah dan sebagainya, tetapi nilai dan nikmat serta hikmat di sebalik

pengajaran itu tidak diberitahu dengan anak murid, jadi, timbullah masyarakat yang membuat ritual dan tidak memahami pengajaran di sebalik apa yang mereka pelajari. Jadi, timbullah satu keadaan yang mana mereka tahu bersembahyang, tahu membaca, tahu mengenal tetapi tidak tahu menggunakan nilai di sebalik mata pelajaran yang mereka pelajari.

Dalam keadaan yang sedemikian, di peringkat IPTS, di peringkat mana pelajar itu bila lulus nanti akan masuk ke dalam masyarakat dan akan menjadi ibu bapa yang bakal mendidik anak-anak mereka di rumah yang menjadi satu tali gabungan kepada pendidikan-pendidikan di sekolah-sekolah, di IPTS-IPTS, di universiti-universiti dan di kolej-kolej mestilah menerima latihan sebagai ibu bapa yang sempurna, ibu bapa yang boleh mengajar anak-anaknya dari segi nilai itu sendiri, selain daripada mengajar mereka selok belok hidup di dunia.

Walaupun secara menyeluruhnya, Tuan Yang di-Pertua, ada pihak-pihak mengatakan pelajaran yang diterima di sekolah, yang secara menyeluruhnya kita ajarkan walaupun semuanya dengan tujuan menghasilkan orang yang berakhlak dan sempurna, mempunyai penglihatan yang tajam, pertimbangan yang kritis, pintar, hendaklah bukan sekadar bayangan sahaja. Keluaran akhir bukan sekadar pandangan falsafah tetapi warganegara yang giat, berpengetahuan dan berkesan dengan peranan penting dalam masyarakat itu sendiri.

Tetapi dikatakan oleh Dr. Wasiullah Khan, saya baca konteks bukunya: "Kajian telah menunjukkan bahawa pemikiran kanak-kanak tentang cara yang betul atau salah bagi mereka membuat keputusan tentang akhlak terbentuk secara berperingkat ialah lebih banyak bergantung kepada usaha giat mereka untuk memahami dunia sekeliling mereka berhubung dengan dan menyusun

pengalaman sosial mereka daripada mereka mempelajari menerusi pelajaran akhlak yang diajar kepada mereka. Markah yang diperolehi menerusi ujian pengetahuan akhlak yang diberi kepada kanak-kanak yang dipilih tidak mencerminkan tingkah laku mereka dalam situasi percubaan yang memberi mereka peluang untuk menipu."

Dengan sendirinya pengajian di sekolah sedemikian belum lagi mencukupi walaupun mereka lulus dalam peperiksaan dengan cemerlang tetapi sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya kalau asasnya telah diajar di sekolah dengan sempurna, nilainya telah diberitahu bukan secara ritual tetapi secara nilai itu sendiri dan kebaikan dan keburukan di sebaliknya telah diajarkan tertanam selama mana budak-budak itu masih dalam bangku sekolah, kalau 20 tahun menduduki bangku sekolah, 20 tahunlah mendengar dan mendapat ajaran yang sama, insya-Allah, kesannya tetap ada walaupun tidak mendatangkan hasil yang baik 100%.

Jadi, dengan itu, saya menekankan sekali lagi, pengajaran-pengajaran di IPTS hendaklah diberi bukan sahaja secara mengajar begitu sahaja tetapi mesti diberi penjelasan dengan menyeluruhnya dan sebaliknya juga, janganlah dibuat seperti di sekolah-sekolah. Kerana di sekolah-sekolah, kalau orang hendak mengajar agama ataupun yang Islam belajar agama, yang bukan Islam mempelajari moral secara rambang ataupun secara random begitu sahaja kalau budak itu belajar, belajar, kalau tidak belajar tidak apa, dia dengar sahaja.

Jadi, saya cadangkan di sini pihak IPTS ini mestilah membuat satu pemeriksaan juga ke atas pelajaran-pelajaran tersebut. Diberi umpamanya credit hours kepada mereka yang lulus. Jadi, dengan sendirinya orang akan berminat mempelajari mata pelajaran agama, akan berminat mempelajari mata

pelajaran moral. Kalau tidak mendatangkan hasil dari segi akademiknya, ada kemungkinan mata pelajaran Islam ataupun mata pelajaran moral tidak mendapat sambutan baik daripada murid-murid di IPTS itu nanti.

Oleh kerana keadaan di IPTS berlainan dengan di sekolah, Tuan Yang di-Pertua. Kalau di sekolah, anak-anak murid dipaksa duduk di sekolah tetapi dalam IPTS saya ingat, percentage attendance dalam kelas-kelas akan diambil kira sebelum murid-murid dibenarkan duduk mengambil periksa. Tetapi ada kemungkinan tiap-tiap kali belajar agama, tiap-tiap kali belajar moral, anak-anak murid ini rela belajar di rumah ataupun di bilik kampus dia sahaja untuk pelajar-pelajar yang mendatangkan hasil kepada mereka.

Jadi, saya cadangkan supaya diberilah satu penilaian dan diberilah credit hours kepada kelulusan kepada agama dan juga moral yang berlandaskan nilai-nilai ketimuran kita untuk menepiskan langgaran dari media-media cetak dan media elektronik yang telah melanda negara kita pada masa sekarang dan masa-masa yang akan datang, lebih meluas lagi.

Internet sudah menjadi satu sumber penyampaian benda yang obscene yang tidak baik. Tuan Yang di-Pertua, mestilah kita lawankan dengan kematangan minda dengan belajar perkara-perkara yang baik, murni dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat lain di bawah *Fasal 41*. Saya memang mengalu-alu iaitu semua IPTS hendaklah mengendalikan kursus pengajian dalam Bahasa Kebangsaan dan juga yang tidak menggunakan ataupun dimaafkan untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan, dimestikan ataupun diwajibkan mengajar Bahasa Kebangsaan dalam institusi yang tersebut.

Jadi, ini adalah pandangan yang luas dan pandangan yang global, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau kita hendak memajukan negara Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini, ini adalah serampang dua mata bagi kita iaitu di samping mengaju ataupun mengajar Bahasa Malaysia ataupun mempromosikan Bahasa Malaysia, digunakan kepada siapa sahaja pelajar-pelajar yang datang ke negara ini daripada seantero dunia boleh mempelajari Bahasa Malaysia tetapi kalau mereka memasuki institusi-institusi yang lain, umpamanya kampus dari University of London, daripada University Harvard, Cornell ataupun mana-mana mengadakan di Malaysia.

Mereka tentu sekali akan menggunakan bahasa Inggeris. Saya tidak percaya kalau Oxford Cambridge mengadakan satu institusi di sini dengan sekejap mata mengeluarkan sumber pengajar Bahasa Malaysia. Jadi, kalau itulah tujuan kerajaan kerana tujuan asal ialah untuk mengembangkan negara ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini dengan serampang dua mata, mempromosikan Bahasa Malaysia di samping memberi peluang dan ruang bahasa lain diajar seperti bahasa Inggeris dan bahasa Arab umpamanya.

Jadi, dengan sendirinya universiti-universiti yang terkenal di luar negara boleh membuka cawangan dan kampus mereka di sini dan menghantarkan 'brain' mereka daripada negara-negara mereka ke negara ini untuk digunakan jadi sumber pengajar di institusi-institusi yang ditubuhkan di sini di bawah konsep IPTS kita, dengan sendirinya hasil kita yang keluar, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam keadaan yang demikian, saya tidak nampak sama sekali mana objection yang patut kita buat. Jadi, sebaliknya juga, Tuan Yang di-Pertua, saya memanglah menyarankan sebelum pihak

kementerian meluluskan atau menteri meluluskan di bawah *Fasal 40(3)* ini, hendaklah meneliti kriteria-kriteria yang tertentu. Kalau saya hendak tubuhkan IPTS pun guna bahasa Inggeris juga. Kawan-kawan Malaysia hendak tubuh IPTS juga semua guna bahasa Inggeris ataupun bahasa Arab.

Jadi, ini saya pandang adalah tidak wajar tetapi untuk menarik minat kepada pihak dari luar negara, IPTS dari England, Amerika, Australia, New Zealand dan sebagainya datang ke sini untuk menubuhkan kampus mereka, mereka menggunakan bahasa mereka boleh diluluskan bersyaratkan mereka mesti mengajar sebagai compulsory dan wajib, Bahasa Malaysia yang juga bukan diajar secara sambilan, mesti diberi secara credit hours, mesti dipelajari dengan formal, bukan dengan sambilan sahaja. Siapa yang mahu, mahu: siapa yang tidak hendak, tak hendak.

Jadi, kalau yang belajar itu pun, kata orang, "Saya dahulu pernah belajar buat itu". Diajar apa yang dikatakan optional subject, non-law papers tetapi dibelajar, tiada peperiksaan, sama ada tahu atau tidak tahu, itu soalan kemudian asalkan dia attend lecture, itu cukup.

Jadi, cadangan saya, pelajaran yang sedemikian, mestilah diberi juga credit hoursnya supaya penggalakan penggunaan bahasa Malaysia di institusi bukan berbahasa Malaysia ini digalakkan dengan mempamerkan kebaikan, kemurnian dan kemanisan bahasa Malaysia itu ke seluruh antero dunia. Dengan sendirinya, insya-Allah, pada satu ketika nanti, kalau tidak seluruh dunia, ramai manusia di dunia ini boleh menggunakan bahasa Malaysia sebagaimana bahasa Inggeris juga digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut dua perkara. Perkara yang pertama saya sebut, langgaran daripada

nilai yang dimasukkan ke dalam negara kita menerusi cyber space, Internet, wayang-wayang daripada India, daripada Hollywood dan sebagainya. India ini, tidak payahlah kecil hati oleh kerana dalam TV3 pun selalu kita tengok, kadangkadangkang the Indian movie is too violence, tetapi masuk juga. Indian community tidak terima yang Indian movie ini patut masuk, tetapi diterima juga. Oleh kerana kalau kita tidak terima, orang kata kita tidak demokratik!

Kalau kita hendak ban semua perkara-perkara violence, kita ini tidak liberal dan macam-macam. Jadi, untuk mengatasi masalah ini, pada masa sekarang yang mana kita tidak dapat mengubah keadaan, the change must occur. Perubahan mesti berlaku. Jadi, untuk mengatasinya, kita mesti boleh menerima yang kita boleh mengatasi masalah.

Jadi, kita terpaksa mempunyai satu kebijaksanaan untuk menilai perkara yang tidak boleh kita ubahkan dan menerima perubahan yang tersebut. Tetapi dengan pendidikan yang ada pada kita, kita mesti mempunyai satu kekuatan untuk mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi yang sedemikian. Pendidikan adalah satu cara untuk menyemaikan nilai-nilai yang baik dan nilai-nilai yang murni.

Tuan Yang di-Pertua, ramai yang hendak bercakap, saya hendak beri peluang pada kawan. Jadi, soalan....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa ada ramai lagi yang hendak bercakap.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi yang saya hendak bercakap, soal kelulusan tadi. Yang Berhormat dari Kepong bangkitkan. Jadi, saya memang bersetuju iaitu soal kalau kementerian telah meluluskan satu-satu disiplin untuk diajar dalam mana-mana institusi, dengan

sendirinya, pihak kerajaan mesti menilai disiplin yang telah diluluskan. Mesti memberi kelulusan atau pengiktirafan kepada perkara yang tersebut kerana kita tidak hendak perkara ini berlaku kepada MARA pada tahun 1970-an, kalau tidak salah saya, berlaku kepada IPTS ini. Pernah berlaku lulusan daripada MARA tidak boleh masuk kerajaan kerana certificate yang dikeluarkan oleh MARA tidak diiktiraf oleh pihak JPA atau siapa, dahulu. Tidak lulus. Jadi, timbullah keadaan manufacture of education tidak diterima oleh administrator of education itu sendiri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap soal pokok ini mestilah dipandang. Jadi, saya juga, untuk menyokong iaitu ada disebut oleh kawan saya dari Tanjong Karang tadi, dan saya bangun tadi iaitu peperiksaan STPM dan STP, saya nampak pada pandangan saya peperiksaan itu memang telah obsolete. Ini kita warisi daripada pihak British dan semenjak Senior Cambridge digunakan di negara kita ini dahulu.

Jadi, minda manusia yang masih melihat yang benda ini adalah benda yang unggul, benda yang baik dan yang tidak ada tolok bandingnya, in principle untuk memajukan pembelajaran atau pendidikan di negara kita ini adalah telah obsolete. Kita mesti re-examine ourselves, tengok keadaan baru ini. Pihak di England yang menggunakan sistem ini telah mengubahsuaikan pendidikan mereka sendiri. Mereka telah tunjukkan ke dalam 'O Level' dan 'A Level', sudah ditunjukkan, kalau dapat macam mana - rakan saya dari Tanjong Karang tadi, dia kata, sudah boleh masuk universiti. 'O Level', kalau kita hendak masuk menjadi peguam, belajar cukup. Belajar Inggeris, belajar History, sudah cukup. Dapat lulus dengan 'A' ataupun 'B', boleh masuk universiti.

Kalau hendak masuk Oxford - boleh masuk Universiti Oxford; tiga mata pelajaran sudah cukup. Tetapi kita di sini

dibendungkan dengan dasar koloni dahulu. Masih hidup sampai sekarang. Pihak British, masuk polis, sekarang sudah boleh ada misai, boleh ada janggut panjang-panjang. Tetapi kita, tidak boleh. Polis kata, mesti berambut pendek macam ini, dicukur pendek-pendek, baru layak masuk polis.

Jadi, orang kita tidak berubah. Why are we not changing? The conservative people in England sudah tukar, kita belum! Kita warisi dasarnya, kita warisi mindanya dan kita warisi segala-gala daripada mereka, tetapi kita tidak berubah. We should be more modern than thatlah, come on!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada satu usul di sini. Yang, Berhormat, nanti dahulu.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jangan arus kemodenan ini....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu, ada usul.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.56 ptg.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman**): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini bagi diputuskan.

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam,

dikemuka kepada Majlis untuk diputuskan dan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Batang Lupar.

5.58 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya. boleh lanjutkan ucapan Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Memang sedikit sahaja. Sedikit sahaja. insya-Allah. Jadi, arus kemodenan dalam menggubalkan undang-undang kita untuk

menubuhkan IPTS. dasar pendidikan negara inilah arus pendidikan yang moden. Tetapi, ada kesan-kesan yang lama masih kita simpan di belakang dan di wardrobe kita yang patut kita permodernkan semua supaya sistem pendidikan negara kita betul-betul moden dan betul-betul boleh maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan perkara ini adalah penting oleh kerana kalau seorang itu menduduki STPM daripada kawasan saya, umpamanya, lulus dalam 3 mata pelajaran yang cukup baik, boleh masuk ke universiti, tetapi oleh kerana tidak mencukupi subjeknya dan tidak mendapat satu agregat ataupun gred yang baik, dia tidak boleh masuk universiti. Kita sudah kehilangan hamba Allah yang mungkin menduduki satu tempat yang baik di negara kita nanti, sama ada di dalam kerajaan ataupun di tempat lain.

Jadi, dengan sendirinya, kita keciciran. Orang yang hilang itu nanti mungkin dia tidak menjadi buruh yang baik ataupun tidak menjadi human resource yang baik kepada negara ini, dengan izin.

Jadi, saya berharap pihak kementerian melihat perkara ini dan dipandang dengan serius dan dengan baik kerana yang merasa perkara ini berlaku nanti ialah pihak kita, terutama sekali pihak masyarakat di luar bandar yang mana kadang-kadang matematikanya tidak baik dan oleh kerana itu dia tidak boleh masuk universiti dan tidak boleh masuk institusi pengajian tinggi. Dengan sendirinya, orang kita tercicir.

Jadi, satu lagi, soal fee. Soal fee ini memang controversial. Saya dengar Yang Berhormat dari Bukit Mertajam kata, memang kita terima. Kalau yang di England itu berapa ratus ribu, yang di Amerika berapa puluh ribu dan yang di

Australia berapa puluh ribu, kalau kita belajar di sini, mungkin one fourth of that sudah cukup. Satu per empat sudah cukup untuk belajar di IPTS kita.

Tetapi, janganlah apa yang dikatakan impian ataupun beautiful dream kepada bumiputera untuk IPTS ini, dimasukkan mereka ke dalam sekolah-sekolah ini nanti menjadi igauan yang ngeri oleh kerana feesnya tidak sesuai dan tidak boleh dibiayai oleh pihak bumiputera kerana saya memang mengakui, di kawasan saya, masih banyak yang beradadi bawah paras kemiskinan. Jadi, mereka ini, kalau kita kenakan fees yang tertinggi, timbullah satu - saya pernah sebut dalam perbincangan rang undang-undang yang lepas mengatakan ada satu IPTS yang elite school ini, untuk orang-orang yang kaya-raya dan yang miskin mestilah pergi ke public school yang mungkin keadaan performancenya pada ketika itu, kerana competitiveness yang diberi oleh IPTS lebih baik.

Jadi, dengan sendirinya orang kita mendapat second class, terutama sekali bumiputera mendapat pendidikan second class dan yang kaya-raya dapat first class. Jadi, it creates two kind of societies-society yang kaya dan yang miskin. Di situlah timbulnya pula siapa yang menjadi pentadbir dan peneraju negara ini masa depan adalah terletak di tangan kita pada masa sekarang semasa kita menilaikan segala-galanya ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya dari masyarakat miskin, dari masyarakat luar bandar merasa perkara ini mesti diberi satu penilaian. Melainkan kerajaan mempunyai satu sistem iaitu pengeluaran peruntukan sumber kewangan supaya mereka yang miskin tidak terhalang dari masuk ke universiti ataupun IPTS ini berlandaskan kemiskinannya. Kerana ini adalah sangat penting untuk memajukan masyarakat bumiputera di bidang

pendidikan dan keilmuan. Kalau tidak, kita akan tertinggal kalau hilang peluang (opportunity) yang kita idam-idamkan ini, yang kita harap-harapkan ini berlaku kepada kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak boleh sama sekali dipandang ringan kerana pada masa sekarang banyak institusi-institusi kerajaan, kalau hendak beri pinjaman ataupun apa sahaja scholarship kepada bumiputera ataupun sesiapa sahaja yang berminat untuk pergi ke universiti, tanya cagaran dulu. Kalau dia ada tanah untuk dicagar, dia kayalah, tetapi kebanyakan, saya mewakili satu badan untuk mengeluarkan perkara ini, kebanyakan yang diberi ialah, minta maaf saya sebut, masyarakat orang Tionghua. Isteri saya orang Tionghua, jadi saya tidak kira sebut ini. Saya kenal orang Tionghua.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Adakah sahabat saya mahu mencadangkan supaya pihak bank juga menyediakan instrumen kewangan atau pinjaman secara mudah kepada pelajar-pelajar untuk membiayai pelajaran di IPTS?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Itu supplement. Tajuk supplement - tindakan kerajaan untuk mengadakan pinjaman-pinjaman ataupun scholarship kepada masyarakat pelajar atau potensi pelajar bumiputera supaya boleh masuk ke universiti ataupun institut pengajian tinggi dengan tidak menekankan sangat pinjaman dengan cagaran dan sebagainya. Saya memang bersetuju pihak institusi kewangan memberi satu kuota tiap-tiap tahun untuk membuat sponsor kepada

semua anak murid yang berpotensi, yang boleh dan telah diterima oleh IPTS dan walaupun mereka dibendung dengan bon dan sebagainya untuk bekerja dengan mereka, itu masih patut pada saya asalkan bon ataupun bendungan itu berpatutan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memang semua sentimen ini dirasa oleh wakil-wakil rakyat bumiputera yang mungkin mewakili rakyat yang kekurangan sedikit dari segi sumber kewangannya. Jadi, dengan itu, saya berharap pihak kementerian dan jabatan melihat perkara ini dengan teliti dan baik supaya kita tidak rasa teraniaya, bukan teraniaya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kubang Kerian.

6.03 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian): Tuan Yang di-Pertua, setelah mencapai kemerdekaan, beberapa perkara telah dipersetujui oleh berbagai kaum. Di antaranya ialah masalah kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, Kedaulatan Raja-Raja, hak istimewa orang Melayu dalam memiliki tanah dan sebagainya, kuota untuk berbagai kaum dalam universiti dan sebagainya. Ini telah dipersetujui terutama sekali selepas peristiwa 13 Mei di mana peristiwa 13 Mei telah mengajar semua pihak sama ada mengajar pihak PAS yang dikatakan bersikap pelampau, mengajar pihak UMNO yang dikatakan Ultra-Malay yang diketuai oleh Dr. Mahathir pada waktu itu ataupun mengajar pihak kaum Cina yang bersifat chauvinist. Di atas kesedaran itu, lahirlah Dasar Ekonomi Baru di mana semua kaum akhirnya bertolak ansur dari segi membina negara, tidak mementingkan kaum tertentu tetapi ada kaum tertentu terpaksa berkorban kerana kedudukan mereka yang telah terkehadapan.

Tuan Yang di-Pertua, di atas kesedaran itulah maka kita lihat agensi-agensi untuk membantu bumiputera supaya mereka daripada anak negeri ini tidak terus ketinggalan dalam bidang pendidikan dan juga dalam bidang ekonomi. Kaum Tionghua, mereka mengkritik tetapi mereka menerima bahawa untuk mencapai keamanan negara mesti penyeimbangan ini diterima dan juga diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, maka ditubuhlah berbagai agensi atau dipertambahkan peruntukan. Misalnya MARA diberi peranan utama untuk membantu orang-orang Melayu bumiputera dengan membina Institut Teknologi Mara, memberikan biasiswa, pinjaman dan sebagainya. Tetapi kita lihat mutakhir ini, kedudukan orang bumiputera di sudut pencapaian ekonomi tidaklah naik lagi, di sekitar 18%, itu termasuk dengan harta-harta agensi kerajaan yang lain. Maka ekonomi bumiputera individunya kalau dicampur barangkali di sekitar 10% begitu sahaja. Tetapi kita terkejut baru-baru ini, dalam surat khabar hari ini menceritakan bagaimana peruntukan MARA dikurangkan sehingga pihak MARA terpaksa menghapuskan bayaran perubatan kepada pegawai-pegawainya terutama sekali yang berada di luar negeri. Pengurangan yang begitu dahsyat daripada RM800 juta kepada RM400 juta, sedangkan pada masa yang sama MARA yang diharapkan untuk membantu bumiputera ini dikurangkan peruntukan kepada badan tersebut.

Ini membimbangkan kita dalam keadaan anak-anak bumiputera yang perlu dibantu, yang perlu lagi mereka ini diberi bantuan dengan segala segi tetapi kita lihat MARA telah mengurangkan peruntukannya. Para pelajar kita di luar negara disuarakan sendiri oleh wakil-wakil rakyat (MP) dari Barisan Nasional, terutama pelajar di England, mereka tidak cukup biasiswa dan sebagainya. Dan baru-baru ini ketika saya bertemu dengan pelajar

di Jordan, mereka juga mengemukakan masalah yang sama, kelewatan biasiswa dan sebagainya. Kelewatan itu bolehlah tahan kerana ia akan dapat juga. Tetapi bila dipotong peruntukan yang begitu banyak, perubahan dan sebagainya kepada pegawai-pegawai MARA, ini amatlah membimbangkan kita terutama untuk mereka menjalankan tugas membantu bumiputera dan menyeimbangkan kedudukan kaum di Malaysia di sudut ekonomi dan pelajaran pada masa yang akan datang.

Kelmarin Menteri Pendidikan ketika menjawab mengatakan bahawa pelajar-pelajar telah mengadakan tunjuk perasaan dihasut oleh pihak-pihak tertentu. Ini perkara biasa pihak kerajaan menuduh. Kalau di tahun 60-an komunis dijadikan sandaran. Sedikit sahaja tunjuk perasaan, komunislah yang menghasutnya sehinggalah Timbalan Perdana Menteri sekarang terpaksa merengkok 21 bulan dalam Kem Kemunting semata-mata ia dituduh kerana adanya hasutan luar iaitu pihak komunis yang mencampuraduk kegiatan pelajar. Tetapi sekarang orang itu telah pun menjadi Timbalan Perdana Menteri. Bila ada sahaja tunjuk perasaan, orang luar yang hasut. Sedangkan pelajar-pelajar adalah mereka yang diberi Allah dengan otak yang bijak, mereka berfikir soal kedudukan mereka pada masa sekarang dan juga pada masa yang akan datang. Pelajar-pelajar bukan sahaja mengadakan tunjuk perasaan di hadapan Universiti Malaya baru-baru ini, mereka juga mengadakan tunjuk perasaan bersama dengan pelajar-pelajar lain di Bangkok baru-baru ini ketika Sidang ASEAN dijalankan. Sudah tentulah bukan siapa yang menghasut mereka tetapi mereka berbuat sesuatu itu di atas kesedaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga wakil dari Kota Bharu, beliau berucap dengan penuh emosi atas kebimbangan kedudukan bumiputera pada masa yang

akan datang. Menteri Pendidikan mengatakan bahawa seolah-olah bahawa mereka sekarang mengkhianati perjuangan Allahyarham Tun Abdul Razak. Kebimbangan kami ada asas. Zaman Allahyarham Tun Abdul Razak mereka memberi tanah kepada rakyat tetapi zaman anaknya sekarang, kerajaan merampas tanah daripada rakyat. Sudah tentulah ada perkara yang berbeza. Walaupun rampasan itu dalam inverted comma, tetapi dengan Akta Pengambilan Tanah kita lihat harta-harta rakyat diambil dengan begitu rakus, sedangkan zaman Allahyarham Tun Abdul Razak dulu dikumpulkan orang yang miskin dan diberi tanah dalam Felda dan sebagainya. Kebimbangan-kebimbangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu kelmarin ada asasnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa bila institut pengajian tinggi dikorporatkan ataupun diswastakan, tidak dapat tidak ianya pergi kepada masalah komersil iaitu masalah perniagaan. Misalnya sekarang, kita tidak boleh menahan pihak PLUS untuk menuntut kenaikan harga tol kerana jalan raya itu dijalankan projeknya dalam bentuk perniagaan. Maka, mana-mana perniagaan, ia tidak akan mahu rugi. Maka bila ia rasa ia hendak rugi, ia menuntut kepada kerajaan untuk menaikkan harga tol. Maka pihak Menteri atau pihak Kabinet terpaksa meluluskan kerana mereka menjalankan perkhidmatan jalan raya itu dalam bentuk perniagaan. Maka tol dinaikkanlah berkali-kali. Sebab itu, kita tidak boleh melarang harga tol itu naik kerana konsep pembinaan jalan raya itu dalam konsep swasta. Begitulah juga dalam pendidikan nanti. Bila hendak dinaikkan yuran, setakat mana kuasa Menteri untuk menahan? Bila mereka mengemukakan bahawa mereka rugi kalau tidak mengenakan yuran yang lebih tinggi.

Ini konsep perniagaan yang terpaksa kita kena pikul bila universiti ataupun institut pengajian tinggi diswastakan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Universiti yang dulunya dicipta, dengan akta itulah kita lihat Tan Sri Musa Hitam masuk ke mahkamah mempertahankan dari segi hujah semasa Menteri Pendidikan di waktu itu, menolak penubuhan Universiti Merdeka kerana Universiti Merdeka bertentangan dengan falsafah kebangsaan negara ataupun falsafah negara bertentangan dengan Akta Universiti di waktu itu. National interest dan sebagainya tergadai kalau tertubuhnya Universiti Merdeka, tetapi akta ini kita lihat seolah-olah memansuhkan Akta Universiti yang dulu yang menyebabkan universiti seperti Universiti Merdeka itu boleh ditubuhkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini kita lihat berlaku dengan begitu nyata sekali sebab yang ditekankan di sini ialah soal komersil pendidikan. Soal hendak dikomersilkan pendidikan itu. Perdana Menteri selalu bercakap bahawa pendidikan ataupun mata pelajaran sains dan teknologi hendaklah diajarkan dalam bahasa Inggeris. Memanglah Fasal 43(1) mempertegaskan kedudukan bahasa Malaysia tetapi Fasal 43(3) seolah-olah membatalkan syarat Fasal 43(1) dalam rang undang-undang ini. Ini, kita lihat bahawa hasrat Perdana Menteri akan tercapai iaitu semua mata pelajaran teknologi akan diajar dalam bahasa Inggeris tidak lama lagi.

Kita tahu bahawa bahasa Malaysia hanya menjadi syarat sahaja sebab kita tahu universiti-universiti luar negeri yang akan datang itu, ijazahnya dijalankan mata pelajarannya dalam bahasa Inggeris seperti Universiti Cambridge, universiti-universiti yang lain yang akan membuka cawangan mereka di sini nanti, oleh itu bahasa Inggerislah yang akan menjadi bahasa utama nanti.

Ditegaskan juga oleh Menteri Pendidikan, 80% institut pengajian swasta nanti akan mengajar mata pelajaran sains

dan teknologi, 20% sahaja dalam bidang lain sama ada sastera, keagamaan, sejarah dan lain-lain lagi. 20% itu juga kita ingin mengetahui, apakah bidangnya? Adakah termasuk untuk menyediakan guru-guru bahasa Inggeris dalam 20% itu? Maka, pelajaran-pelajaran sastera, sains politik, sains sosial, seni, budaya, semuanya akan ketinggalan dalam institut pengajian tinggi swasta nanti kerana pengajian-pengajian ini tidak ada nilai komersil pada masa yang akan datang, melainkan pengajian bahasa Inggeris iaitu untuk menyediakan guru-guru untuk mengajar di sekolah-sekolah swasta dan institut pengajian tinggi swasta nanti. Pengajian-pengajian bersifat seni, budaya, keagamaan, ianya tidak lagi boleh dijalankan kerana ianya tidak menguntungkan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bidang atau jurang antara bumiputera dengan bukan bumiputera akan semakin lebar. Kajian yang dibuat oleh Universiti Malaya bahawa mereka yang dapat masuk ke fakulti-fakulti sains dan teknologi yang ada di Malaysia ini, kebanyakannya mereka yang datang daripada sekolah-sekolah yang terdapat dalam bandar. Di bandar mereka didedahkan dengan guru-guru yang lebih baik, misalnya baru-baru ini Wakil Rakyat dari Pendang telah mendedahkan bagaimana di Pendang, 16 batu sahaja dari Alor Setar, guru bahasa Inggerisnya tidak ada ataupun kalau ada yang tidak cekap. Ini 16 batu dari Alor Setar. Begitulah juga bidang-bidang yang lain, seperti matematik, sains dan sebagainya. Mereka yang dapat guru-guru yang baik adalah di bandar-bandar. Kebetulan di bandar-bandar ini didiami oleh orang bukan bumiputera, oleh itu mereka lebih cepat untuk mendapat ilmu sains, ilmu hisab, bahasa Inggeris dan lain-lain lagi menyebabkan fakulti Universiti Malaya kita lihat dikuasai oleh mereka kerana kita lihat kemampuan dan kelayakan penuntut bumiputera tidak sampai ke tahap untuk masuk ke fakulti kedoktoran, engineer dan lain-lain lagi.

Tambahan pula, kita lihat dengan keadaan begitu pun, dengan kerajaan kontrol sebegitu rupa, dengan kuota dan sebagainya kita lihat di Universiti Malaya masih lagi kita lihat fakulti-fakulti ini dipenuhi oleh mereka yang bukan bumiputera kerana mereka berpeluang lebih dalam bidang pengajian kerana mereka duduk di dalam bandar. Kita di luar-luar bandar, selalunya kalau kita ambil pelajaran sains tulen masa kita mengaji dulu, tingkatan empat, setahun tidak ada guru dan sebagainya menyebabkan kita lambat untuk catch up dalam bidang ilmu hisab, sains dan sebagainya. Dengan itu, maka kita lihat fakulti-fakulti yang boleh mengeluarkan graduan yang bersifat komersil dikuasai oleh golongan bukan Melayu di universiti tempatan hatta lebih hebat lagi universiti-universiti di luar negeri.

Di atas kesedaran itu, maka pihak Kementerian Pendidikan, desakan daripada Perhimpunan Agung UMNO, parti-parti politik yang lain, badan-badan yang lain akhirnya kesedaran timbul untuk mengumpulkan anak-anak Melayu yang bijak sedikit selepas darjah enam untuk mereka dilatih dalam bidang sains dan teknologi. lahirlah MRSM dan juga Maktab MARA. Daripada situ kita lihat mereka lemah dalam ilmu hisab dan sains bukan kerana mereka itu datang dari luar bandar tetapi mereka itu tidak diberi peluang. Bila mereka ada peluang belajar, sama dengan pelajar dalam bandar kita lihat mereka daripada MRSM dan Maktab MARA ini membuat keputusan yang cemerlang dan bila mereka pergi ke luar negeri, ke England, compete dengan kaum-kaum lain, kadangkalanya anak-anak Melayu mendapat ijazah yang cukup baik mengalahkan termasuklah anak-anak negeri mereka sendiri iaitu orang-orang puteh yang berada di Eropah atau Amerika, anak-anak Melayu dapat mengatasi.

Ini masalah peluang, tetapi kita lihat mutakhir ini usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan hal-hal seperti ini telah kurang. Mereka lebih mementingkan komersil daripada untuk menyediakan peruntukan yang lebih untuk membantu anak-anak Melayu, orang-orang bumiputera di luar bandar untuk dihimpun di sekolah-sekolah supaya mereka ini diberi peluang untuk belajar dan seterusnya dapat meningkat mereka menjadi orang yang bijak pandai pada masa yang akan datang.

Tekanan-tekanan seperti ini terlalu kurang, bahkan membimbangkan kita lagi. Tekanan seperti ini dikurangkan dan tidak ditekankan, kemudian dikorporatkan pula universiti, kemudian diizinkan pula universiti swasta berkembang dan diiktiraf melalui rang undang-undang ini. Maka, ianya lebih membimbangkan kita pada masa yang akan datang dalam bidang pendidikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kajian yang dibuat oleh Universiti Malaya itu juga menggambarkan bagaimana kalau institut pengajian tinggi swasta diizinkan nanti, sudah tentu akan berlaku tidak seimbang yang lebih dahsyat pada masa yang akan datang. Kelmarin saya sudah sebut bagaimana prasekolah yang dibuat di Damansara, yurannya RM4,000 setahun, kolej yang berkembar dengan Boston, yurannya RM10,000 setahun, itu belum lagi sampai ke peringkat kolej ataupun universiti. Memang bagi Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen yang berniaga, misalnya RM10,000 setahun bagi mereka itu kecil, RM15,000 setahun bagi mereka kecil tetapi bagi bumiputera di Padang Terap, Baling, Tasik Chenderoh, Larut, Pendang, dan Yan, RM15,000 setahun itu angka yang cukup besar bagi mereka. Sebab itulah kita daripada parti PAS merasakan bahawa kerajaan sekarang ini seolah-olah makin melepaskan tanggungjawab mereka dalam bidang

sosial, terutama sekali dalam bidang pendidikan ini.

Dalam keadaan mereka hendak mengizinkan free competition, pertandingan bebas sedangkan bumiputera masih tidak mampu untuk bertanding secara bebas kerana penguasaan ekonomi mereka adalah terlalu jauh dibandingkan dengan kaum-kaum lain. Bukanlah kita memperkecilkan kaum lain yang miskin, orang Cina yang miskin, orang India yang miskin di estet, mereka itu perlu dibantu tetapi secara umum, kita lihat kaum-kaum Tionghua lebih berjaya dalam bidang ekonomi, oleh itu mereka gembira sekali dengan wujudnya universiti ataupun kolej swasta seperti ini kerana memberi peluang kepada mereka untuk menjimatkan wang bagi menghantar anak mereka ke luar negeri, sebaliknya akan menambahkan kekayaan dengan menjimatkan wang itu dan kita akan ketinggalan terus pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah bahasa memang selalu dijadikan masalah kemajuan, kita tidak boleh maju jikalau tidak menggunakan bahasa Inggeris. Ini satu perkara yang pelik kerana kita lihat bahawa negeri-negeri lain yang maju mereka menggunakan bahasa ibunda mereka. Tidak payahlah saya menghujahkan balik apa yang telah dihujahkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang dalam ucapan yang terdahulu.

Kita lihat sekarang negeri-negeri yang baru muncul selepas revolusi, misalnya kalau kita pergi ke Iran kita kena belajar bahasa Parsi satu tahun sebelum hendak ambil mata pelajaran ataupun hendak meneruskan mata pelajaran di negeri mereka. Begitulah juga di negeri-negeri lain, betapa mereka mementingkan bahasa mereka untuk pelajar-pelajar daripada negeri lain untuk datang menimba ilmu daripada negeri mereka, hatta di negeri Turki sedemikian rupa juga.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga hujah yang mengatakan bahawa nilai-nilai Barat kalau kita hantar pelajar kita ke luar negara, maka nilai-nilai Barat akan diimport ke sini. Oleh itu kita hendak lahirkan nilai-nilai tempatan. Kita amat setuju perkara ini, tetapi jangan yang dibuat lain, yang dicakap lain.

Nilai Barat kita anti, pada masa yang sama kita lihat televisyen kita dan juga perkara-perkara unsur kebaratan makin disebar di Malaysia oleh media massa tempatan kita lihat begitu berleluasa sekali, budaya Barat masuk ke negara kita.

Budaya Barat bukan semuanya jahat, ada yang baik, misalnya sifat akauntabiliti rakyat mereka terhadap pemerintah sepatutnya diimport nilai-nilai itu, nilai-nilai yang baik, yang ada di Korea. Kita lihat bagaimana pelajar mereka, pelajar universiti mereka, pensyarah mereka tunjuk perasaan minta supaya bekas Presiden Korea dibicarakan kerana rasuah dan perjuangan pelajar itu berjaya bila Roh Tae-woo dan seorang lagi dibawa ke mahkamah dan telah mengaku menerima wang untuk parti politik mereka, secara rasuah atau tidak, mahkamah akan menentukan. Nilai-nilai ini patut ada, iaitu pelajar-pelajar universiti diajar supaya bersifat akauntabiliti, bersifat ambil berat, bersifat amal maaruf, nahi munkar, tetapi kita di Malaysia ini adalah lain sedikit.

Dahulu seorang Timbalan Menteri yang dituduh rasuah—bukan seorang Timbalan Menteri, tetapi seorang pemimpin PBS dituduh rasuah, dituduh sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri mengelapkan wang rakyat lebih RM300 juta, dibicarakan di mahkamah kerana didapati terlibat dalam rasuah lebih kurang RM300 juta. Tetapi apabila beliau mengumumkan masuk parti yang menyokong Barisan Nasional, kesnya ditarik balik dan dilantik menjadi Timbalan Menteri. Adakah ini caranya kita hendak menyekat budaya-budaya luar masuk, sedangkan budaya-

budaya yang baik dari luar ini perlu dibawa dan perlu diketengahkan di Malaysia supaya pelajar kita lebih bersifat akauntabiliti? Tetapi bila pelajar mengadakan sedikit tunjuk perasaan, maka mereka terus mengatakan bahawa perjuangan pelajar sekarang adalah kebodak-budakan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang saya sebutkan tadi, iaitu kebanggaan-keimbangan kami dalam bentuk sosio-ekonomi ini hendaklah diambil perhatian - memanglah selalunya pemimpin UMNO apabila mereka bercakap, mereka kata PAS hanya boleh bercakap—apa boleh buat. Memang kami cakap sekarang sebab kami bukan pemerintah, UMNO yang memerintah kami lihat sekarang ini semakin menyerahkan kuasa mereka kepada MCA, bahkan saya lihat selepas pilihan raya tahun 1995 seolah-oleh MCA lah yang memerintah Malaysia sekarang. Apa yang mereka hendak semuanya dapat, kerana kita lihat bahawa barangkali mereka terhutang budi kerana MCA bekerja kuat sehingga DAP kalah teruk dalam pilihan raya tahun 1995 yang lalu. Sebab itulah kita lihat ketika Akta Pendidikan dibentang yang bertepuk gemuruh adalah MCA.

Kita tahu di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO termasuk wakil rakyat mereka ada yang tidak puas hati terhadap Akta Pendidikan, tetapi mereka takut untuk bersuara, takut MCA menjeling atau jegil mata kepada mereka. Pelik sekali perkara ini berlaku, sedangkan sekarang ini kita lihat jaguh-jaguh belaka yang memimpin UMNO sekarang ini, tetapi kenapa mereka begitu tunduk kepada MCA yang dasarnya adalah kapitalis iaitu untuk memperjuangkan hak-hak orang kaya di Malaysia ini. Inilah yang membimbangkan kita bahawa dasar-dasar lain akan bertambah longgar pada masa yang akan datang kerana terhutang budi.....

Dr. Tan Chong Keng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Minta penjelasan daripada Yang Berhormat tadi. MCA itu mewakili rakyat keturunan China di Malaysia, adakah kita mewakili orang kaya sahaja? Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak, rakyat yang mengundi semua golongan, tetapi wakil rakyatnya kaya-kaya—taukeh-taukeh.....

Seorang Ahli: Betul, betul.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Jadi, kita lihat sekarang ini kalau....

Dr. Tan Chong Keng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ya, dia bangun lagi.

Dr. Tan Chong Keng: Minta penjelasan sekali lagi. Bolehkah Yang Berhormat tunjuk bukti bahawa semua Ahli Parlimen MCA itu kaya-kaya, boleh minta tunjukkan bukti?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya tidak boleh menaksirkan harta Yang Berhormat, melainkan Perdana Menteri, kalau isytihar harta kepada saya, kalau ada undang-undang Parlimen, boleh isytihar harta kepada Parlimen Kubang Kerian, saya izinkan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebut bahawa keamanan negara seperti Perdana Menteri telah sebut berkali-kali, kalau semua kaum tidak puas hati, itu tandanya adil. Sekarang ini kita lihat semakin hari, semakin kehendak MCA ini ditunaikan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tergesa-gesa lari masuk mendengar sahabat saya dari Kubang Kerian sudah masuk gear empat tadi. Jadi, saya hendak tanya walaupun mungkin ada setengah-setengah akta itu tidak memberikan kepuasan 100%. Adakah ini menghalalkan umpamanya macam pihak parti Yang Berhormat untuk buat 'road show' mengenai Akta Pendidikan Negara? Oleh kerana tindakan membuat road show sedemikian sebenarnya yang menyemaikan bibit-bibit yang membawa atau yang boleh menjejaskan keadaan keselamatan negara. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Negeri kita ada undang-undang. Kalau ceramah atau road show itu bertentangan dengan undang-undang pihak polis akan bertindak, tetapi selalunya kita lihat pihak polis ini alhamdulillah bersikap adil. Mereka bertindak selalunya apabila datang desakan daripada UMNO, seperti Yang Berhormat dari Parit Sulong, maka desakan itu menyebabkan mereka bertindak. Tetapi kita memberi penerangan sebab Akta Pendidikan yang ada ini mana masyarakat hendak faham untung rugi mereka sebab seolah-olah Parlimen sekarang bersikap eksklusif - tertutup, yang mendengar hanya pegawai kerajaan, pegawai kerajaan berapa orang, tetapi masyarakat tidak tahu mengenai Akta Pendidikan ini? Yang saya tahu MCA telah turun ke cawangan-cawangan menerangkan tentang Akta Pendidikan ini, tentang bagusnyanya untuk mereka.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi. Saya faham, cuma yang saya ingin tanya daripada sahabat saya, adakah rasa tidak puas hati yang hanya percentagenya yang kecil itu mengizinkan kita untuk turun ke

bawah, kalau secara ikhlas dan jujur tidak mengapa. Tetapi sekiranya menyelewengkan fakta, oleh kerana ini masih digunakan menjadi modal untuk mempengaruhi sokongan politik. Adakah dari segi moralnya itu satu perkara yang wajar dan positif. Oleh kerana saya mendapat maklumat Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini pihak PAS sedang cuba melaksanakan gerakan yang seolah-olah seperti menghasut rakyat supaya menentang kerajaan menerusi Akta Pendidikan 1995 yang dibentangkan baru-baru ini. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang ada wadah pada kami selain daripada ceramah? Kami bukan ada surat khabar melainkan *Harakah* hanya untuk ahli, itu pun Parit Sulong curi-curi beli. (*Ketawa*) Tetapi hanya untuk ahli sahaja. Jadi, wadah yang kepada saya hanyalah ceramah ataupun dipanggil oleh akhbar sebagai road show, tetapi kita hanya membuat ceramah dengan pihak polis memberi permit dan sebagainya. Kalau kita melanggar Akta Hasutan dan sebagainya pihak polis boleh bertindak, bagi kita, kita perlu, sebab saya sebut kelmarin lagi orang Islam kena sedar bahaya-bahaya world conspiracy terhadap Islam sekarang.

Saya sebut di abad ini daripada tidak ada negara sudah 3 negara wujud. Israel, Serbia, Singapura - daripada tidak ada. Jadi, kita bercakap ini, walaupun Akta ini akan lulus, tetapi pemimpin-pemimpin UMNO, menteri-menteri termasuk menteri yang saya kasihi Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, dia ingat pesanan-pesanan dan pandangan-pandangan kita supaya dia bertindak dengan berhati-hati sebab kita masyarakat majmuk, kena jaga, jangan jadi macam Bosnia.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta ini yang terakhir untuk saya berpolemik dengan sahabat saya. Yang Berhormat menegaskan mengenai world conspiracy. Saya juga mengatakan mengenai dengan 'new imperialism' ataupun 'subversion'. Tetapi tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa conspiracykah atau subversionkah dia akan hanya bercambah sekiranya ada pihak dalam negara ini yang menyemaikan bibit-bibit perpecahan.

Kalau kita bersatu, kalau kita solid, bermakna perkara ini tidak akan bercambah dan boleh tumbuh merebak dalam negara ini. Jadi, saya takut tindakan Yang Berhormat ini akan menyemaikan, menambahkan bibit-bibit yang boleh digunakan oleh pihak yang menjadi conspirators atau menjadi subvertors orang yang memainkan peranan subversif terhadap negara ini.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, itu pandangan Yang Berhormat dari Parit Sulong. Misalnya dahulu sebelum 13 Mei, Perdana Menteri dianggap 'ultra Malay' ditulis oleh Perdana Menteri waktu itu sebagai orang yang mengacau keselamatan negara, tetapi pandangan beliau waktu itu bahawa orang-orang Melayu perlu diselamatkan di negara ini dan akhirnya dia menjadi Perdana Menteri. Yang Berhormat juga yang memujinya sekarang. Waktu dia berkata itu orang tuduh dia 'ultra Malay' atau pelampau Melayu, tetapi apa yang dikatakan itu dan juga parti pembangkang pada waktu itu, akhirnya betul, dia mesti dibentuk satu dasar untuk membela terutama bumiputera negeri ini supaya akan wujud keharmonian. Kita nampak keharmonian itu berjalan dengan baik - memang ada DAP tidak puas hati, ada PAS tidak puas hati, ada MCA tidak puas

hati, tetapi lebih kurangnya kita dapat wujudkan keharmonian sejak 13 Mei sehinggalah sekarang ini. Tetapi akta ini menaruh kebimbangan kepada kita. Bila kita bimbang kita bercakap, sebab pelajaran hendak diperniagakan. Bukan kita sahaja bimbang, termasuk Wakil Rakyat BN juga bimbang bila pelajaran sudah diindustrikan, sedangkan bila masuk dalam bidang industri dia akan bersangkut-paut dengan yuran dan sebagainya. Kita tahu Melayu bumiputera di negeri ini masih tidak mampu, sedangkan tidak diumumkan tabung-tabung yang boleh menyediakan, seperti MARA sendiri dikurangkan peruntukan yang telah sedia membantu bumiputera selama ini.

Sebab itu, saya nampak tanggungjawab UMNO sekarang ini yang menjadi champion kepada bumiputera selama ini telah kurang kerana mereka terlalu meletakkan politik wang dalam perjuangan mereka sehingga mereka lupa kedudukan bumiputera dan orang-orang Melayu ke mana kita hendak bawa menjelang tahun 2020 yang akan datang.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya harap pertukaran pendapat ini tidak 'escalate' lagi, tetapi Yang Berhormat selalu membuka satu front yang amat general, yang terlalu umum mengatakan bahawa UMNO tidak mementingkan bumiputera, itu salah. Suara saya tadi lebih extreme daripada suara Yang Berhormat. Saya daripada UMNO. Adakah saya kurang bumiputera daripada Yang Berhormat? Jadi, saya minta dalam perbahasan dalam Dewan, selama ini kita masih lagi menghormati antara satu sama

lain. Tetapi apabila Yang Berhormat membuka ruang-ruang perbincangan yang terlalu amat umum, very general front, ini berbahaya.

Oleh kerana saya takut perkara ini berbahaya, Yang Berhormat akan bawa keluar dari Dewan dan perkara ini akan meracuni pemikiran rakyat yang menjadi lebih kusut oleh kerana perkataan yang terlalu general. Saya berkata, saya mendakwa hari ini saya lebih extreme daripada parti-parti pembangkang yang bumiputera. Adakah saya kurang bumiputera daripada Yang Berhormat? Adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan kurang bumiputera daripada Yang Berhormat? Adakah Perdana Menteri kurang bumiputera? Yang Berhormat sendiri menegaskan bahawa Perdana Menteri pernah dilabelkan sebagai ultra-Malay.

Jadi, janganlah datang dalam Dewan dengan perkataan yang terlalu umum. Harap perjelaskan aspek mana yang kami kurang bumiputera? Adakah MARA dipotong peruntukan, maka UMNO menjadi kurang bumiputera? Adakah oleh kerana tidak diperjelaskan cara terperinci mengenai dana dan tabung, maka Menteri Pendidikan menjadi kurang bumiputera? Jadi, saya harap Yang Berhormat berhati-hati sedikit dalam menyatakan perkara-perkara yang dibawa dalam perbincangan dalam Dewan ini. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih Parit Sulong kerana mengingatkan saya. Kita juga tidak mahu bercakap yang lain berbuat yang lain. Kita lihat terjemahnya apa yang berlaku di Malaysia lain. Inilah yang menyebabkan orang-orang Islam kadangkalanya makin hari makin sensitif. Kadang-kadangnya berlaku. Tambahan pula apa yang berlaku di luar negara, ia mempengaruhi keadaan dalam negara. Perkara ini menjadi sensitif kepada orang-orang Islam. Jadi, Yang Berhormat memang bercakap Yang

Berhormat kata ekstremis. Tetapi bagi kami nampak toleran. Jangan kita mengaku kita ekstremis, bahaya. Golongan pelampau tidak boleh ada di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jadi perkara-perkara seperti ini kita sangat mengambil berat supaya janganlah kita terlalu hendak komersil. Jalan raya kita swastakan, elektrik kita swastakan, itu kita swastakan. Bagi kami tidak mengapa, kami kritik, kami toleran. Tetapi bagi pendidikan ini kami bimbang, sebab ini nadi kepada kita, keamanan negara kita. Janganlah kita turut orang yang mampu. Barangkali pemimpin-pemimpin UMNO sekarang - sebab mereka berniaga dan banyak terlibat dalam korporat, mereka tidak ukur keadaan orang bawah mereka. Balu mereka pun bersetuju dengan pandangan-pandangan yang diberi oleh tokoh-tokoh korporat. Adakah pandangan-pandangan, misalnya tokoh pendidikan seperti Profesor Ainuddin Wahid, Profesor Ungku Aziz, Profesor Zainal Abidin Wahid, Profesor Naguib Al-Attas, Profesor Hussein Al-Attas, Profesor Nik Rashid, Profesor Awang Had Salleh, ditolak?

Bila kita bertemu mereka, mereka mengatakan kami tidak tahu-menahu soal pindaan ini. Kami rasa bahawa apa yang dibuat ini merbahaya. Sedangkan mereka ini terlibat secara direct dalam pendidikan sebelum merdeka dan selepas merdeka. Mereka sendiri rasa sangsi. Sebab itulah Universiti Kebangsaan sendiri, kakitangan akademik akan membuat forum, kalau tidak silap saya 17hb ini yang akan dihadiri di antaranya oleh Profesor Ainuddin Wahid, tentang kebimbangan mereka dan struktur yang akan lahir selepas daripada penswastasaan ini berlaku. Sebab apabila penswastasaan, pelajaran jadi komersil, tidak dapat lepas ianya daripada nilai duit dan benda.

Inilah kita harap pemimpin-pemimpin kerajaan berfikir, walaupun sudah lulus akta ini, tetapi pelaksanaan nanti jaga,

sebab kita mahu keamanan di negara kita ini.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yan Bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat memberi laluan. Saya dengar dengan penuh minat ucapan Yang Berhormat ini. Jadi, saya harap apabila Yang Berhormat telah luahkan semua perasaan dalam Dewan ini, saya harap parti PAS hentikanlah roadshow yang berjalan hari ini. Rata tempat hentam pasal Akta Pendidikan dan sebagainya. Saya ingat Dewan inilah tempat yang paling baik kita berbahas. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita celaru orang kampung, tetapi kita perbetul dalam Dewan ini?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Siapakah hendak dengar dalam Dewan ini? Rakyat mana dengar. Rakyat Kubang Kerian tidak tahu saya berucap hari ini. (Ketawa) Jadi, saya kena balik cerita kepada rakyat Kubang Kerian ini dia Akta Pendidikan. Saya kena berucap, melainkan macam di England, di Thailand, di Korea ada direct live telecast. Mereka lihat wakil Yan berucap, rupanya handsome, ucapannya baik.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Janggutnya elok!

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tetapi rakyat pun tak tahu, dia kena balik ceramah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Cuma begini. Yang Berhormat, kita dipilih oleh rakyat, jadi kita mewakili rakyat. Jadi, apa keputusan yang kita buat ini adalah keputusan mewakili rakyat. Tak usahlah kita pergi heret budak-budak di

universiti, pergi masuk ceramah kita, kerana budak-budak ini adalah budak-budak yang masih mentah dan masih memerlukan pelajaran. Jadi, kalau kita heret mereka masuk dalam kancah politik mungkin akan merosakkan masa depan mereka. Jadi, adakah pihak Yang Berhormat bersetuju supaya jangan benda-benda macam ini berlaku lagi?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Nampaknya Yang Berhormat dari Yan menghina Timbalan Perdana Menteri, sebab semasa pelajar dahulu beliaulah jadi pakar demonstrasi. Boleh kata tiap-tiap minggu demonstrasi, dan sekarang jadi Timbalan Perdana Menteri. Jangan menghina Timbalan Perdana Menteri saya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia buat demonstrasi pun Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk kebaikan. Ini membuat demonstrasi untuk hendak melagakan rakyat di kampung, habis suami-isteri bercerai dan sebagainya. Kelmarin saya tengok dalam surat khabar ada yang mati empat jam tak boleh tanam di Kelantan, apa cerita. Jadi, yang inilah disebabkan oleh.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ini tak masuk line. (Ketawa)

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, Yang Berhormat bersetujukah kita gunakan platform Dewan ini sebagai tempat untuk kita berbahas habis-habisan? Saya mintalah Yang Berhormat yang lain dari PAS yang lain bercakaplah. Janganlah duk melengung, mana pergi 'Profesor Rantau Panjang' semuanya tak bercakap. Bercakap di luar tak bolehlah.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Baik, nanti.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tengok yang lagi satu dok angkat tangan. Seminggu ini tak dengar suara pun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Baik Yan, terima kasihlah. Banyak berleter sangat. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, ini pandangan-pandangan kami supaya pihak yang memerintah sekarang, iaitu UMNO, jangan ingat mereka kuat memerintah, mereka tulang belakang Barisan Nasional. Jangan tulang belakang itu sudah mula lembut sekarang ini. Sebab kita mahu mereka lebih bertegas, sebab mereka memerintah sekarang. Melainkanlah kalau kami memerintah, itu lain. Sekarang UMNO dan Barisan Nasional jagalah keharmonian Malaysia ini. Sebab itu, akta ini kita tahu kita tentang pun akan lulus. Tetapi jaga betul-betul supaya jangan nanti bumiputera di negara ini atau orang-orang Melayu hanya melihat sahaja, tumbuhnya universiti swasta tetapi mereka sebagai penonton, akhirnya mereka terpaksa masuk balik sekolah Arab, sekolah pondok, pergi ke India dan sebagainya kerana tak dapat masuk universiti-universiti ataupun tempat-tempat pengajian tinggi swasta yang ditubuhkan di Malaysia nanti.

Itulah pandangan saya. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yan.

6.40 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin (Yan): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, walaupun di penghujung masa Dewan, terima kasihlah saya boleh bercakap pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang IPTS yang dibentangkan oleh Menteri Pendidikan dan saya mengucapkan syabas kepada kementerian yang memandang jauh ke hadapan untuk mewujudkan industri pendidikan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membangunkan negara kita ini dan di dalam kita ingin memberi pendidikan yang paling baik, yang maksimum sebolehnya kepada rakyat kita, kita juga perlu prihatin apabila akta-akta rang undang-undang ini diluluskan, kita perlu juga melihat di beberapa sudut supaya yang kurang bernasib baik tidak akan teraniaya oleh rang undang-undang ini. Yang tidak bernasib baik, yang marhaen, yang miskin juga perlu mendapat tempat di dalam universiti-universiti ataupun pusat pengajian tinggi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik apabila kita katakan universiti awam ini boleh melibatkan dalam bidang perniagaan. Saya harap dengan penglibatan dalam bidang perniagaan mungkin di atas pembangunan harta tanah dan sebagainya, keuntungan ini akan dibalikkan pulangnya kepada penuntut-penuntut itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mewujudkan institut pengajian tinggi swasta, saya mencadangkan supaya syarikat-syarikat yang ingin melaburkan dalam bidang perniagaan ini perlu mempunyai taraf bumiputera ataupun ekuiti rakyat tempatan, ekuiti rakyat Malaysia sekurang-kurangnya 30% samalah seperti yang kita beri kepada syarikat-syarikat lain yang melabur di tanah air kita ini di mana ekuiti, pegangan rakyat Malaysia ataupun bumiputera seminimumnya 30%, dia boleh buat universiti, dia boleh bentuk universiti. Dan kalau dia hendak bentuk pun, dia boleh bentuk dengan joint venture, dengan agensi-agensy kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya sistem yang sebegini saya kira ini akan menjamin bahawa universiti-universiti ini akan bergerak sejajar dengan kehendak Kementerian Pendidikan itu sendiri. Walaupun kadang-kadang kita beri independent kepada universiti-universiti tersebut ataupun pusat pengajian tersebut,

tetapi mungkin mereka juga tidak akan mengikut sistem yang kita adakan ini kerana saya kira Kementerian Pendidikan ini dibebankan dengan sangat banyak, saya dok tengok macam-macam seperti tahun ini seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang kata tadi, berapa akta telah kita pinda?

Jadi, banyak lagi yang perlu diperkemaskan. Tadika perlu dipertingkatkan, sekolah perlu diperkemaskan, guru perlu diperbanyakkan, macam-macam hendak dibuat, boleh atau tidak hendak buat ini, saya hendak tanya?

Yang keduanya, duit ada dak? Hendak buat ini duit ada dak? Kementerian Kewangan beri duit cukup atau tidak? Jadi, yang ini kalau duit tak ada, kita hendak buat macam mana, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju jugalah diatasi MARA ini yang depa kerat duit ini. Saya hendak declare, saya ahli Majlis MARA dan saya berasa amat dukacita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tak mahu ada pegawai tinggi kerajaan yang bersikap kadang-kadang. Tuan Yang di-Pertua, amat mendukacitakan. Ada seorang pegawai tinggi kerajaan di Kementerian Kewangan, biasa mengatakan apabila saya kata: 'Kita perlu revised balik kedudukan bantuan biasiswa anak-anak kita yang berada di luar negara yang menghadapi masalah.' Pegawai ini biasa kata kat saya, Tuan Yang di-Pertua: 'Takkan semua hendak harap kerajaan, mak pak hendak hantarlah sama!'

Tuan Yang di-Pertua, kalau mak pak dia pergi ke laut, buat bendang, makan tengah hari pun kadang-kadang tentu ada, tak ada, dia hendak hantar anak dia berapa pound pergi ke London itu? Hak pegawai ini pun kalau anak dia lima orang masuk universiti, jalan mengenggang heh, siapa yang hendak beri, bukannya mudah. Jadi, mudah cakap.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita bila bercakap, jangan kita ingat hak yang susah itu, jangan ingat dok senang. Inilah saya harap perkara-perkara macam ini, pegawai-pegawai dalam Kementerian Pendidikan tidak terlibat, bagus dok ada, yang ini semua, dok tunggu sampai malam, berapa malam dah? Ini kementerian yang lain. Saya hak yang tak betul, saya khabar, inilah PAS yang dok marah. Tengok saya wakil rakyat Barisan Nasional, tak betul kita katalah tetapi kita tidak cerita di luar. Kita cerita dalam ini, ini tempatnya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi tentang yuran dan biasiswa. Saya hendak mencadangkan institut pengajian tinggi swasta ini untuk rakyat Malaysia, yurannya semimumimum yang boleh dan mungkin dia boleh caj lebih kepada rakyat luar daripada negara kita yang datang belajar. Maknanya rakyat Malaysia tempatan terutama sekali bumiputera, kita beri yurannya yang berpatutan. Jangan terlampau tinggi dan kita tak mahu nanti institut pengajian tinggi swasta ini dimiliki oleh penuntut-penuntut anak orang kaya. Hak institut pengajian tinggi awam ini, hak-hak yang marhaen belaka. Kita tak mahu macam itu. Kita mahu sama. Jadi, bermaknanya kita kena pastikan kalau penuntut luar negara hendak mai belajar, umpamanya depa ada duit, macam kita dok hantar penuntut kita pergi, boleh kita caj lebih sedikit dan keuntungan daripada situ kita cover balik kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan sederhana ini.

Ini cadangan, kalau boleh kementerian fikir tengoklah, buat kalau boleh, kalau tak boleh pun, gagah buat bagi bolehlah, tidak terlepaslah orang Melayu kita di kampung ini, bapak pergi ke laut, ke bendang, menoreh getah ini, dia pun teringin juga hendak masuk.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu kuota. Rakan-rakan kerajaan banyak minta kuota ini, kita mesti kekalkan supaya memastikan bahawa bumiputera berhak duduk dalam

itu. Soal dia ada duit atau tidak ada duit itu lain cerita. Kuota kalau 30% untuk bumiputera dikekalkan dan kerajaan, agensi-agensi kerajaan boleh memberi bantuan biasiswa ataupun untuk bantuan budak ini masuk belajar di dalam universiti-universiti dan institut pengajian tinggi swasta ini. Yang ini pun kita harap agensi-agensi kerajaan seperti Petronas dan sebagainya akan membantu anak-anak murid ini dan mereka ini tak payahlah kita hantar ke luar negara kita, cukup dalam negara kita ini. Dan tidak begitu banyak kos perbelanjaannya dan juga tidak mengalir wang kita ke luar daripada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya tekankan di sini ialah tentang tabung membiayai pelajar bumiputera.

Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(*Keluar Dewan*)

Tuan Yang di-Pertua, ha, itu tak mahu dengar bila kita bersyarah! Ha, tak mengapa. Balik pergi ke dalam kampung mengata kat orang, ini yang susah, kawan - kawan juga. Sat ni mai balik! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi tentang disiplin pelajar. Yang ini mustahak. Tuan Yang di-Pertua, pelajar kita ini kadang-kadang depa ini bukannya orang yang cukup betul. Depa ini tak tahu politik, tak tahu itu, tak tahu ini, tujuan hendak belajar. Tetapi kalau pi dua, tiga orang perangai macam orang PAS yang dok ada ini, termasuk Ahli Yang Berhormat kita itu, dok pi rasuk budak-budak, macam pi di negara-negara Islam yang dok belajar di Universiti Cairo, Azhar dan sebagainya, tanam semangat yang bukan-bukan, budak-budak ini akan jadi celaru.

Jadi, di sini saya minta kementerian mempunyai kuasa yang kuat untuk memastikan disiplin penuntut-penuntut di institut pengajian tinggi swasta ini pun sama dengan institut yang dok ada hari

ini, universiti-universiti awam hari ini. Kita kena control betul-betul disiplin budak-budak ini.

Tuan Yang di-Pertua, macam kadang-kadang kitalah anak di rumah, kadang-kadang emak itu menjaga anak, dia tak beri keluar malam, dia tak beri tengok TV, dia suruh belajar, kemudian waktu mengaji Al-Quran pergi mengaji waktu ini dia disiplinkan budak itu, budak itu bila besar dia jadi elok. Kalau dari kecil kadang-kadang kita tak disiplin anak kita, Tuan Yang di-Pertua, bila besar dia jadi celaru. Jadi, yang inilah kita kena bendung depa ini, bukan bermaknanya bila kita buat satu peraturan menyusahkan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan yang kerajaan buat ini, saya hendak beritahu kepada parti pembangkang ini, tak ada satu peraturan yang kerajaan buat hendak beri rakyat susah, semua hendak beri rakyat senang. Jadi, tak bolehlah parti-parti pembangkang menekan kerajaan. Macam DAP baru ini kata, Ketua Pembangkang kata: "Kena beri masa untuk rang undang-undang kerana hendak balik pergi tanya rakyat."

Saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, dia tidak ada tetapi masuk dalam *Hansard* ini, sebagai Wakil Rakyat dia mewakili siapa? Kalau setiap rang undang-undang yang kita hendak lulus dalam Dewan Rakyat ini kena balik pi tanya rakyat di bawah, berapa tahun baru boleh selesai satu rang undang-undang? Kepong, 'lu chai ho', dengan izin. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, jadi, tak bolehlah, kita Wakil Rakyat, kita putuskan di sini adalah suara rakyat. Jadi, hendak sampai empat, lima bulan hendak turun pergi kepada rakyat, hendak cerita kepada rakyat, pening kepalalah. Tuan Yang di-Pertua, rakyat sudah beri dah, rakyat nanti kata: "Ini, hang jadi wakil rakyat apa? Tongkoike?"

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak mengapa, sahabat saya ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Yan ini, adakah telah membaca rang undang-undang ini sebelum membuat ucapan? Ini penting dan Ahli dari Tanjong pun minta sekurang-kurangnya satu minggulah, bukan beberapa bulan, satu minggu sahaja. Walaupun bukan bahasa daerah Yan, tetapi bolehlah difaham, satu minggu sekurang-kurangnya.

Tuan Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa Ahli dari Tanjong dan Kepong, mereka ini otaknya 'slow'. Bagi saya sekerat hari sahaja sudah selesai masalah ini. Depa hendak sampai seminggu, jadi, tengoklah otak depa dengan otak kita, patutlah depa dok sebelah itu, kita dok sebelah sini. Hendak seminggu baca hak ini, kemudian hendak turun pergi tanya rakyat, hendak tanya Petaling, hendak tanya Jalan Tanjong, Jalan Penang, sama ada sokong atau tidak sokong, kerja tidak erti fikir, inilah yang dikata orang tua-tua "otak mereka bubuh di lutut". Itu sebab jadi macam itu. Otak ini kena bubuh di kepala, kalau letak di lutut itulah yang jadinya.

Begitu juga dengan parti PAS, selepas Akta Pendidikan itu dibahas dan di lulus, Presiden PAS hantar surat kepada semua wakil-wakil rakyat Barisan Nasional, termasuk UMNO, cerita tentang tidak puas hati rang undang-undang pendidikan ini. Saya hendak tanya kepada wakil PAS yang tinggal seorang di dalam Dewan ini, yang depa 4, 5 dan beberapa orang ini haram tidak pernah bercakap di dalam Dewan Rakyat fasal Akta Pendidikan.

Yang Berhormat yang bernama Buniyamin itu di luar sembang bukan main deras, tetapi di dalam ini bercakap sepatah pun tidak. Sudah itu pergi ke kampung pekena orang kampung, lepas ceramah kutip pula duit lagi. Jadi, saya minta Jabatan Hasil Dalam Negeri tunggu, tiap-tiap kali puak ini buat ceramah tunggu, tengok 'collection' banyak mana. Check balik, kemudian minta mereka membayar cukai, sudahlah zakat tidak dibayar dengan duit itu. (*Ketawa*). Sampai Tuhan pun depa hendak pekena—oleh puak-puak PAS ini, tambah pula kerajaan.

Jadi, saya minta wakil-wakil PAS dalam Dewan Rakyat bercakap, bangun bahas, kita tiap-tiap malam sampai pukul 8.45, untuk rakyat. Jangan kita pergi ke kampung, kita pekena, membohong kepada rakyat, pecahbelahkan rakyat—kerajaan tipu rakyat, kerajaan hendak merosakkan anak bangsa. Adakah kerajaan yang mengamalkan demokrasi sanggup hendak merosakkan bangsa dia? Kerajaan akan menghadapi rakyat pada tiap-tiap kali pilihanraya? Jadi, inilah—Tumpat duduk senyap, kenapa tidak berani tanya? Cuba bangkit tanya, hendak tengok, biru nanti.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu saya minta bahasa Malaysia, ini kita jangan bertolak ansur. Bahasa Malaysia, bahasa Ibunda kita mesti kita jaga elok-elok. Macamlah wakil rakyat lain bercakap. Bahasa lain tidak apa, bahasa Inggeris boleh kita belajar, kalau tidak belajar sesat, kalau kita pergi ke luar negeri sesat. Sementara kita pergi ke Siam, kalau kita mengerti cakap bahasa Siam pun, saya guna bahasa Inggeris—tidak sesat. Bahasa Siam—Painai bererti hendak pergi mana? Paitimong—apa khabar? Sawadikap - Selamat Datang, tetapi mana saya hendak tahu banyak-banyak sangat. Jadi, lebih banyak bahasa kita tahu, lebih baik. Hang Tuah tahu beberapa bahasa, saya sudah lupa tetapi Pokok Sena memberitahu kepada saya Hang Tuah

tahu 7 bahasa—itu cara Hang Tuah, Tumpat tahu 1 bahasa sahaja, bahasa Malaysia dengan bahasa Arab sahaja. Itu pun simbang deras. Jadi, Bahasa Malaysia mesti dikekalkan dan dipertahankan tetapi bahasa-bahasa lain biarlah.

Tuan Yang di-Pertua, di universiti-universiti swasta ini pun, kekalkan bahasa kerana walaupun penuntut dari luar negara datang, adalah keuntungan bagi dia untuk belajar bahasa kita. Macam kita hari ini, biasanya penuntut kita kurang fasih dalam bahasa Inggeris, tetapi bila dia pergi belajar ke luar negara, dia menghadapi masalah. Dia minta roti, orang itu beri benda lain, dia minta butter orang itu beri 'bata', jadi, this is the problem, dengan izin. Jadi, kita kena encourage Malaysian students, orang Melayu kita belajar bahasa lain. Bukan bermakna bila kita belajar bahasa Inggeris, belajar bahasa Tionghua dan sebagainya, kita akan tinggalkan budaya kita. Macam saya, saya boleh bercakap bahasa Inggeris, sungguhpun kadang-kadang saya makan nasi dengan garfu, tetapi saya masih orang Melayu, saya masih bercakap bahasa Melayu, saya masih mempunyai budaya Melayu. Walaupun saya erti bahasa Hokkien dan walaupun kita kadang-kadang memakai chopstick tetapi kita masih lagi mengamalkan budaya orang Melayu. Jadi, yang ini jangan pihak PAS menjadikan isu - Tumpat, jangan jadi isu, bila menjadi isu masalah akan timbul. Benda ini benda sedikit, benda ini kerajaan buat untuk kebaikan rakyat. Kalau kita hendak memperbesarkan benda-benda macam ini, maka rakyat akan ketinggalan masa dan ketinggalan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, kita tengok di luar negeri, universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri cukup lengkap dan sebagainya, kerana sistem penswastan ataupun private universiti ini. Jadi, kita hendaklah iktu macam itu, kita hendak tunjukkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara maju, membangun

dan sebagainya. Jadi, bila kita hendak macam itu, kita kena ikut dan kita kena privatisasikan melalui undang-undang macam ini. Cuma saya harapkan, janganlah yang ini akan merugikan orang kita, merugikan orang-orang yang kurang bernasib baik. Ini sudah dicapitalisekan oleh parti pembangkang, dia kata, bila universiti ini diswastakan, orang-orang kampung tidak boleh masuk universiti. Orang-orang kampung tidak ada tempat di universiti -universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya di dalam Dewan Rakyat ini, hari ini berapa orang yang datang dari bandar? Termasuk pegawai-pegawai tinggi. Ada yang datang dari Yan, ada yang datang dari Ulu mana pun ada yang duduk di dalam ini, yang berasal dari kampung, tetapi kerana kita merdeka dan berjaya, kita datang dengan memakai kot pada hari ini - kita makan steak dan sebagainya, kerana apa? Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi inilah orang kata peluang. Jadi, saya berharap jangan pergi ke kampung-kampung kemudian kita kata benda-benda yang merosakkan pemikiran orang-orang kampung. Saya cuma sedikit sahaja hendak perbetulkan, fasal ada Menteri kata kelmarini bahawa yuran akan dinaikkan sedikit demi sedikit. Saya hendak tahu sedikit demi sedikit itu banyak mana? Saya takut sedikit demi sedikit, sedikit demi sedikit, lama-lama dia banyak. Jadi, ini yang kita bimbang. Walau bagaimanapun, biasiswa kena kita beri kepada orang yang kurang bernasib baik. Jadi, Kementerian Kewangan pun, hak mana yang dipotong-potong itu kena beri balik. Kena beri balik. Guru-guru ini bila dia pergi berubat di hospital kerajaan dia lambat kena tunggu, jadi, dia tidak mengajar budak-budak. Dia kena beratur di hospital, ini bukan mudah. Jadi, dia kena beri balik untuk kemudahan depa, kerana depa kadang-kadang kalau anak-anak dan bini sakit, macam mana? Hendak dukung anak tunggu di hospital kerajaan

lambat, jadi, dia pergi ke hospital saudagar ataupun klinik saudagar, jadi, yang ini kena beri balik. Kasihan yang ini, sudah 4, 5 orang pegawai kerajaan yang teriak, kalau kena anak 10 orang - jenuh. Kalau saham naik macam naik hari ini dan kelmarin - tidak apa, tetapi kalau saham turun, birulah kita.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu yang saya hendak bercakap sedikit ialah tentang kemudahan pelajar-pelajar.

Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Berjalan keluar*)

Tuan Haji Badruddin bin Amirulding: Tumpat - keluar pula? Macam itulah wakil rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita kata, depa kata kita jahat, ini benda yang besar, itupun kelmarin mereka tanya mana menteri-menteri, hari ini kemana pergi mereka? Kelmarin mereka kata menteri tidak ada, siapa tidak ada, tetapi hari ini tinggal Yang Berhormat Kepong dengan pakar bahasa seorang sahaja, yang lain tidak ada. Kononnya hendak memperjuangkan rakyat - hilang. Itulah, rakyat pun silap memilih mereka. Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Di dalam rang undang-undang ini ada banyak fasal, sehingga 99 Fasal, tetapi saya tidak nampak Fasal berapa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Yan. Saya mencadangkan, oleh kerana loghat daripada Yan balik ke Yan untuk berucap. Di dalam Dewan yang mulia ini kita hendakkan bahasa yang lebih sesuai dengan zaman sekarang.

Seorang Ahli: Awak pun kecek Kelantan.

Dr. Tan Seng Giaw: Bahasa Kelantan pula. (*Ketawa*)

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, cara itu kita jangan kira. Itu style saya macam itu, asalkan orang faham sudahlah, pegawai-pegawai faham, kalau tidak percaya tanyalah pegawai-pegawai kerajaan, dia faham atau tidak saya bercakap? Mereka faham. Jadi, yang Kepong dok bising. Saya tidak pergilah kepada Fasal-fasal, buat apa, kerana saya sudah hafal semua di dalam ini, jadi, saya bercakaplah apa yang saya baca di dalam ini, takkan saya hendak selak satu persatu. Takut lambat. Hai, Kepong, Kepong. Bila doktor kulit bercakap fasal pendidikan, jadi macam itulah. Jadi, dia kena masuk balik universiti swasta yang baru ini. Henda beri "MB" bubuh macam dahulu, sudah tidak boleh lagi, pening-pening tidak boleh, kena belajar lebih 'pong'.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berkenaan dengan 'welfare' pelajar-pelajar. Pihak kementerian harus pastikan pelajar-pelajar yang datang belajar ini tempat duduknya cukup sempurna, tempat makannya cukup sempurna. Kerana, kita dapati banyak aduan daripada keluarga-keluarga, kadang-kadang oleh kerana anak-anak ini dibiarkan - saya tidak percaya, macam di tulis di dalam surat khabar, kata guru suruh budak-budak makan sampah, kalau ada guru macam itu, guru itu 'wirennya sudah short' di mana-mana, sudah patut di sarakan. Tetapi tidak ada, mana ada manusia yang buat sampai macam itu. Jadi, ini barangkali di besar-besarkan. Saya ingat tidak ada guru macam itu, cuma saya tengok di sesetengah pusat-pusat pengajian tinggi, yang memberi makanan kepada penuntut-penuntut ini, ikan temenung kadang-kadang dia goreng 'ekor' dengan 'kepala' bertemu (*Ketawa*) - mengeleding.

Saya biasa melawat dan saya membuat surprise visit di pusat-pusat ini, saya

tengok, saya naik susah hati. Penuntut ini otaknya bagus, tetapi beri ikan jenis itu, goreng sampai ekor bertemu kepala - itu tentu pelik. Kemudian hendak ambil air - beratur, dibubuh dalam baldi atau timba besar dan cedok seorang secawan untuk minum.

Budak-budak tidak boleh kompelin. Kalau kompelin, warden marah. Yang seronoknya, Tuan Yang di-Pertua, warden makan ikan tamban, ikan kerapu. Yang budak-budak, kena ikan temenung. Dua hari kena ikan temenung, duduk termenunglah lepas itu. Sudah nama pun ikan temenung. Orang Kuala Lumpur kata ikan kembang, orang Kedah kata ikan temenung. Itu Kepong kena fahamlah. Ikan pun macam-macam jenis. Jadi, yang ini, Tuan Yang di-Pertua, welfare kita kena tengok.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai tabung. Tabung ini kita kena buat. Tabung ini untuk orang miskin, orang yang susah. Jadi, kita cadangkan macam Tabung Pendidikan Nasional ini dan tabung ini, orang-orang yang berjaya dalam bidang perniagaan, tokoh-tokoh korporat, badan-badan swasta kerajaan, tauke-tauke yang berniaga untung, bubuh duit dalam tabung itu. Kemudian, tabung inilah akan membiayai penuntut-penuntut yang kurang bernasib baik untuk belajar dalam pusat pengajian tinggi ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan negara yang maju hari ini, kadang-kadang orang boleh belanja duit berpuluh-puluh ribu tidak tentu fasal. Kadang kala di Genting sampai beratus-ratus ribu, baik mereka tolong orang miskin ini dapat pahala. Dia dapat pahala dan masa depan dia akan cerah. Tuhan akan tambah lagi rezeki dia.

Jadi, saya berharap kalau boleh Kementerian Pendidikan serius mengenai perkara ini ataupun tubuh satu badan lain yang jaga tentang ini. Saya bersetujulah

dengan rakan/kawan saya ini mengenai biasiswa pendidikan ini, serahkan kepada Kementerian Pendidikan pun tidak apa. Tadi, Tanjong Karang pun kata dia ada dua menteri. Dua menteri pun tidak apa, banyak lagi kerja kosong yang kami ini boleh dibubuh di situ. (*Ketawa*)

Satu, menteri jaga mengenai Kementerian Pendidikan sahaja. Satu lagi jaga mengenai pusat pengajian tinggi pelajaran semua itu. Memang pening saya tengok. Kadang-kadang saya tengok pegawai pendidikan pun sudah naik pening. Bila tiba musim tukar pelajar, sekejap wakil rakyat ini datang, wakil rakyat itu datang minta tolong termasuklah saya pun pergi juga. Hendak buat macam mana, kena tolong orang kawasan. Jadi, kasihan kepada mereka.

Bukan bermaknanya menteri ini kita tahu dia boleh buat tetapi macam kita ada hari inilah. Satu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, dia jaga timbang kati ayam, harga naik turun, semua dia jaga. (*Ketawa*) Satu lagi, antarabangsa. Dia jaga eksport/import apa semua itu. Jadi, baru dia senang. Supaya memudahkan. Saya hendak memudahkan. Saya tengok Kementerian Pendidikan memang, kalau siapa jadi pegawai di sana, memang mereka ini ibarat komando dalam tentera. Sungguh-sungguh pun. Masalah macam-macam, Tuan Yang di-Pertua. Cirit-birit di sekolah, Ketua Pengarah kena, menteri kena.

Saya perasan menteri, dia buka surat khabar pagi-pagi, dia bukan cari kolum saham lagi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi dia cari kolum mana budak-budak kena dera, guru buat perangkaikah, itu dahulu dia cari tiap-tiap hari.

Jadi, kita minta ataupun kalau boleh, JPA. JPA beri banyak lagi pegawai-pegawai di dalam Kementerian Pendidikan ini. Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup pegawai. Satu pegawai jaga macam-macam, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, Pejabat Pendidikan Daerah. Kerusi yang pegawai duduk itu, spring pun sudah terkeluar. Dia tarik seluar orang itu jenuh. Ini kena tengok, Tuan Yang di-Pertua. Pejabat mereka bagi kemas elok sedikit. Barulah kita boleh bawa budak-budak ini naik sampai ke satu tahap yang cukup baik. Barulah sesuai kita hendak isi dalam pusat pengajian tinggi sama ada yang swasta atau yang awam ini.

Jadi, saya pun mengucapkan syabas kepada menteri ini. Macam mana berat pun, senyum macam itulah. Itulah Tuhan beri kelebihan. Jadi, Akta bapak, anak perbetulkan. Akta dahulu Allahyarham Tun Razak buat, orang lain mana berani. Bila tiba tang anak juga yang berani. Harta pusaka memang turun macam itu, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)* Orang lain pergi rongkai, teruk. Dia makan balik tu.

Jadi, inilah saya beri terima kasihlah kepada menteri dan timbalan menteri itu, daripada muda sampai ke tua beruban, hendak buat macam mana, fikir lebih. *(Ketawa)*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
Minta gulung. *(Ketawa)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:
Tuan Yang di-Pertua, cuma saya mengucapkan syabas kepada kementerian, kepada Dato' Menteri, timbalan-timbalan menteri dan kepada semua pegawai ini. Pada tahun ini banyak yang kita buat, yang kita bahas, banyak yang kita kena buat. Ini hendak gulung.

Cuma ini harapan rakyat kepada Kementerian Pendidikan. Macam mana Kementerian Pendidikan mentadbirkan....

(Bekalan elektrik terganggu seketika)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila, teruskan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:
Boleh teruskan, Tuan Yang di-Pertua? Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah Kementerian Pendidikan banyak bersabar, daripada menteri, timbalan menteri dan ketua-ketua pengarah kerana yang ini adalah amanah rakyat dan harapan rakyat.

Saya harap parti-parti pembangkang, saya harap kepada Yang Berhormat dari PAS kita ini, tidak usahlah dok buat road show. Bukan untung apa, rakyat rugi kena derma lagi. Yang untung orang berniaga kacang putih dengan sarbat, depa untung.

Di sinilah tempatnya kita hendak bahas, kita hendak kata apa kerajaan dan kita terima dan semua wakil rakyat kerajaan pun, yang mana kerajaan tidak betul, kita tegur. Kita tidak duduk diam. Tidak payah kita harap Kepong ataupun Tanjong bercakap. Kita bercakap sendiri kerana kita tahu ini adalah negara demokrasi dan saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, dengan kelulusan ini, kita akan satu hari nanti sebuah negara, selain dari industri-industri lain, industri pendidikan akan menjadi salah satu dari industri yang termasyhur di rantau ini dan akan menjadi tarikan kepada negara-negara jiran dan negara-negara lain untuk belajar di negara kita ini.

Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pokok Sena.

7.07 mlm.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Pokok Sena): Tuan Yang di-Pertua, terima kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kepada Yan yang telah berhenti. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyokong rang undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan saya rasa ini adalah satu cara untuk kita menuju ke arah Wawasan 2020 supaya negara kita akan menjadi satu negara yang maju di segi pendidikan dan akan menjadi salah satu negara pengeluar manusia yang berpendidikan tinggi.

Walau bagaimanapun, saya minta beberapa perkara, sebab saya hendak bercakap pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali yang saya takut, dahulu bila Yang Berhormat bentang kisah Akta Pendidikan, satu akta yang baru, perkara yang paling saya takut ialah pengaliran guru-guru daripada sekolah luar bandar kepada sekolah swasta di dalam bandar. Tetapi apabila kita hendak mewujudkan universiti swasta ini iaitu IPS, maka yang paling saya takut sekali ialah pengaliran guru-guru di universiti awam kepada universiti swasta. Kita tahu gaji di universiti swasta adalah berbeza, tinggi daripada universiti awam kita.

Jadi, saya hendak tahu, bagaimanakah kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri hendak menjaga perkara ini supaya pensyarah-pensyarah dari universiti kerajaan ini tidak mengalir ke universiti swasta. Ini yang saya hendak tahu sebab perkara ini yang paling saya takut sekali.

Yang kedua, saya ingin tahu bagaimana pihak kementerian hendak mengawasi tentang kemasukan pelajar-pelajar ke universiti swasta supaya tidak ada sabotaj berlaku. Sebab kita takut bila universiti ini diswastakan akan berlaku, bila ada sesuatu golongan yang hendak memasuki

universiti swasta, barangkali pada ketika itu sudah ada universiti swasta yang terkenal, bila ada sesuatu golongan hendak masuk, maka adalah tekanan-tekanan mengatakan bahawa ini tidak cukup dan itu tidak cukup.

Walaupun kita ada mempunyai tabung yang besar untuk memberi bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar ini, tetapi masih ada tekanan-tekanan daripada pihak universiti untuk menghalang sesuatu kaum untuk memasuki universiti. Ini saya minta supaya perkara ini, kementerian hendaklah menentukan tentang kuota ataupun tentang bagaimana supaya kesemua rakyat Malaysia kita, sesiapa sahaja berpeluang untuk ke universiti swasta ataupun ke mana-mana IPTS atau IPTA ini, maka dia akan dapat bantuan yang Yang Berhormat telah mengumumkan dalam Persidangan Perwakilan UMNO baru-baru ini iaitu Tabung Pendidikan Nasional dan saya berharap tabung ini menjadi suatu tabung yang besar supaya tidak ada queue.

Bila seseorang itu mendapat peluang kemasukan ke sebuah universiti, maka dia cuma memberitahu kepada Jawatankuasa Tabung itu bahawa dia dapat ke universiti-universiti, sama ada swasta ataupun universiti kerajaan, maka dia dengan sendiri mendapat, tidak gaduh queue. Kalau kena queue, maka dapat dekat adik beradik, Ahli Majlis itu sahaja. Macam yang biasa berlaku. Sebab kita hendak pergi lobi, jumpa menteri. Macam sekarang ini, kena jumpa wakil rakyat, kena jumpa timbalan menteri, jumpa menteri, baru dapat.

Jadi, kita tidak mahu itu. Kita mahu supaya tabung ini menjadi suatu tabung yang besar. Tidak gaduh seseorang itu, bila mendapat peluang, dia akan mendapat pinjaman ataupun mendapat peruntukan daripada tabung ini. Ini yang saya minta supaya Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian perkara ini. Kalau

boleh, di samping tabung ini, untuk memberi peluang lebih banyak lagi, bank-bank dalam negara kita mempunyai satu skim, sesiapa sahaja yang mendapat peluang ke universiti, IPTS atau IPTA, maka dia boleh dapat banyak punca daripada Bank Rakyat, Malayan Banking, Bumiputera dan dari tabung ini, dia banyak mempunyai peluang.

Jadi, saya harap dengan keadaan ini maka peluang untuk memasuki ke institusi pendidikan tinggi awam dan swasta ini, maka kesemuanya, tidaklah timbul masalah yang dibangkitkan oleh Semangat 46 dan PAS ini, maka saya dapati dalam ucapan sehari dua ini, mereka ini tidak berapa percaya kepada menteri. Bila ada kuasa menteri ini, depa takut. Oleh sebab depa dok percaya kata depa seumur hidup tidak akan memerintah. (*Ketawa*)

Kalau depa tahu depa akan memerintah, depa tidak akan pertikaikan bahawa kuasa menteri itu, "oh, satu hari kami pun jadi menteri". Jadi, depa sudah tahu. Sebab itu yang dok bangkitkan perkara ini, Yang Berhormat dari Nilam Puri.....

Seorang Ahli: Kubang Kerian.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Kubang Kerian! Minta maaf, dok ingat yang lama, fasal Nilam Puri baik, Kubang Kerian ini tidak berapa baik sedikit! (*Ketawa*) Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Yang Berhormat dari Gua Musang ini dok takut kuasa menteri ini fasal itulah, Tuan Yang di-Pertua.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Menteri, yang depa dok takut ini, bukan fasal lain, sebab depa tahu mereka tidak akan memerintah dan kuasa menteri itu depa takut kita menyeleweng. Depa tidak percaya dekat kita.

Sebab itu saya tidak mahu cakap banyak. Saya percaya penuh kepada menteri. Sebab itu tadi saya tidak berapa hendak cakap. Yang Berhormat Kota Melaka dok tanya saya, bila hendak bercakap, bila hendak bercakap? Saya kata, saya tidak bercakap sebab saya percaya kepada menteri. Apa yang menteri cakap ini cukup elok, cuma hendak komen sedikit-sedikit sahajalah, kot-kot boleh perbaiki dan mudah-mudahan anak-anak Melayu dan anak-anak masyarakat desa, terutama sekali di Pokok Sena, sebuah kawasan luar bandar di mana terdiri daripada orang-orang miskin, kalau dapat peluang, kalau ada seperti apa yang saya katakan, tabung-tabung yang besar, punca-punca kewangan dan pinjaman daripada bank-bank yang banyak duit ataupun ada orang-orang kaya yang banyak, macam Yang Berhormat dari Yan ini, membuat Yayasan Badruddin, maka senanglah sedikit anak-anak, terutama sekali anak-anak di kawasan saya, orang-orang di luar bandar mendapat peluang ke universiti ini.

Selain daripada itu, saya tidak ada lain melainkan memberi tahniah kepada Yang Berhormat.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Hendak habis pun nak minta penjelasan lagi? Okay.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Pokok Sena. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanyalah, kalau boleh Pokok Sena bersetuju atau tidak, saya mencadangkan bahawa tabung-tabung ini juga kita salurkan ke negeri-negeri supaya negeri-negeri ini, kadang-kadang kerajaan negeri dia bukanlah kaya, jadi dia tidak ada duit dan dia beri ala kadar sahaja untuk anak-anak itu belajar, terutama sekali dalam biasiswa pendidikan agama ini.

Jadi, adakah tabung ini, kalau kita turun ke negeri-negeri, supaya negeri-negeri pun ia mudah, dengan cepatnya mempercepatkan permohonan-permohonan tersebut? Kerana saya perhatikan, biasa saya tengok, seorang bapa, bila anaknya masuk universiti, bila anak dia dapat surat mengatakan anaknya dapat masuk universiti, dia jadi macam orang bisu kena gigit tebulan.

Tuan Yang di-Pertua: Orang apa?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Orang bisu kena gigit tebulan!

Tuan Yang di-Pertua: Oh, tak pernah dengar itu! (*Ketawa*) Pokok Sena dia boleh terangkan, Tuan Yang di-Pertua. Macam mana, Yang Berhormat setuju tak?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tadi saya mencadangkan satu tabung yang besar ini, ia menyeluruh. Sesiapa sahaja, dia duduk di ceruk mana, di Yan, Pokok Sena, di Perlis atau di Kelantan, sesiapa sahaja, bila dapat sahaja kelulusan daripada sesuatu universiti, sama ada IPTS atau IPTA, maka dia akan diberi pinjaman. Bila dia dapat kerja, sekarang ini zaman teknologi, bila dia petik nombor kad pengenalnya, keluarlah dia bekerja di mana, potonglah balik hutang itu!

Tidak macam dahulu, macam Yang Berhormat dari Kubang Kerian itu, dia masuk MARA, sampai keluar tak bayar lagi hutang MARA! (*Ketawa*)(*Disampuk*) Sebab zaman itu zaman tak teknologi, ia tidak ada. Hendak kena cari kad pengenalan, hendak buka buku, susah. Zaman la ni, petik, bubuh nombor kad pengenalan, macam Tabung Haji, beri kad pengenalan, dia petik, dia sudah tahu banyak mana ada duit. Cukup atau tidak cukup.

Sekarang sudah zaman moden. Jadi, kalau kita beri pinjaman di keseluruhan, kira seluruh negara, di mana-mana sahaja.

Tabung Pendidikan Nasional. Jadi, keseluruhan. Sama ada selepas itu ada pegawai-pegawai di tiap-tiap negeri itu, saya bersetujulah supaya hendak menyenangkan lagi.

Tentang orang bisu kena gigit tebulan ini Tuan Yang di-Pertua, dia tak tahu nak habak, dia dok keriau sahaja. Dia hendak habak sakit itu tidak boleh. Dia ini selalunya orang kalah pilihan, kalah jadi Ketua Bahagian selalu yang macam orang bisu kena gigit tebulan ini. Dia hendak habak macam mana dia kalah itu dia tak mengerti. Tetapi ada macam Langkawi ini, dia menang pun dia macam orang bisu kena gigit tebulan! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tadi sudah hendak habis. Jadi oleh sebab Yan ini dia bangun minta, itulah saya bangun di sini memang saya berjanji hendak cakap pendek sahaja, tambah pula Yang di-Pertua, jadi saya menyokong penuh rang undang-undang ini dan saya berharap supaya rang undang-undang ini menjadi suatu rang undang-undang yang akan memberi nikmat kepada keseluruhan masyarakat kita, terutama sekali masyarakat kita di zaman 2020 di mana kementerian ini adalah satu kementerian yang kita anggap sebagai satu factory yang akan mengeluarkan masyarakat tahun 2020.

Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Segambut.

7.19 mlm.

Tuan Tan Kee Kwong (Segambut): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun malam ini untuk membahaskan perkara ini iaitu Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, pelan strategik pendidikan.

Sekiranya selepas 25 tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, kita masih

berpandukan kuota perkauman untuk memastikan perwakilan dalam institusi pendidikan tinggi, ini akan menunjukkan bahawa terdapat kekurangan atau kesilapan dalam sistem pendidikan sekolah rendah dan menengah negara kita.

Selain itu pula, ia juga gagal meningkatkan pencapaian akademik pelajar bumiputera. Kita sekurang-kurangnya perlu melakukan perkara-perkara berikut:

Decentralisasi pembuat keputusan dalam sistem pendidikan. Standard pencapaian akan dirangka diperingkat kementerian, namun pendekatan mengajar untuk guru harus diberi pengawalan yang besar. Guru harus diberi tanggungjawab untuk mencapai standard pencapaian yang telah ditetapkan.

Dalam konteks ini, guru seharusnya diberi kebebasan untuk memilih pendekatan pengajaran dan buku-buku teks. Guru-guru dan orang yang berkecimpung dalam bidang pendidikan juga perlu diberi kebebasan untuk menulis buku teks dan terpulang kepada pasaran untuk memastikan buku mana yang akan digunakan dan bukannya mengawal penggunaan buku teks.

Kadar pulangan yang tinggi dalam pendidikan tinggi menunjukkan permintaan yang besar terhadap mahasiswa dari institusi berkenaan. Memandangkan penawaran sektor awam dihadkan oleh kewangan awam, maka sektor swasta akan mempunyai peranan yang penting untuk dimainkan. Institusi sektor swasta telah dibuktikan lebih berkesan berbanding dengan institusi awam. Maka, sekali lagi ini adalah perkara tanggungjawab dan accountability.

Desentralisasi pembuat keputusan akan menyebabkan ketidakberkesanan kerana unit desentralisasi pembuat keputusan adalah jauh diasingkan dari pasaran

pekerja tempatan. Maklumat pasaran pekerja yang lebih sempurna adalah diperlukan. Maklumat pasaran pekerja yang baik yang mana adalah amat berkurangan di Malaysia akan membekalkan lebih banyak maklumat kepada pelajar dan ibu bapa untuk membuat keputusan. Maklumat pasaran pekerja yang baik juga akan membekalkan visi masa depan kepada pelajar memandangkan visi adalah penting kerana ia akan mempengaruhi pencapaian pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti sekolah adalah bidang yang perlu diberi lebih banyak penekanan. Kebanyakan sekolah di Malaysia adalah berada dalam keadaan yang kurang memuaskan, begitu juga dengan institusi pendidikan tinggi. Kita tidak boleh berharap untuk melahirkan generasi masa depan yang bangga dengan pekerjaan mereka sekiranya institusi latihan mereka gagal membekalkan perasaan kebanggaan kepada mereka. Persekitaran fizikal mesti sesuai untuk pendidikan. Kualiti sekolah yang mana merangkumi persekitaran fizikal akan mempengaruhi pemikiran pelajar dan perasaan terhadap mereka sendiri serta akan mempengaruhi kehadiran dan sikap mereka terhadap pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, kemampuan untuk pendidikan tinggi swasta, ada banyak komen dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Kita semua berharap bahawa seiring dengan dorongan dan penubuhan lebih banyak pusat untuk pendidikan tinggi swasta. Kos pendidikan akan menjadi lebih murah berbanding dengan belajar di Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan lain-lain.

Dalam masa lampau, ramai ibu bapa telah membuat banyak pengorbanan untuk menghantar anak mereka belajar di luar negeri. Satu kes yang benar ialah seorang lelaki yang memiliki rumah di Subang Jaya terpaksa menjual rumahnya demi menghantar anaknya belajar di United

Kingdom. Seiring dengan ini, dia terpaksa pula menyewa rumah tersebut dari pemilik baru agar mempunyai tempat tinggal.

Penggunaan bahasa Inggeris dalam universiti swasta.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa di kebanyakan negara. Pelajar kita di peringkat sekolah atau di universiti seharusnya fasih menulis dan bertutur dalam bahasa Inggeris. Hanya dengan memberi penekanan yang teliti kepada bahasa Inggeris barulah dapat kita melahirkan ahli politik, pentadbir, diplomat, peniaga yang baik. Bagaimana kita mencapainya? Ia memang tidak dapat dicapai dengan sekelip mata. Ramai pelajar masa kini lemah dalam bahasa Inggeris dan ini menyebabkan mereka tidak dapat menguasai kursus-kursus tertentu di universiti. Maka, kita terpaksa kembali ke peringkat sekolah rendah dan menengah.

Saya mencadangkan agar Kementerian Pendidikan mewajibkan pelajar semestinya mendapat kredit dalam mata pelajaran bahasa Inggeris di SPM sebelum mereka dianugerahkan sijil SPM. Dan bila kita akan melaksanakannya? Sekiranya kita memberi perhatian serius terhadap perkara ini, ia mesti dilaksanakan secepat mungkin. Dengan ini saya mencadangkan ia dimulakan pada tahun 2001. Dengan ini guru, ibu bapa dan pelajar akan mempunyai masa yang mencukupi untuk menghadapi keperluan baru ini.

Berlandaskan ini, saya menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tumpat.

7.26 mlm.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Terima kasih

kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberi kepada saya untuk ikut mengemukakan pandangan dan membahas Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

Di mana sebelum daripada ini Dewan telah pun meluluskan tiga akta yang berhubungan dengan pendidikan negara. Antara lain, bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu. Yang kedua, mensetarakan mutu pendidikan negara dengan mutu pendidikan negara-negara maju. Yang ketiga, untuk menyekat aliran keluar wang yang begitu banyak ke luar negara dan yang keempat, untuk menyekat tenaga profesional daripada berhijrah ke negara-negara lain kerana tawarannya yang lebih lumayan atau dengan lain perkataan, untuk mencapai gagasan Wawasan 2020 Perdana Menteri.

Saya sanjung tinggi cita-cita besar Perdana Menteri, tetapi di sebalik cita-cita besarnya apakah akan jadi nasib bahasa rasmi negara dan golongan-golongan yang berpendapatan rendah? Apakah mampu menghadapi cabaran yang begitu besar dan mencabar? Dan institusi pendidikan tinggi swasta sekaligus akan bersaing dengan institusi pendidikan tinggi tempatan atau korporat. Siapakah yang akan menang dalam perlumbaan ini?

Tuan Yang di-Pertua, di sini sukalah saya untuk mengingatkan kerajaan yang ada pada hari ini iaitu tentang sejarah pendemokrasian ilmu di Jepun yang bermula pada Era Restorasi Meiji iaitu pada tahun 1868 sehinggalah 1912 setelah Komodor Ferry berjaya memaksa Jepun membuka pintunya kepada kuasa Barat. Ancaman kuasa yang mendorong Meiji memulakan strategi pemodenan di Jepun.

Antara strategi Meiji ialah membina masyarakat Jepun bagi memiliki ilmu pengetahuan moden. Beribu-ribu pemuda Jepun dihantar ke negara-negara Eropah

untuk mengimport pengetahuan. Mereka diarahkan belajar bahasa-bahasa Eropah dan menterjemahkan karya-karya sains dan teknologi Barat untuk disebarluaskan ke setiap lapisan masyarakat Jepun.

Ini dilakukan dengan kesedaran bahawa Jepun akan mengimport dan menyebarkan unsur-unsur kemodenan yang diinginkan sahaja. Proses penterjemahan mengupayakan universiti-universiti Jepun mengajarkan ilmu-ilmu Barat dengan serta-merta kepada puluhan ribu mahasiswanya waktu itu.

Strategi yang kedua ialah membolehkan setiap ilmu yang diimport dapat dibaca oleh setiap rakyat Jepun di universiti dan di luar universiti. Ini dilakukan dengan dua cara. Pertama, mengarahkan semua universiti Jepun pada waktu itu menukarkan bahasa pengantarnya daripada bahasa Cina klasik kepada bahasa Jepun pada masa itu. Bahasa Cina adalah bahasa golongan ilmuwan dan cendekiawan di Jepun. Bahasa Jepun pula terdiri daripada empat dialect sosial iaitu yang paling atas dialect golongan bangsawan, diikuti dengan dialect samurai, perdagangan dan yang paling rendah dialect petani yang juga dituturkan oleh kaum wanitanya.

Untuk menjamin semua lapisan rakyat Jepun akan mendapat ilmu pengetahuan moden, Taiko Gawa memerintahkan supaya dialect petani dijadikan bahasa pengantar universiti dan bahasa penterjemahan ilmu. Kaedah ini kemudiannya dilakukan juga oleh Korea.

Tuan Yang di-Pertua, revolusi bahasa yang dilakukan oleh Meiji menghasilkan apa yang diistilahkan sebagai revolusi produktiviti di kalangan golongan rakyat terbawah masyarakat Jepun. Dalam masa tidak sampai 30 tahun ramai di antara mereka berjaya menjadi golongan kelas menengah dengan pendapatan yang menyamai golongan pedagang dan

samurai. Jumlah itu semakin hari semakin besar dan ramai berjaya menjadi golongan pemodal. Ilmu mulai membolehkan orang-orang Jepun menciptakan alat-alat baru, proses baru, bahan-bahan baru, hasil-hasil tanaman baru, teknik-teknik baru dan apa sahaja yang hari ini kita kenali sebagai teknologi Jepun.

Ciptaan-ciptaan revolusi industri Barat dengan cepatnya dapat dipelajari dan mereka menerapkan dalam setiap bidang kehidupan secara menyeluruh melintasi segala sempadan sosial dan ekonomi kerana tidak ada lagi tembok linguistic yang memisahkan rakyat jelata daripada maklumat.

Proses pemodenisasi bahasa Jepun menghapuskan kepongangan ilmu yang dialami oleh bangsa Jepun sepanjang waktu yang dijajah oleh bangsa China. Gejala kepongangan ilmu kini masih berlaku di negara-negara Benua Afrika Latin, Afrika, India dan negara-negara bekas Soviet Union di mana bahasa bekas penjajah terus berfungsi sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara-negara itu. Gejala ini masih berlaku di Filipina. Hujah yang lebih kuat untuk menyokong teori ini adalah daripada sejarah kebangkitan negara-negara Eropah. Pemerintah Empayar Romawi memaksa universiti-universiti seluruh Eropah menggunakan bahasa orang Rome iaitu bahasa Latin sebagai bahasa pengantar. Akibatnya selama 500 tahun ilmu pengetahuan terkepong di kalangan segelintir elit di Eropah waktu itu, manakala rakyat jelata hidup dalam kejahilan ilmu.

Kejatuhan Empayar Rome. Tuan Yang di-Pertua, dan bangkitnya bangsa-bangsa Eropah dahulu mendirikan apa yang diistilahkan sebagai konsep negara-negara bangsa dalam abad ke-18 yang membawa era baru setiap bekas tanah jajahan Empayar Rome seperti Jerman, Perancis, Sepanyol, Belanda dan Inggeris

menggantikan bahasa Latin dengan bahasa masing-masing sebagai bahasa pengantar.

Dengan demikian berlakulah gejala pendemokrasian ilmu dalam setiap bahasa-bahasa Eropah. Karya-karya sebelumnya dalam bahasa Latin diterjemahkan kembali ke dalam bahasa ibunda mereka. Ini saya hendak memperingatkan kerajaan Barisan Nasional. Di antara kita sendiri pun ada yang tidak faham tentang hal ini kerana mereka tidak membaca sejarah Eropah, Jepun dan Korea. Sebelum daripada era pemodenan negara-negara itu, ramai pula yang tidak dapat membezakan istilah bahasa pengantar dengan istilah lain seperti bahasa komunikatif, bahasa perdagangan, bahasa diplomasi dan sepeertinya.

Hasrat hendak menjadikan bahasa asing sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan di negara ini akan menciptakan semula gejala kepongakan ilmu yang telah berjaya dirobuhkan oleh Penyata Razak. Ia akan menghentikan arus pendemokrasian ilmu yang sudah 12 tahun berlaku di kalangan rakyat jelata Malaysia dan tidak memungkinkan berlakunya gejala wabak ilmu.

Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara ini akan menyebabkan 80% rakyat kita tercicir daripada arus kemajuan ilmu. Sebahagian besar ialah pelajar-pelajar Melayu, pelajar-pelajar Cina daripada pekan-pekan kecil dan para pelajar-pelajar India di ladang-ladang akan senasib dengan mereka, ini kerana bahasa Inggeris berpusat di bandar-bandar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan 80% pelajar kita tercicir daripada ilmu sains, teknologi dan matematik, kita kembali kepada keadaan sebelum tahun 1973 apabila jumlah mahasiswa Melayu di Universiti Malaya ialah 12% dan bagi fakulti-fakulti aliran sains, jumlahnya ialah 1% sahaja. Teori yang menyatakan bahasa Inggeris dapat melajukan lagi kadar

perkembangan ilmu di negara peminjamnya sudah diuji selama 150 tahun di Benua India, 60 tahun di Benua Afrika dan 50 tahun di Filipina dengan mereka semua masih terus menguji teori itu sedangkan teori bahasa nasional sudah lama membuktikan dirinya betul.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan Rang Undang-undang sekarang, Bahasa Kebangsaan tidak lagi menjadi syarat penubuhan mana-mana universiti swasta. Ini bererti kerajaan yang ada sekarang ini sudah mula membelakangi ciri-ciri kepentingan negara yang diperjuangkan oleh kepimpinan negara masa lalu. Konsep Universiti Merdeka yang ditolak di zaman Tun Abdul Razak ini telah diterima oleh anak beliau, tidak ada dalam Dewan, bak kata pepatah Melayu; sekali bah, sekali pantai berubah. Hasrat kerajaan dengan diluluskan akta ini untuk menarik seramai mungkin pelajar-pelajar asing datang belajar ke negara ini mungkin akan menjadi kenyataan, tetapi persoalannya. Tuan Yang di-Pertua, adakah mereka berminat untuk mempelajari bahasa Malaysia kerana bahasa Malaysia tidak diwajibkan kepada mereka.

Sementara Perdana Menteri sendiri pernah menegaskan beberapa kali tentang kepentingan bahasa Inggeris terutama mata pelajaran sains dan teknologi dibenarkan diajar dalam bahasa Inggeris. Ini bermakna, akta yang dikemukakan sekarang ini menggambarkan ketidakyakinan kerajaan Barisan Nasional untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan atau dengan lain perkataan, menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa ilmu dalam negara kita ini sebagaimana Belanda, Jepun, Perancis dan Jerman.

Bahasa Kebangsaan yang sekian lama diperjuangkan sudah mulai gerhana, apa nasibnya selepas ini akan senasib dengan Pak Kadok; menang sorak kampung tergadai. Sama-samalah kita tunggu dan pemimpin-pemimpin sekaranglah yang

akan bertanggungjawab. Kepada Menteri Pendidikan, ingin saya bertanya, dalam konteks ini bagaimana caranya untuk kita mendaulatkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa ilmu dalam negara kita ini di masa-masa yang akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya berpendapat Malaysia belum sampai masanya untuk menerima akta ini kerana Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta tidak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama atau tidak mendaulatkan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi. Ini secara tidak langsung boleh menggugat kedudukan Perlembagaan Negara yang telah menegaskan bahawasanya bahasa rasmi negara adalah Bahasa Kebangsaan di bawah peruntukan yang telah sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, kesan besar daripada akta ini bahawasanya institusi swasta akan menguntungkan golongan yang berada semata-mata dan akan menambahkan lagi jurang pemisah antara yang kaya dengan yang miskin. Ini bererti orang-orang Melayu akan ditinggalkan semakin jauh di dalam perkembangan pengajian tinggi swasta di dalam negara kita ini, tidak akan membantu keharmonian kaum dan kestabilan negara di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, apakah Menteri Pendidikan dapat meyakinkan Dewan ini bahawa penyertaan orang-orang Melayu atau orang-orang Islam dalam pusat pengajian tinggi swasta di masa-masa akan datang akan tidak bertambah sempit terutama yang disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi dan faktor-faktor sosial. Pelajar bukan Melayu sudah tentu ramai akan pergi ke universiti swasta, dengan itu taraf universiti swasta yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar akan lebih tinggi dipandang oleh masyarakat kita. Sementara universiti tempatan yang masih menggunakan Bahasa Malaysia di dalam

beberapa kursus akan menjadi universiti second class, dengan izin, kerana universiti swasta dipandang tinggi statusnya, lebih-lebih lagi ia akan melahirkan ahli-ahli sains dan teknologi.

Sebagaimana yang didakwakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, gaji kakitangan IPT swasta akan lebih tinggi kerana pelajarnya mampu membayar yuran yang tinggi, dengan itu berlakulah pemindahan pensyarah daripada universiti tempatan kepada universiti swasta. Ini akan memberi kesan yang buruk kepada kedudukan universiti tempatan. Kita melihat universiti tempatan di masa-masa akan datang tidak lagi menjadi sebagai pemimpin kepada institusi pelajaran di negara kita ini.

Dengan lulusnya rang undang-undang ini, banyak IPTS akan ditubuhkan yang membawa kesan kepada golongan korporat akan menguasai sektor pendidikan dan ianya akan menjadi barangan komoditi perdagangan sepenuh-penuhnya; demi kepentingan wang, golongan korporat yang menguasai sektor pendidikan ini akan hanya memikirkan masalah keuntungan semata-mata. Inilah yang direstui oleh pimpinan Barisan Nasional dengan adanya Rang Undang-undang IPT swasta ini. Persoalannya, mengapakah kerajaan begitu terburu-buru membuat rang undang-undang ini sedemikian rupa sehingga sanggup mengorbankan kepentingan nasional, bahasa, moral dan agama?

Kerajaan seharusnya ingat bahawa pendidikan adalah merupakan pelaburan yang amat penting. Hal ini merupakan suatu cara bahawa kerajaan yang mengutip cukai daripada rakyat mengembalikan semula perbelanjaan sosial kepada pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang wakil rakyat daripada Barisan Nasional, saya melihat ada juga menyentuh beberapa persoalan ketidakpuasan mengenai akta

yang sedang dikemukakan di hadapan kita sekarang. Ada di antaranya yang meminta supaya kuota IPTS yang akan ditubuhkan, yang akan tumbuh di negara kita ini diberi 30%-40% kepada bumiputera. Ini juga satu persoalan yang saya rasa satu perkara yang seolah-olah IPTS itu bukan kepunyaan kita. Seolah-olah IPTS itu kepunyaan orang lain, kita yang menjadi peminta.

Saya ingin mengetahui daripada Kementerian Pendidikan, apa yang saya difahamkan sebelum daripada ini, kedudukan IPTS yang ada di negara kita ini, pelajar-pelajar yang belajar di sana ialah orang Melayu 1/50. Satu orang Melayu, 50 yang bukan Melayu, ini adalah satu keadaan yang amat merbahaya, kalau persoalan seperti ini kita biarkan ataupun kita tidak cuba-cuba untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, ada cadangan daripada pihak wakil rakyat-wakil rakyat dari Barisan Nasional terutama daripada UMNO yang mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan tabung bagi mengatasi masalah supaya penyertaan orang Melayu di dalam IPTS ini tidak akan mengalami satu kegerhanaan sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi. Apakah pihak kementerian boleh memberi jaminan bahawa apabila tabung ini ditubuhkan dan wang dapat dikumpulkan? Apakah pihak menteri dapat memberi jaminan bahwasanya wang itu akan disalurkan dengan sebaik-baik yang mungkin kepada rakyat yang berhak untuk menerimanya?

Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, takut sekiranya jadi apa yang pernah terjadi di Kelantan dalam beberapa isu. Misalnya ialah isu baja. Apabila persoalannya telah ada di tangan orang-orang yang mempunyai kepentingan, maka wang itu tidak disalurkan kepada orang yang betul-betul berhak, kadang-kadang dipilih bulu, mana yang sebulu dengan mereka, maka wang itu disalurkan. Kalau tidak sebulu

dengan mereka, walaupun mereka itu berhak untuk menerima wang itu, mereka tidak disalurkan wang itu.

Ada lagi beberapa cadangan daripada wakil-wakil UMNO tentang ketidakpuasan daripada Akta yang dikemukakan ini dan saya ikut sependapat dengan mereka sebagaimana wakil daripada Parit Sulong dan juga wakil dari Tanjong Karang yang meminta supaya persoalan-persoalan kuota, persoalan-persoalan penggunaan Bahasa Melayu mestilah dipertegaskan dalam pelaksanaan Akta IPTS. Memang kalau kita lihat di sini dalam Fasal 42, memang Bahasa Kebangsaan akan dijadikan syarat utama, tetapi di sana juga ada menjelaskan bahawa pihak menteri mempunyai hak untuk menentukan apakah Bahasa Melayu itu akan diwajibkan ataupun tidak? Inilah satu clause yang saya rasa kurang meyakinkan kami pihak pembangkang dan kami tidak boleh menerima keadaan ini sebab kita rasa bimbang mungkin menteri yang ada sekarang ini beliau dapat menjalankan tugasnya dengan baik. Jadi, tidak mustahil apabila ada penggantian menteri di masa-masa akan datang, mungkin satu hal yang negatif akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, sukalah saya menyentuh sedikit Fasal 43 mengenai mata pelajaran agama Islam yang akan menjadi mata pelajaran wajib dalam IPTS. Persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ini hanya menyebut "mata pelajaran agama akan menjadi mata pelajaran yang wajib".

Di sini tidak disebut dan diserahkan kepada menteri atas kebijaksanaan menteri untuk menentukan, masalah waktu atau masa yang diperuntukkan kepada mata pelajaran agama atau kepada orang yang bukan beragama Islam iaitu mata pelajaran etika atau mata pelajaran Moral, mungkin masa yang diperuntukkan 45 minit seminggu— mungkin 1 jam. Di sini, saya

mengharapkan kepada menteri, walaupun saya tidak setuju dengan akta ini, tetapi mahu tidak mahu akta ini akan diluluskan oleh kerajaan.

Di sini, saya mengharapkan kepada pihak menteri terutamanya yang mempunyai kuasa supaya memberi ruang yang lebih luas kepada mata pelajaran agama Islam di dalam IPTS. Misalnya dengan masa yang begitu terbatas dengan satu subjek misalnya satu-satu IPTS untuk melepaskan tanggungjawab ini supaya dia dapat ditubuhkan, maka dia terima syarat-syarat ketentuan Fasal 43 ini. Maka kemungkinan IPTS itu akan menentukan peruntukan 30 minit seminggu pada subjek agama—kemungkinan begitu. Tetapi saya rasa kalaulah hanya sekadar itulah masa yang diperuntukkan untuk mata pelajaran agama Islam atau mata pelajaran Moral, maka keadaan tidak akan banyak berubah. Masalah moral, masalah etika, masalah akhlak adalah merupakan masalah penting dalam semua sistem dalam negara kita ini, sama ada ekonomi, sistem sosial dan khususnya sistem pendidikan.

Sebagaimana kita lihat sekarang ini banyak benda-benda negatif yang berlaku di sekolah-sekolah, di universiti-universiti dan sebagainya. Masalah keruntuhan moral, kerosakan moral yang berlaku di kalangan pelajar-pelajar ini bukan kerana lain saya rasa, bahkan kerana di sana tidak menekankan masalah mata pelajaran agama Islam dan mata pelajaran Akhlak ataupun Moral pada orang-orang yang bukan beragama Islam.

Akhirnya, saya minta sekali lagi dan saya merayu kepada menteri supaya peruntukan dan Fasal 43 ini mestilah dipertegaskan dengan memberi ruang yang lebih luas atau masa yang lebih lama kepada pengajaran agama Islam atau pelajaran etika kepada yang bukan Islam untuk IPT di masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jerantut.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Kuala Nerus, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

7.50 mlm.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 yang telah dibahaskan oleh beberapa orang rakan saya sebelum ini. Saya bangun untuk menyokong rang undang-undang ini dan mengucapkan tahniah kepada Menteri Pendidikan yang telah menunjukkan kesungguhan di dalam reformasi pengurusan pendidikan tinggi dengan lebih teratur tanpa merubah status universiti awam yang sedia ada.

Saya yakin dan percaya bahawa dengan terlulusnya rang undang-undang ini, maka akan terlaksanalah beberapa mekanisme-mekanisme baru untuk mengawal selia institusi pengajian tinggi di negara ini. Sejarah penswastan universiti, ataupun universiti gabungan, ataupun dengan izin, twin university, bukan satu perkara baru. Kalau pada tahun 1980-an kita telah memulakan, dengan izin, Razak Chair di Ohio University Athens, kita telah memperkenalkan di Universiti Ohio tentang pengajian-pengajian South-East Asia dan kita telah menyediakan tenaga-tenaga pengajar, kita telah mengeksport tenaga-tenaga pengajar daripada Malaysia untuk memperkenalkan pengajian Malaysia di negara Eropah ataupun di negara Amerika.

Pada hari ini, kita telah memulakan satu sejarah baru yang pada awalnya dimulakan dengan pelajaran-pelajaran jarak jauh. Sebagaimana yang kita tahu

bahawa Ohio University juga pada awalnya telah memulakan kursus kerjasama dengan ITM di dalam menyediakan pelajar-pelajar di dalam jurusan MBA, malah pada tahap kedoktoran. Pada hari ini, kita telah membentuk satu akta untuk memberi peluang yang lebih baik lagi kepada generasi-generasi yang akan datang supaya dapat diberi pendedahan dan dapat diberi satu sistem pembelajaran yang lebih baik. Ini adalah satu petanda bahawa kita telah mencapai satu tahap kematangan yang boleh dibanggakan.

Saya telah meneliti rang undang-undang ini dan mendapati ianya telah menepati kehendak semua kaum di negara ini. Lebih-lebih lagi beberapa fasal rang undang-undang tersebut telah menggariskan sejelas-jelasnya ruang lingkup kepentingan institusi pengajian tinggi termasuk pengiktirafan kenaikan yuran, pengajian, pendidikan jarak jauh, program berkembar dan program-program profesional yang bersangkutan.

Saya juga melahirkan rasa sukacita saya terhadap Fasal 41 yang telah mewajibkan semua institusi swasta menggunakan Bahasa Kebangsaan. Cuma di sini, caranya bagaimana? Barangkali adalah munasabah jika saya mencadangkan supaya jika kita ingin mendaulatkan Bahasa Kebangsaan, saya mencadangkan kepada kementerian supaya untuk mengawal selia serta melaksanakan matlamat ini adalah baik kiranya kementerian mewajibkan semua IPTS menubuhkan pusat bahasa, iaitu Bahasa Kebangsaan untuk menyenangkan ataupun untuk menyediakan tenaga-tenaga pengajar asing yang datang ke negara kita supaya lebih bersedia untuk mengajar di dalam bahasa pengantaran, iaitu Bahasa Kebangsaan.

Di dalam mengendalikan kursus-kursus pengajian, pada waktu yang sama di mana institusi pengajian tinggi yang dibenarkan

oleh menteri untuk mengendalikan sesuatu kursus pengajian dalam bahasa Inggeris atau bahasa Arab, Bahasa Kebangsaan hendak diajar sebagai mata pelajaran yang wajib. Saya menyokong penuh peruntukan ini. Cumanya seperkara tentang kursus pengajian yang ditawarkan. Akhir-akhir ini, kalau kita lihat penawaran kursus daripada institusi swasta kelihatan bahawa kebanyakannya menumpukan kepada kursus-kursus ataupun pengajian-pengajian yang bercorak kursus asas ataupun yang menekankan kepada kursus-kursus berbentuk perniagaan, pengurusan dan pentadbiran. Dalam erti kata lain tidak memberi satu penawaran kursus yang berbentuk teknologi tinggi.

Saya sukalah mencadangkan kepada kementerian supaya menggalakkan mana-mana IPTS yang boleh menyediakan kursus-kursus yang berbentuk teknologi tinggi, sains gunaan ataupun memberi penekanan kepada program-program profesionalisme dan tahap program-program yang tinggi. Kerana kalau kita lihat, sebagai contoh, Institut Teknologi MARA yang pada suatu ketika dahulu merupakan satu institusi yang kaya dengan graduan-graduan di bidang teknologi ataupun pengurusan teknologi sains gunaan, di suatu waktu dahulu kursus-kursus yang ditawarkan telah dibatalkan oleh kerana kita rasakan pada waktu itu tidak ada prospek ataupun tidak ada peluang untuk graduan-graduan bekerja. Sebagai contoh, diploma in rubber and plastic technology. Dahulu kita anggap diploma itu tidak ada prospek, tidak ada peluang yang baik. Tetapi sekarang ini kalau kita lihat diploma in fishery, diploma in wood technology, diploma in textile, kita lihat bahawa pada waktu ini cukup baik dan prospeknya adalah cukup bagus.

Di sinilah peranannya dan di sinilah perancangannya perlu ada pada institusi pengajian tinggi swasta. Walaupun dari segi kosnya untuk menyediakan satu peralatan, untuk menyediakan makmal-

makmal ataupun kelas-kelas yang berbentuk heavy machinery adalah kosnya terlampau tinggi. Tetapi kita terpaksa melihat perkara ini adalah perkara utama untuk kebaikan kita, untuk menyediakan teknokrat-teknokrat kita bila kita hendak menuju kepada heavy industry.

Saya menyarankan supaya Kementerian Pendidikan di dalam meluluskan pendaftaran-pendaftaran IPTS, supaya mana-mana IPTS yang boleh menyediakan prasarana, boleh menyediakan peralatan dan kelengkapan-kelengkapan, maka kita hendaklah memberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, soal transfer credit hours. Apabila IPTS ataupun Institusi Pengajian Tinggi Swasta kita amalkan dan kita bukakan, maka kita lihat dan barangkali persoalan di mana pengiktirafan daripada universiti-universiti ataupun institusi pengajian tinggi swasta daripada satu universiti kepada satu universiti lain barangkali akan timbul satu permasalahan iaitu pengiktirafan subjek-subjek tertentu tentang membenarkan transfer credit daripada satu universiti kepada satu universiti yang lain.

Barangkali universiti 'A' tidak menerima transfer credit daripada universiti 'B' semata-mata kerana universiti 'A' berorientasikan keuntungan. Dalam erti kata yang lain, jika tidak menerima transfer credit daripada universiti tertentu boleh memanjangkan tempoh pengajian dan boleh menerima banyak lagi yuran daripada pelajar-pelajar. Ini saya rasa, boleh membebaskan pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran daripada sijil ke diploma dan seterusnya daripada diploma ke ijazah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita menyediakan graduan-graduan daripada institusi pengajian tinggi swasta ini, kalau pada hari ini kita telah pun melaksanakan

sistem perbankan tanpa faedah, kita telah pun mewujudkan satu institusi kewangan Islam, kita juga telah mengadakan takaful, kita juga akan mengadakan Islamic factoring, kita juga akan mengadakan Islamic discounting dan sebagainya. Tetapi yang ketara pada hari ini adalah di sudut penyediaan, di sudut menyediakan teknokrat-teknokrat, menyediakan para-tijarah ataupun para, dengan izin, banker yang mempunyai pengetahuan di bidang al-muamalah Islam. Pada hari ini kalau kita lihat bahawa tiap-tiap hari kita dengar di dalam TV, iklan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) dan sebagainya tetapi di sini kita tidak menyediakan diri kita, kita tidak menyediakan kursus yang sepatutnya untuk banker-banker ini mengetahui selok-belok perbankan tanpa faedah.

Jadi, adalah baik kiranya IPTS ini menekankan perkara-perkara yang sebegini. Dalam erti kata lain, kuasa-kuasa yang ada kepada pendaftar, kuasa-kuasa yang ada kepada menteri, saya sukalah mencadangkan supaya keutamaan diberikan kepada kursus-kursus yang berbentuk al-muamalah Islam. Jangan satu masa nanti, apa yang telah kita laksanakan, apa yang telah kita galakkan dan apa yang telah kita promosikan, kita gagal oleh kerana kita tidak dapat menyediakan para graduan yang mempunyai disiplin, yang mempunyai kelayakan dan pengalaman bersesuaian dengan bidang-bidang yang kita kehendaki.

Akhirnya, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang saya lihat menunjukkan satu kesungguhan yang saya kira tanpa kerjasama dan tanpa ketekunan di dalam menyemak kembali akta-akta ini, saya rasa perkara ini tidak boleh dilakukan. Jadi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Seputeh.

8.03 *mlm.*

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, tentang IPTS, rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah pun menghuraikan begitu luas dan mendalam tentang aspek implikasi konsep ataupun pelaksanaan IPTS di tanah air kita ini dan juga telah pun berbangkit beberapa masalah yang kita menghadapi terhadap kemajuan IPTS di tanah air kita hari ini. Saya cuma mengambil sedikit masa sahaja untuk menyentuh satu perkara tentang masalah iaitu kemajuan IPTS tanah air kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu pun dasar pendidikan yang digubal berguna pada masa depan negara keseluruhannya kecuali dasar pendidikan yang merangkumi kepentingan semua rakyat tidak mengira kaum, warna kulit, kepercayaan dan kebudayaan. Sesiapa sahaja yang menggubal dasar pendidikan yang mementingkan satu-satu kaum atau mempunyai ciri-ciri cenderung kepada kaum tertentu akan memikul satu dosa besar terhadap masa depan pendidikan negara kita.

Oleh itu, bagi mencapai matlamat atau objektif dasar pendidikan yang merangkumi kepentingan semua rakyat berbagai kaum negara ini, hendaklah berpegang kepada saranan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebelum pilihan raya April tahun lalu iaitu: "wo-men dou xhi yi jia ren".

Barisan Nasional ataupun dengan tepat MCA dan Gerakan jangan berpura-pura dalam isu pendidikan hingga memutarbelitkan apa yang dibangkitkan oleh DAP iaitu Dasar Pendidikan Negara mestilah merangkumi kepentingan semua rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, masa depan negara adalah ditentukan oleh setiap rakyat negara ini dari semua kaum seperti yang

disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, "wo-men dou xhi yi jia ren". MCA dan Gerakan adalah bertanggungjawab sepenuhnya kalau selepas pilihan raya bulan April tahun lalu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan mengubah sikapnya kepada "wo-men boh xhi yi jia ren".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tolong jelaskan maksudnya?

Tuan Liew Ah Kim: 'Kita bukan sekeluarga' - itu maksudnya. MCA dan Gerakan jangan cuba membohongi bahawa pendidikan Cina di negara ini adalah sebahagian dari pendidikan Malaysia. Kebudayaan Cina adalah sebahagian dari kebudayaan Malaysia dan masyarakat Cina adalah sebahagian dari masyarakat Malaysia. Oleh itu, MCA dan Gerakan hendaklah menyatakan dengan jelas pendirian mereka terhadap isu pendidikan ini, sama ada mereka mengakui bahawa pendidikan Cina adalah sebahagian dari pendidikan Malaysia.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Tuan Liew Ah Kim: Sila!

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan kerana isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi itu, tidak ada berkaitan langsung dengan akta yang kita bahaskan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat bangkitkan perkara ini atas Peraturan Mesyuaratkah ataupun hendak minta penjelasan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Saya hendak minta penjelasan, bagaimana

perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah berkaitan dengan akta yang kita bahaskan sekarang. Akta yang kita bahaskan sekarang adalah yang ada berkaitan dengan IPTS.

Tuan Liew Ah Kim: Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat bersabar sedikit, isi kandungan belum habis. Dengarlah, ini cuma satu pembukaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya MCA dan GERAKAN menerima hakikat ini, marilah bersama-sama dengan DAP, sama ada di luar mahupun di dalam Parlimen memperjuangkan apa yang telah dipelopori oleh Dong Jiao Zong iaitu penubuhan New Era Institute di Kajang Selangor. Inilah tajuknya - dengarlah baik-baik, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. New Era Institute di Kajang, Selangor, oleh kerana ianya berdasarkan kepada kepentingan pendidikan di negara ini pada masa sekarang ataupun hadapan. Memang masyarakat Cina di Malaysia termasuk Ahli-ahli MCA dan GERAKAN terhutang budi kepada Dong Jiao Zong kerana sanggup menjadi lilin membakar diri dalam memperjuangkan pendidikan Cina di negara ini sejak dekad 60-an lagi. Kalau masyarakat China berharap kepada MCA dan GERAKAN sudah tentu ia tidak melihat 60 buah sekolah Cina yang dikendalikan oleh Dong Jiao Zong boleh bertahan sehingga hari ini.

Pada 27hb. Ogos, 1994, Dong Jiao Zong telah membuat permohonan bagi menubuhkan New Era Institute di Kajang Selangor, iaitu pusat pengajian tinggi swasta yang memberi peluang kepada semua rakyat di negara ini menikmati pendidikan dalam menghadapi cabaran era sains dan teknologi tinggi serta abad ke-21. Malangnya pada 19hb. September, 1994, pihak pendaftar di Jabatan Pendidikan telah mengenyepikan permohonan mereka dengan alasan kerajaan akan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti telah pun diluluskan pada sidang Parlimen yang lalu akan tetapi permohonan Dong Jiao Zong untuk menubuhkan New Era Institute masih belum dapat apa-apa keputusan ataupun kelulusan. Sepatutnya penubuhan institusi pendidikan swasta digalakkan tumbuh dengan pesat di negara ini sepertimana dilakukan oleh negara-negara maju di dunia sekiranya Malaysia mahu mencapai matlamat pendidikan yang berkualiti dalam era teknologi dan bermaklumat sekarang. Adakah kerana penubuhan institusi pendidikan swasta ini dipelopori oleh Dong Jiao Zong, maka ianya menjadi penghalang besar kepada kerajaan untuk membenarkan ianya dilaksanakan? Kalau kerajaan menggalakan pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran ke Jepun, Taiwan dan Korea kenapa penubuhan New Era Institut menjadi dosa besar kepada Dasar Pendidikan Negara? Adakah kerajaan tidak yakin dengan Akta Pendidikan, 1995 yang baru sahaja diluluskan dalam bulan Disember yang lalu, hingga merasa bimbang dengan penubuhan New Era Institute ini?

Tuan Yang di-Pertua, Dong Jiao Zong dalam rayuannya kepada pihak pendaftar di Jabatan Pendidikan pada 19hb Oktober, 1994 telah menggaris tiga alasan konkrit kenapa New Era Institute perlu ditubuhkan dan patut mendapat sokongan kerajaan bagi sama-sama memberi sumbangan kepada negara kita supaya dapat mendidik semua rakyat yang merangkumi pelbagai kaum. Tiga alasan ini ialah:

- (i) New Era Institute ditubuhkan bukan untuk mendapat keuntungan secara komersil tetapi memberi bakti kepada negara dalam melaksanakan pencapaian yang berkualiti kepada pendidikan negara;
- (ii) penubuhan New Era Institute adalah selaras dengan dasar

pendidikan liberal yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia ke arah menjadikan negara ini pusat pendidikan serantau.

- (iii) memenuhi permintaan masyarakat Cina di negara ini bagi mengelakkan ramai pelajar-pelajar kita mendapatkan atau melanjutkan pendidikan di luar negeri, sedangkan kursus-kursus yang berkualiti boleh dilaksanakan di dalam negeri, di samping kos yang tidak membebankan ibu bapa.

Bagi berlaku adil terhadap Dong Jiao Zong tidak ada sebab mengapa penubuhan New Era Institute di Kajang Selangor ini di halang. Rakyat Malaysia akan menerima faedah dengan sumbangan Dong Jiao Zong dalam membantu kerajaan mencapai matlamat pendidikan yang berkualiti. MCA dan GERAKAN hendaklah menerima hakikat ini secara rasional bahawa rakyat negeri ini dan kerajaan juga tidak akan berasa rugi dengan penubuhan New Era Institute ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah aset terpenting dalam

Dato' Dr. Fong Chan Onn: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Tuan Liew Ah Kim: Oh, ya, boleh.

Dato' Dr. Fong Chan Onn: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi ini.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dari Seputeh.

Dato' Dr. Fong Chan Onn: Ahli Yang Berhormat dari Seputeh ini bercakap banyak berkaitan dengan pendidikan Cina. saya minta penjelasan dari Seputeh.

Apakah sumbangan DAP yang sudah buat berkaitan dengan pendidikan. MCA sudah menubuhkan TAR College, sudah beri peluang kepada ramai rakyat Malaysia yang mendapat pendidikan tinggi, tetapi DAP hanya cakap sahaja, boleh memutarbelitkan rakyat sahaja, bercakap bohong sahaja, tetapi kita yang sudah buat sejak tahun 1970-an TAR College telah ditubuhkan dan sudah ramai graduate-graduate yang dihasilkan dan ini sudah jelas. Antara graduate-graduate itu ialah Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP, anak-anak mereka dan sebagainya. Bolehkah Ahli Yang Berhormat DAP menerima itu dan mengucapkan terima kasih dan jangan putarbelitkan kita lagi?

Tuan Liew Ah Kim: Ma hua ee-cher ma hua. Ko cui cang hu-syer cang syiang yang.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak menggunakan ungkapan

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Bahasa Cina tidak mahu pakailah

Tuan Liew Ah Kim: Minta izin, saya akan menterjemahkan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat yang lain, saya hendak ingatkan Yang Berhormat yang lain, Kerusi itu satu sahaja. Yang Berhormat diingatkan bahawa ungkapan selain daripada Bahasa Kebangsaan, kalau hendak gunakan, tolong jelaskan maksudnya.

Tuan Liew Ah Kim: Memang, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Dalam Bahasa - Ma hua ee cher ma hua, ko cui cang hu syer cang syiang yang.....

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: (*Menyampuk*)

Tuan Liew Ah Kim: Terjemahannya.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri diingatkan, itu kerja saya.

Tuan Liew Ah Kim: Saya beri terjemahan secara langsung - direct translation iaitu "Bulu anjing tidak menghasilkan gading", itulah. MCA tetap MCA - itulah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, diingatkan Yang Berhormat, ada tiga orang Ahli yang lain hendak berucap sebab hari ini pun masa sudah suntuk sebab Yang Berhormat Menteri ini pun hendak jawab. Ya, teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Baik. saya pendekkan dan jimatkan masa saya. Tidak payah cepat-cepat bukan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Balik kepada tajuk.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak ada masa untuk berunding dan berbincang dalam Parlimen ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Cakaplah apa hendak cakap!

Tuan Liew Ah Kim: Cakap memang cakaplah. Yang Berhormat Timbalan Menteri macam mana boleh jadi Timbalan Menteri Pendidikan ini? Tidak sabar langsung.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, diingatkan, dialog itu saya rasa, saya tidak akan izinkan.

Tuan Liew Ah Kim: Baiklah. saya balik kepada tajuk.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini kata dua tahu? Saya tidak kisah siapa.

Tuan Liew Ah Kim: Saya menerima nasihat daripada Tuan Speaker, tidak sama macam Timbalan Menteri.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Timbalan Menteri bangun.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Berilah!

Tuan Liew Ah Kim: Penjelasan, boleh.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak mengatakan, semua orang tahu dalam Dewan ini kalau hendak guna selain dari Bahasa Kebangsaan, hendak minta kebenaran baik-baik. Ini tiba-tiba "cincau, cincau, cincau.....", saya pun sudah naik bingung. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu memang sudah diterang dan dijelaskan tadi tetapi ada caranya kita hendak bangkitkan sesuatu. Bukannya kita cakap di tepian sahaja.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Speaker, saya minta huraikan apa yang....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

Tuan Liew Ah Kim: Ya, penjelasan ataupun pendakwaan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak payah, Yang Berhormat. Teruskan, balik kepada tajuk.

Tuan Liew Ah Kim: Yang sebenarnya. Yang Berhormat Timbalan Menteri

Pendidikan boleh jawab tadi kalau masa ada lagi. Tidak payah interrupt saya daripada merampaskan ucapan saya ini.

Tuan Speaker, pendidikan adalah aset terpenting dalam menjadi ejen perubahan bagi meletakkan negara ini setanding dengan pencapaian pendidikan di negara-negara maju sekiranya mahu menjadikan Malaysia pusat pendidikan serantau dalam dasar pendidikan liberal kerajaan.

New Era Institute boleh menjadi daya tarikan kepada pelajar-pelajar di Asean untuk menyertai kursus-kursus dan program pendidikan yang berkualiti di abad ke-21 nanti.

Oleh itu, Institut Pendidikan Tinggi Swasta ini bukan untuk kepentingan masyarakat Cina di negara ini semata-mata tetapi boleh menggalakkan pelajar-pelajar dari luar negara terutama negara-negara Asean mengikut program pendidikannya bagi membolehkan negara kita menjadi pusat pendidikan serantau.

Akta Pendidikan 1995 sudah mencukupi memberi kuasa kepada kerajaan dan kuasa luar biasa kepada Menteri Pendidikan untuk mengawal dan mengawasi institusi pengajian swasta.

Tuan Speaker, oleh itu tidak ada sebab mengapa permohonan Dong Jiao Zong sejak tahun 1994 mahu menubuhkan New Era Institute mesti dihalang ataupun dilewat-lewatkan secara tidak demokratik. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Mulok bin Haji Awang Damit: (*Bangun*)

Tuan Robert Lau Hoi Chew: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat berdua yang hendak berucap, cuba pendekkan dan padatkan ucapan Yang Berhormat sebelum

Yang Berhormat Menteri diminta jawab. Labuan, lepas itu Sibul dan cuba pendekkan ucapan Yang Berhormat.

8.25 m/m.

Tuan Abdul Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada beberapa perkara dalam perbahasan ini yang ingin saya bangkitkan kerana banyak telah diperkatakan oleh rakan-rakan saya sebelum ini.

Di antara perkara yang ingin saya nyatakan ialah mengenai Bahagian VI, Perenggan 7, *Fasal 43(1)* rang undang-undang ini yang menyentuh tentang mata pelajaran wajib di IPTS iaitu Pengajian Malaysia, Pengajian Agama Islam dan Pendidikan Moral dan Perkara 3 menyebut bahawa mata pelajaran ini hendaklah menjadi prasyarat bagi penganugerahan sijil, diploma ataupun ijazah daripada IPTS nanti.

Saya amat bersetuju dengan perkara ini dan terutamanya mata pelajaran Pengajian Malaysia yang pada hemat saya dapat menjamin pengaliran keluaran tenaga mahir negara pada masa akan datang. Pengajian Malaysia ini lebih tepat lagi dijadikan pengajian kenegaraan yang harus menyemaikan semangat patriotisme dan cintakan tanah air justeru mempunyai keinginan untuk turut serta membangunkan negara dan bangsa.

Para pelajar perlu diajar bagaimana untuk memahami dan mengkagumi Malaysia sebagai tanah air mereka dan bukan tempat persinggahan yang menyediakan berbagai-bagai kemudahan sosial untuk mereka berkhidmat di tempat lain kemudiannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong pelaksanaan *Fasal 41* yang

menyatakan Bahasa Kebangsaan dijadikan sebagai bahasa pengantar di semua IPTS dan dalam Akta Pendidikan 1995 yang lalu, kita begitu serius sekali dengan isu bahasa di dalam Sistem Pendidikan Negara dan Bahasa Melayu masih dikekalkan sebagai bahasa pengantar di semua peringkat pendidikan. Oleh yang demikian, adalah tidak rasionalnya sekiranya Institut Pengajian Tinggi Swasta ini tidak dikenakan dengan peraturan yang sama.

Kita tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, melihat wujudnya keadaan di mana terdapatnya dua kumpulan graduan dari IPT tempatan. Satu kumpulan graduan dari IPTA yang menjalankan pengajian dalam bahasa Melayu, satu lagi graduan dalam IPTS yang menggunakan bahasa Inggeris.

Walaupun tuntutan pasaran kerja sekarang lebih cenderung pada graduan yang dapat menguasai bahasa Inggeris dan ini sudah tentu meletakkan graduan daripada IPTS di tempat yang selamat berbanding dengan graduan dari IPTA.

Tuan Yang di-Pertua, satu jalan penyelesaian yang saya fikir baik ialah kita mengutamakan bahasa Melayu. Saya percaya bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ekonomi di samping bahasa perpaduan. Menggunakan bahasa Melayu tetapi kita menggalakkan juga penggunaan bahasa Inggeris terutamanya di IPTA yang saya kira merupakan satu penyelesaian yang paling baik dan bagi saya, bukan sahaja setakat menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris tetapi cuba juga mencari jalan untuk menguasai bahasa ketiga yang lain misalnya bahasa Arab, bahasa Perancis, Mandarin, Jepun dan lain-lain. Saya berharap kementerian dapat mencari jalan dengan sekurang-kurangnya memikirkan soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, IPTS yang diusahakan oleh syarikat tempatan diminta

menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dan membenarkan bahasa Inggeris untuk keadaan-keadaan tertentu sahaja seperti kuliah yang dikendalikan oleh pengajar dari luar atau dari antarabangsa atau kursus teknikal yang istilah dalam bahasa Melayu belum lagi mantap.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu IPTS yang bakal diwujudkan nanti membawa imej kolej-kolej swasta yang sudah terdapat di negara ini juga, dari pakaian seragam, pergaulan sehinggalah teknik pengajaran, terutamanya penggunaan bahasa amat kebaratan dan langsung tidak mencerminkan budaya Malaysia.

Kita juga tidak mahu melihat institusi IPTS nanti membawa identiti elit kolej-kolej swasta ini. Saya mengatakan elit kerana jika kita amati lokasi kolej-kolej ini di kawasan-kawasan elit seperti Damansara, Subang Jaya, Bangsar dan Petaling Jaya dan kurang terdapat di tempat-tempat lain misalnya Gombak, Keramat atau Kampung Pandan. Biarlah lokasi IPTS ini nanti tidak dilonggokkan di satu-satu bandar atau di satu-satu kawasan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, stigma seumpama ini perlu dikikis dari IPTS nanti dan bila menyentuh tentang IPTS, ibu bapa tidak seharusnya memikirkan RM7,000 hingga RM8,000 sebulan. Biarlah IPTS itu menjadi alternatif kepada IPTA dan bukan IPT elit untuk golongan tertentu sahaja. Kita juga tidak mahu wujudnya University Havard yang ternama tetapi pelajarannya terdiri dari golongan elit dan yang berada sahaja. Jikalau boleh, biarlah kita wujudkan lebih banyak Oxford dan Cambridge yang telah menghasilkan pelajar yang paling cemerlang dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu ialah penyelarasan yuran di antara IPTA

dan IPTS bagi mengelakkan dominasi pelajar kaya di IPTS. Fenomena ini membawa keadaan masalah kuota kaum dan jika wang diasaskan sebagai kelayakan ke IPTS, sudah pasti IPTS akan didominasi oleh golongan bukan bumiputera dan hal ini akan hanya mencetuskan polarisasi kaum dan menjejaskan aspirasi kerajaan ke arah keharmonian kehidupan majmuk.

Justeru itu, IPTS harus dikenakan syarat yang sama dalam isu pengambilan pelajar supaya kuota pelajar bumiputera tidak terjejas dan pelajar bumiputera pula boleh belajar di IPTS menggunakan dana pendidikan yang telah diperuntukkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pendidikan pernah berkata bahawa IPTS yang menawarkan program teknikal dan kejuruteraan mempunyai peluang yang lebih baik mendapatkan kelulusan penubuhannya berbanding dengan IPTS yang menawarkan program sastera dan sains sosial. Hal ini amat saya sokong kerana negara amat kekurangan bekalan tenaga mahir tempatan dalam bidang teknikal dan kejuruteraan. Justeru itu, program atau kursus yang dicadangkan untuk ditawarkan di IPTS ini perlulah dipertimbangkan dengan teliti.

IPTS ini juga harus menyumbang kepada pencapaian matlamat kerajaan ke arah pencapaian negara iaitu bagi melahirkan nisbah pelajar aliran sains dan sastera itu di paras 60:40 menjelang tahun 2000 nanti. Untuk menentukan nisbah kaum ini ditepati, saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri dan MPTN menimbangkan permohonan tawaran program pengajian berasaskan nisbah yang ditebapkan di mana IPTS wajib mengadakan perancangan atau jadual bagi penyediaan fizikal dan pengambilan tenaga pengajar sebelum diberikan kelulusan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar kos yang tinggi diperlukan untuk mendapatkan tenaga pengajar dan menyediakan kemudahan fizikal bagi kursus sains dan teknologi, tetapi fenomena ini tidak sewajarnya mewujudkan proses tawar-menawar tenaga pensyarah sehingga mengakibatkan mereka mengajar untuk wang.

Penubuhan IPTS juga perlulah diteliti memandangkan dengan hanya 8 buah institusi pengajian tinggi yang sedia ada, negara sudah menghadapi krisis kekurangan tenaga pengajar. Apa lagi jika wujudnya IPTS nanti. Kementerian Pendidikan harus bersedia dengan fenomena curi-mencuri atau 'pinching' dan tawar-menawar pensyarah di samping kenaikan pangkat pensyarah ke taraf Profesor dan Profesor Madya seperti yang berlaku sekarang, semata-mata untuk mengelakkan mereka berhijrah ke universiti lain atau kolej swasta yang lain.

Langkah alternatif perlulah disegerakan supaya krisis yang sedia ada ini tidak meruncing apabila IPTS muncul kelak. Pengambilan tenaga pengajar antarabangsa perlu, tetapi bukannya penyelesaian mutlak kerana masalah silang budaya, bahasa dan matlamat tidak sama dengan tenaga pengajar tempatan. Satu kebaikan daripada penubuhan IPTS ialah pengurangan kos pendidikan yang ditanggung oleh kerajaan bagi pelajar yang ditaja berbanding dengan kos sekiranya pelajar dihantar ke IPT luar negara.

Tidak dapat dinafikan, masih perlu sebilangan pelajar dihantar ke luar negara setiap tahun untuk mengikuti kursus yang tidak terdapat di negara ini dan tidak dinafikan juga, negara perlu menghantar pelajar ke IPT luar negara untuk mengikuti kursus dalam bidang tertentu yang diiktiraf dan berkualiti tinggi. Kos akan dapat dikurangkan sekiranya pelajar mengikuti

sebahagian daripada pengajian di dalam negeri melalui program berkembar di antara IPTS tempatan dengan universiti terkemuka di luar negara dan penubuhan IPTS akan dapat menambahkan mutu dan bilangan program berkembar di negara ini. Tetapi, perlu ada garis panduan bagi IPTS dalam menentukan yuran pengajian dan bayaran lain supaya pendemokrasian pendidikan tidak terjejas dan dengan lain perkataan, supaya kebanyakan pelajar yang ingin belajar mampu membayar yuran.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya penubuhan IPTS mengikut lunas-lunas yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan amat saya sokong kerana IPTA dengan gandingan IPTS mampu membawa Malaysia menuju matlamat sebagai pusat pendidikan serantau. Kewujudan IPTA dan IPTS yang berkualiti dapat merealisasikan matlamat ini. Namun, biarlah kedua-duanya menghasilkan pendidikan berkualiti pada kos yang berpatutan supaya dapat dinikmati oleh seluruh warganegara Malaysia yang inginkan pendidikan.

Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, SibU. Selepas itu, Yang Berhormat Menteri jawab. Yang Berhormat SibU, saya rasa masa itu mungkin.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya. Masa sudah suntuk.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, kita mempunyai satu hari lagi besok dan saya rasa ramai lagi sahabat-sahabat saya yang hendak bercakap besok. Saya rasa selepas ini, buka lagi perbincangan sehingga esok.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ada lagi yang hendak berucap?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Ya, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya sokonglah Parit Sulong kerana saya pun tahu ramai orang yang setuju. (*Tepuk*)

8.39 mlm.

Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu): Terima kasih. Jadi, saya tidak ada tahap waktu, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Boleh, sampai malam!

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana telah memberi Rang Undang-undang IPTS 1996 yang berpandangan jauh bersama dengan tiga Rang Undang-undang Pendidikan lain dengan cara yang cekap.

Kejayaan bagi program penswastaan Malaysia adalah faktor untuk mengekalkan pembangunan ekonomi kebangsaan serta mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan mengekalkan kecekapan dan produktiviti. Sekarang, Kerajaan Barisan Nasional melalui Kementerian Pendidikan yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sekali lagi telah membawa program penswastaan kebangsaan ke satu tahap yang tinggi lagi.

Saya yakin Rang Undang-undang IPTS 1996 apabila diluluskan oleh Parlimen akan regulate, dengan izin, dengan aktifnya dan mencapai objektif berikut:

- (a) untuk memperkembangkan skop dan memberi lebih banyak peluang pendidikan tinggi di negara kita;
- (b) untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan tinggi yang cekap dan cemerlang di rantau ini;

- (c) untuk melatih lebih ramai tenaga kerja yang mahir seperti yang diperlukan oleh program perindustrian pertumbuhan kebangsaan yang kuat dalam negara kita untuk mencapai objektif Wawasan 2020;
- (d) untuk menjimat pertukaran asing sebanyak RM3 bilion setahun dan di antara itu kemungkinan untuk mengaut keuntungan pertukaran asing apabila lebih ramai pelajar asing mengejar pendidikan tinggi di negara kita;
- (e) untuk mengurangkan out-flow, dengan izin, tenaga mahir kerana mereka belajar di Malaysia dan juga menjaga pelajar-pelajar kita daripada terjebak dengan kebudayaan asing yang tidak diingini; dan
- (f) pendidikan tinggi adalah selari dengan pembangunan polisi dan kepentingan kebangsaan dan juga kepentingan pelajar-pelajar dari segi yuran dan kemudahan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada seksyen 7 permohonan untuk mendirikan IPTS untuk memasukkan informasi yang lebih luas di mana pada pandangan saya adalah terlalu demanding, dengan izin, dan pemohon-pemohon mungkin akan tertinggal beberapa informasi yang mana mungkin digunakan sebagai alasan untuk menolak permohonan. Saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk mempertimbangkan untuk memberi peluang-peluang kepada pemohon-pemohon untuk membekalkan informasi tambahan seperti yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 18(6), Yang Berhormat Menteri

Pendidikan mungkin menolak permohonan untuk pendaftaran bagi IPTS tanpa memberi sebarang alasan untuk penolakan tersebut. Saya fikir seksyen ini terlalu keras dan ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberi sebab kepada penolakan Yang Berhormat dan memberi peluang kedua bagi menimbang semula permohonan untuk pertimbangan semula serta kelulusan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat puashati melihat iaitu di bawah Seksyen 35 yang menerangkan rakyat yang terlibat di dalam IPTS yang telah ditutup untuk bertindak dengan kapasiti yang sama kepada IPTS yang lain agar tidak berulangnya penyalahgunaan. Sama juga di bawah seksyen 58, Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga diberi kuasa untuk menutup IPTS kerana telah gagal memenuhi kehendak untuk menjaga kepentingan pelajar. Seksyen 56, 60 dan 61 semuanya diadakan untuk objektif yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk, Yang Berhormat.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Sambungkah tidak?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Esok boleh sambung.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Esok ya? Terima kasih. Sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.